

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Hari : 5 MEI 2010 (Rabu)

Tempat : Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.

Jam : 9.30 Pagi.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Pegawai Kewangan Negeri
5.	Y.B. Tuan Mansor bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
6.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
7.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
8.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
9.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
10.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
11.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
12.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
13.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
14.	Y.B. Tuan Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
15.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
16.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
17.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
18.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
19.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	KOMTAR
20.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
21.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
22.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
23.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
24.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Ahli Kawasan Bukit Tengah
26.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak

- | | | |
|-----|---|--------------------|
| 27. | Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji | Seri Delima |
| 28. | Y.B. Tuan Koid Teng Guan | Sungai Pinang |
| 29. | Y.B. Tuan Lau Keng Ee | Pengkalan Kota |
| 30. | Y.B. Tuan Tan Beng Huat | Jawi |
| 31. | Y.B. Tuan Raveentharan a/l V.
Subramaniam | Batu Uban |
| 32. | Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim | Penaga |
| 33. | Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya | Telok Bahang |
| 34. | Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid | Telok Ayer Tawar |
| 35. | Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed
Ahmad | Bayan Lepas |
| 36. | Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed | Sungai Dua |
| 37. | Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin | Pinang Tunggai |
| 38. | Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah | Seberang Jaya |
| 39. | Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya | Permatang Berangan |
| 40. | Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad | Pulau Betong |
| 41. | Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria | Sungai Acheh |
| 42. | Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab | Bertam |

TIDAK HADIR

- | | | |
|-------------------------------|---|--------------------------------|
| Y.B. Dato' Faiza Bt. Zulkifli | - | Penasihat Undang-undang Negeri |
| Y.B. Tuan Phee Boon Poh | - | Ahli Kawasan Sungai Puyu |

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri – Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan bersidang semula pada jam 10.00 pagi

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dewan bersidang semula. Terlebih dahulu saya ingin meminta maaf kerana kita lewat sedikit. Dipersilakan Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warohmatullah Hiwabarokatuh*, salam sejahtera dan salam Satu Malaysia. Saya bangun untuk turut serta dalam membahaskan ucapan Perasmian Penggal Ketiga oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Yang ke 12 ini.

Y.B. Tuan Speaker, dalam teks ucapan TYT Tun terdapat lebih kurang 16 projek yang disebut. Kesemua projek-projek yang disebut adalah projek-projek yang diwujudkan dalam RMKe-9 dan juga dalam pakej rangsangan. Kita bersyukur kesemua projek tersebut adalah untuk kesihatan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Point of Order. Saya bangkit Peraturan Mesyuarat 51. Y.B. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada satu istilah yang digunakan oleh Y.B. Ketua Pembangkang iaitu Y.B. Penaga yang saya rasa kurang sedap dan tidak patut digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa itu saya tidak berada di dalam Dewan tetapi bila saya semak dalam laporan surat khabar telah dilaporkan dengan luas bahawa Y.B. Ketua Pembangkang semasa menjawab kritikan daripada Y.B. Sri Delima tentang satu peristiwa di mana beliau tunjuk punggung dan telah digantung kerana enggan atau ingkar arahan dan perintah Speaker untuk meminta maaf dan menarik balik. Semalam beliau telah menghina, cuba menghina Ketua Pembangkang Malaysia dan Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR) Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan menggunakan istilah main punggung. Saya ingin meminta supaya beliau menarik balik perkataan main punggung kerana ini tidak sesuai digunakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Berita di dalam surat khabar saya pun tidak baca lagi, surat khabar mana. Kalau Yang Amat Berhormat boleh beritahu saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat ada menggunakan istilah main punggung. Saya hanya minta satu sahaja, tarik balik perkataan main punggung kerana ini tidak sesuai digunakan dalam Dewan yang mulia ini kerana ini bukan tempat untuk menggunakan perkataan main punggung. Ini betul-betul tidak manis dan saya hanya minta ditarik balik perkataan main punggung, itu sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, saya kata dituduh main punggung.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak sebut perkataan dituduh. Saya minta perkataan main punggung, dua perkataan ini ditarik balik, itu sahaja. Itu terpulang kepada Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, apa yang saya kata ialah dituduh main punggung. Dalam verbatim boleh semak muka surat 5.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu apa Y.B. Ketua Pembangkang sebut. Saya tidak minta perkataan dituduh ditarik balik, tidak ada. Saya hanya minta perkataan main punggung ditarik balik kerana ia tidak sesuai digunakan dalam Dewan yang mulia ini, itu sahaja. Saya rasa Yang Berhormat boleh buat secara ringkas supaya kita boleh teruskan Dewan yang mulia ini kerana ini saya rasa sesuatu yang menghina kepada Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia. Dan bila ini dikeluarkan di dalam surat khabar ianya menyakiti Kerajaan Pulau Pinang, bukan saya sendiri tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya harap bahawa perkataan main punggung ditarik balik, saya tidak minta perkataan dituduh ditarik balik. Saya minta perkataan main punggung ditarik balik kerana ini tidak sesuai digunakan di dalam Dewan yang mulia ini, tidak sesuai didengar oleh pelajar-pelajar, itu yang tidak manis.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Budak-budak yang tepok. Okey, kalau saya tarik balik(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta Y.B. Tuan Speaker buat keputusan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya gantikan dengan, kalau disuruh, saya gantikan dengan (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak mahu dengan penggantian, saya mahu ditarik balik, itu sahaja. Y.B. Tuan Speaker, sila buat keputusan. Itu sahaja.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga sila duduk. Tadi saya sudah bagi peluang bercakap, bukan. Okey, sekarang nak bercakap lagi? Boleh.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya saya nak bercakap.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya belum bercakap lagi apa tarik balik, tarik balik? Saya tahu ini semua nak suruh saya keluar pula. Itu teknik Kerajaan Negeri Pulau Pinang, hari itu,....(gangguan), diam, tutup mulut, saya hendak bercakap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya bangkit atas *Point of Order*. Bila saya bangkit atas *Point of Order*, saya minta Y.B. Tuan Speaker buat keputusan. Saya hanya minta Y.B. Tuan Speaker bersetuju dengan permintaan saya bahawa Y.B. Penaga menarik balik perkataan main punggung, tidak ada pilihan lain, itu sahaja. Saya harap Y.B. Tuan Speaker boleh buat keputusan sekarang kerana perkara ini jelas, tanpa memanjangkan lagi masa Dewan. Perkara ini serius kerana ianya menghina Dato' Seri Anwar Ibrahim dan kita amat sakit hati. Saya minta itu sahaja supaya tarik balik perkataan main punggung kerana tidak sesuai digunakan di dalam Dewan ini. Saya harap marilah kita berbincang atau berbahas secara serius dan menggunakan perkataan yang bersopan, itu sahaja. Itu mudah sahaja Y.B. Tuan Speaker, buat keputusan sama ada boleh atau tidak, terpulang kepada Y.B. Tuan Speaker, terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya berpendapat....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tunggu sat Y.B. Tuan Speaker, tadi Ketua Menteri suruh saya tarik balik, sekarang saya hendak jawab.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tadi sudah jawab kan?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya hendak jawablah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tak apalah, sila jawab.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak apalah, kalau hendak bising sangat kata main punggung, saya tukar dituduh liwat.

Ahli-ahli Kerajaan:

Tarik balik dulu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga, ini bermakna Y.B. Penaga bersetujulah untuk tarik balik perkataan main punggung.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tarik perkataan main punggung, saya guna dituduh liwat. Saya tarik balik kalau telah dipaksa kerana ini nanti menyebabkan saya akan disuruh keluar pula Dewan. Saya guna pula dituduh liwat.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga telah menarik balik perkataan main punggung. Dewan sudah terima.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya haraplah kalau kita hendak gunakan istilah, gunakan yang betul, janganlah yang kurang manis dan itu memang kurang manis. Saya harap kita guna bidang yang sesuai, di sini saya rasa itulah harapan saya sebagai Ketua Kerajaan dan Y.B. Penaga sebagai Ketua Pembangkang dan kita mahukan sesi ini berjalan dengan sopan dan lancar. Sebagai Ketua Pembangkang mesti sekurang-kurangnya cuba memberi contoh teladan yang baik, bukan seperti yang berlaku semalam di mana saya rasa bila kita yang tidak ada di dalam Dewan, kita baca dalam surat khabar bila ianya sudah keluar, kita rasa sakit hati.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga sudah tarik balik. Sekarang kita ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebentar lagi. Saya bukan berniat untuk menghina sesiapa, saya pun sedar sebagai wakil rakyat, bukan saya baru sehari jadi wakil rakyat, tetapi perkataan-perkataan yang digunakan di dalam Dewan ini lebih dahsyat daripada itu, rasuah, penipu, perompak, pembohong dan Yang Amat Berhormat sendiri pun kata(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini bukan rasuah. Ini RM3 juta diberi, bukan rasuah?

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga, saya ingat hendak teruskan dengan perbahasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Apabila pihak kerajaan menggunakan perkataan sebegitu seharusnya Y.A.B. Ketua Menteri menasihati untuk tidak menggunakan perkataan-perkataan sebegitu. Kalau digunakan kami juga akan menggunakan. Bukan niat untuk menghina tetapi kita boleh berbahas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tetapi kita tidak gunakan perkataan main punggung. Itu keterlaluan, tidak boleh. Saya tidak mahu panjangkan isu ini, saya harap Y.B. Penaga jangan guna lagi istilah ini main punggung, mana boleh terima.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun ingat kerana hendak teruskan perbahasan ini maka saya pun kata okey, saya tarik balik perkataan ini dan diganti dengan liwat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, *settle*. Tarik balik perkataan yang tidak senonoh ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tahu ini adalah strategi supaya saya disuruh keluar pula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak, saya rasa tidak, cuma kita hendak pastikan supaya bersopan dan berikan satu contoh baik dan tidak gunakan perkataan tidak senonoh kerana itu tidak senonoh.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Jadi semua pun jangan gunakan perkataan tidak senonoh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Macam mana?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Macam perompak, penyamun, samseng.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu tidak senonoh? ...(ketawa).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat sendiri guna perkataan itu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga, sila duduk. Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

You kalau nak letak jawatan..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Ini juga tidak senonoh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini perompak, ini rasuah....(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima sila duduk, Y.B. Sungai Aceh sila duduk. Y.B. Penaga, saya ingat isu ini sudah cukup. Sila bagi jalan untuk meneruskan dengan perbahasan. Dipersilakan Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih. Saya ingat kena dari mula balik Y.B. Tuan Speaker. Dalam teks ucapan TYT Tun terdapat lebih kurang 16 projek yang disebut. Kesemua projek-projek yang disebutkan adalah yang diwujudkan dalam RMKe-9 dan juga dalam pakej rangsangan. Kita bersyukur kesemua projek tersebut adalah untuk kesihatan rakyat. Di dalam Dewan yang mulia ini, sukacita ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas segala peruntukan kewangan untuk meneruskan usaha meningkat dan membangunkan Negeri Pulau Pinang ini.

TYT Tun juga telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih. Kita juga berharap Kerajaan Negeri akan terus memberi sokongan kepada semua projek Kerajaan Persekutuan demi untuk kesihatan rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, dalam jawapan bertulis kepada saya, YAB. Ketua Menteri telah memaklumkan kepada saya bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan permohonan peruntukan sebanyak RM12.56 bilion untuk dilaksanakan di dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2010.

Jumlah tersebut adalah satu jumlah yang besar dan merupakan lebih kurang dua kali ganda dalam RMKe-9 yang berjumlah sekitar RM6.5 bilion. Dalam suku tahun Kerajaan Negeri telah berbelanja sekitar RM1.73 juta untuk mengadakan misi pelaburan luar negara. Maka saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri patut keluar dengan misi perdagangan dengan lebih berfokus untuk menarik lebih ramai lagi pelabur untuk mencapai angka RM10 bilion yang telah dibawa masuk oleh kerajaan BN sebelum ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada beberapa jawapan bertulis yang telah pun diserahkan kepada saya. Soalan saya no. 14 dan 15 telah mengundang jawapan yang sama walaupun soalnya berbeza. Saya bertanya tentang PICC, jawapan *cut and paste* bagi 14 dan 15 saya rasa tidak tepat. Saya bertanya mengapakah firma Arkitek Ez Design dilantik sebagai arkitek bagi projek PICC, adakah pelantikan tersebut selaras dengan konsep CAT yang dilaungkan oleh Kerajaan Negeri. Dijawab PICC masih dalam peringkat perancangan dan kajian, setakat ini tiada pelantikan rasmi dibuat ke atas mana-mana firma arkitek. Soalan 15 saya tanya lagi apakah kejangkaan kelebihan dan kekurangan dan *feasibility studies* dari segi keuntungan, trafik, penginapan dan faktor-faktor yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap PICC. Sila nyatakan firma dan pakar runding yang dilantik bagi menjalankan kajian *feasibilities* tersebut. Jawapannya tetap sama.

Y.B. Tuan Speaker, saya hairan kalaulah perancangan dan kajian sedang dibuat, siapakah yang melakukan perancangan tersebut? Sedangkan tidak ada perunding yang dilantik, tidak ada arkitek, tidak ada pakar ekonomi, tidak ada konsultan yang dilantik. Tetapi apa yang saya tahu bahawa pelan konsep perancangan telah pun selama ini dan sekarang dipamerkan

Y.B. Tuan Speaker, saya merujuk kepada jawapan nombor 4 berhubung dengan, senaraikan semua perjanjian usaha sama dan persefahaman yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan projek Halal Hab. Saya cuba bertanya di sini iaitu dalam tahun 2009, bulan Mei yang lalu, PIHH telah pun menandatangani dengan Hotel Seri Malaysia, sebuah hotel yang telah pun sedia ada untuk membangunkan ke dua-dua hotel tersebut sebagai hotel bertaraf halal. Saya hendak tahu setakat ini apakah yang telah berlaku selepas 12 bulan. Begitu juga telah pun menandatangani industri asas tani, Juru Beach, saya juga hendak tahu apakah yang berlaku setelah 12 bulan.

Saya hendak mengetahui lagi ada yang baik di sini, ada lebih kurang (9) sembilan kalau tidak salah saya, projek-projek yang telah ditandatangani 12 projek yang telah ditandatangani, tetapi saya ingin mengetahui apakah tindakan lanjut ataupun status perkembangan lanjut mengenai projek itu. Yang paling saya hendak tahu juga adalah tentang perjanjian PIHH dengan Penang Port Sdn. Bhd. dengan Penang Port dan Safety Total Logistik iaitu dibangunkan dengan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai satu Halal Port. Saya juga hendak tahu apakah status bagi projek yang telah pun disenaraikan oleh EXCO Batu Maung.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga mengambil maklum daripada soalan bertulis Penanti, menyatakan bahawa terdapat sebanyak 431 kilang-kilang yang sedang beroperasi secara haram, tidak berlesen di Pulau Pinang ini. Sejumlah 105 buah kilang di bahagian Pulau dan 326 buah kilang di Seberang Perai. Tindakan yang telah diambil ialah mengeluarkan notis serta disusuli dengan tindakan penguatkuasaan atau mahkamah terhadap premis-premis yang terlibat dengan penyalahgunaan secara haram. Saya juga mahu mendapat keterangan lanjut daripada EXCO Penanti, tentang status tindakan mahkamah dan juga berharap perkara ini akan meneruskan lagi usaha untuk mengambil tindakan kepada mereka-mereka yang mengadakan atau beroperasi tanpa lesen dan seboleh-bolehnya untuk mengatasi kegawatan ekonomi dan juga kekurangan tentang pelaburan asing. Saya berharap akan juga mengambil tindakan positif ke arah memastikan yang mereka ini dapat beroperasi secara halal.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin meneruskan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan setempat. Pasar awam di Balik Pulau, Ahli Kawasan Padang Kota tidak ada hari ini, dalam bulan Disember, walaupun terlewat saya mendapati pihak EXCO dan MPPP telah pun memasang papan tanda kepada pasar awam itu, tetapi saya melibat bahawa papan tanda itu dibuat secara melepas batuk di tangga, saiznya kecil, diletakkan di tempat yang tidak kena dan tidak mencukupi. Saya berharap pihak EXCO Padang Kota, turun ke padang melihat semua papan tanda yang dipasang itu kerana masyarakat di kawasan itu tidak berpuas hati dengan papan tanda yang telah pun dipasang.

Yang keduanya, berkenaan dengan tong-tong sampah yang dipasang, terlalu banyak *complaint* yang saya dapat menyatakan bahawa tong-tong sampah itu tidak dicuci, amat berbau dan *leachate* nya setebal satu inci, kalau Y.B. EXCO dapat turun padang dan meninjau sendiri dan dapat menghidu bau-bauan tersebut, saya rasa pihak EXCO akan lebih prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung di taman-taman di kawasan tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, pelancongan, cuba kita lihat Penang Tourism, yang saya pegang ini yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap pihak EXCO lebih prihatin dengan setiap tindakan yang dibuat. Saya sebagai anak Melayu Pulau Pinang, anak Pulau Pinang utamanya, saya melihat gambar-gambar yang dipaparkan lain dan ada kebudayaan-kebudayaan India dipamerkan dengan tepat, tetapi saya lihat pula kepada kebudayaan Melayu yang menunjukkan di sini adalah wau bulan. Ini bukan kebudayaan Negeri Pulau Pinang, wayang kulit juga bukan daripada kebudayaan Negeri Pulau Pinang, rebana juga bukan daripada kebudayaan Negeri Pulau Pinang.

Sama ada EXCO tidak faham, tidak mengetahui atau tidak mengambil berat atas masalah ini. Saya berharap Penanti, sebagai Timbalan Ketua Menteri dapat melihat perkara-perkara seperti ini. Saya rasa Penanti adalah seorang terpelajar dan dapat membezakan yang mana kebudayaan Melayu Pulau Pinang dan yang mana bukan. Saya takut ini akan memberikan gambaran yang tidak jelas, bukan sahaja anak Pulau Pinang yang masih membesar bahkan juga pelancong di luar negara.

Y.B. Tuan Speaker, cuba kita lihat *tourism* program yang dibuat, *Top Ten What To See*, ada sepuluh perkara di situ, *for the heritage building and then houses in George Town in the city*, Tee Kwong Hwa di Air Itam, Penang Hill, Temple *regarding* Buddha. Ini semua disenaraikan tetapi tidak satu pun yang menunjukkan adanya kebudayaan Melayu di Pulau Pinang ini. Bagaimana pula dengan *little* India, tidak disenaraikan sebagai *Top Ten What To See*, begitu juga dengan *Top Ten What To Eat*, tidak langsung disenaraikan, hanya ada satu, dua yang disenaraikan sebagai makanan kesukaan orang Pulau Pinang yang mesti dirasai oleh pelancong.

Begitu juga *Top Ten What To Do*, disenaraikan sepuluh, tetapi tidak menggambarkan keseimbangan di antara Pulau dan juga Seberang Perai. Semua produk disenaraikan seolah-olah menggambarkan seolah-olah yang Pulau Pinang ini hanya bahagian Pulau sahaja, tidak ada langsung produk pelancongan yang ada di Seberang Perai. Ini satu yang tidak adil dan agak malang, kerana tidak diberikan maklumat yang tepat kepada para pelancong yang datang ke sini yang berjumlah lebih kurang hampir 5 juta orang tidak pergi ataupun tidak menziarahi atau melawat tempat-tempat yang luas daripada kawasan di Pulau Pinang ini. Saya berharaplah Ahli Kawasan Penanti dapat membantu EXCO Pelancongan untuk melihat benda-benda seperti ini ada yang tidak diubahkan lagi.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga melihat bahawa statik pelancongan jumlah kadar pelancong yang menginap di hotel di Negeri Pulau Pinang telah menurun sebanyak 5.5% bagi tahun 2009, berbanding dengan tahun 2008. Di masa yang sama Negeri Kedah, negeri jiran telah meningkat sebanyak 77% dan Negeri Perlis Utara sebuah negeri kecil telah meningkat 47.37%. Saya cuba mencari perangkaan lain untuk membuat perbandingan, malangnya SERI yang selalu yang menjalankan kajian bagi pihak kerajaan tidak lagi membuat kajian dalam sektor pelancongan ini. Saya hairan dan saya ingin tahu dan ingin mendapatkan penjelasan daripada EXCO kalau pihak SERI tidak lagi membuat kajian, siapa pula yang akan membuat kajian yang cukup besar ini, berapakah jumlah pelancongan sampai ke Pulau Pinang, siapakah yang mengumpulkan maklumat tentang jumlah pelancong, di mana hotel-hotel penginapan pelancong dari luar negara. Pihak SERI hanya membuat kajian sehingga 2007 sahaja, kerana ini saya lihat daripada naskhah 2009 yang tercatat maklumat sehingga 2007 sahaja.

Y.B. Tuan Speaker, kalau bukan SERI yang mengumpulkan maklumat dan membuat analisa, siapakah yang membuatnya, tanpa maklumat yang tepat dan fakta yang baik, saya hairan bagaimana pihak EXCO dapat membuat perancangan untuk negeri ini. Saya cukup gusar dan khuatir kalau beginilah cara Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan, saya takut Pulau Pinang akan

tenggelam dalam kalender pelancongan dunia dan pelancong tidak datang lagi ke negeri ini. Kalau pelancong tidak datang yang rugi bukan kepada Kerajaan sahaja, tetapi turut terjejas adalah rakyat Pulau Pinang yang bekerja dalam industri pelancongan ini. Saya juga berharap untuk melihat penerangan ataupun jawapan daripada EXCO tentang produk-produk baru yang dibuat dalam sektor pelancongan sejak dua tahun yang lalu, bukan forum ya, produk-produk baru yang dibuat oleh pihak EXCO untuk sektor pelancongan di negeri ini. Saya juga bagi pihak *Home Stay* Pulau Pinang, setiap kali *brochure* dikeluarkan, maklumat dikeluarkan disebutkan *Home Stay* Pulau Pinang, tetapi saya berasa amat dukacita kerana hari ini satu sen pun tidak disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada *Home Stay* Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada isu perumahan, saya mahukan Kerajaan Negeri memberikan definisi kepada jenis-jenis rumah yang dikatakan mampu milik oleh Kerajaan Negeri. Adakah rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sahaja yang dikatakan mampu milik. Berapakah pula harga kos sederhana dan kos sederhana rendah. Saya ingin katakan di sini bahawa Kerajaan Negeri membiarkan berlakunya ketidakadilan sosial ataupun *sosial injustice* kepada masyarakat di Balik Pulau kerana telah membiarkan ratusan rumah yang dibina dengan harga jualan yang dibina jumlah yang melebihi RM250,000.00. Sedarkah Kerajaan Negeri di bawah jumlah rumah ataupun rumah-rumah yang berharga RM250,000.00 ini ke atas adalah di luar kemampuan masyarakat di Balik Pulau. Majoriti mereka adalah golongan rendah dan sederhana dan ada pihak yang beranggapan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa ataupun sengaja membiarkan rumah-rumah yang dibina dan dijual dengan kos yang tinggi dan di luar kemampuan kerana mahukan supaya orang luar masuk dan tinggal di Balik Pulau, dan orang di Balik Pulau telah dipaksa secara halus untuk berpindah keluar.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga mendapati bahawa rumah-rumah di negeri ini meningkat hampir setiap tahun dengan purata 10%. Tentunya lonjakan dan kenaikan harga sebegini jika dipantau akan menjadikan rumah di Pulau Pinang ini adalah rumah termahal di seluruh Malaysia. Mengikut perangkaan yang diperoleh Jabatan Perumahan sekarang ini, Pulau Pinang adalah mempunyai rumah yang ke tiga tertinggi dari segi harga selepas Kuala Lumpur dan Selangor.

Y.B. Tuan Speaker, harga-harga seperti ini akan membuatkan masyarakat Balik Pulau tidak mampu untuk membeli rumah di sini dan besar kemungkinan juga pembeli-pembeli rumah yang kaya seperti Singapura akan membeli rumah-rumah di sini, Saya berpendapat dan saya tahu bahawa ada segolongan pemaju di negeri ini dan di luar Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti permohonan hal tanah di negeri ini yang sememangnya menyasarkan perumahan mereka untuk dibeli oleh pembeli daripada luar negara. Objektif mereka hanyalah untuk keuntungan semata-mata. Mereka tidak ada mempunyai *social cooperate responsibility* ataupun SSR dalam fungsi mereka. Saya juga mendapati bahawa sekarang ini rumah kos rendah tidak lagi dibina oleh pemaju-pemaju swasta, apakah mereka ini tidak lagi mementingkan dan mengabaikan tanggungjawab sosial mereka, apakah benar desas desus yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri sudah tidak lagi mewajibkan pembinaan rumah-rumah kos sederhana rendah dan kos rendah ke atas pemaju-pemaju perumahan ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada isu terakhir iaitu tentang sekali lagi tentang PIHH, Penang International Hub tadi. Saya ada bertanya tentang mengapa sejak perjanjian MOU ditandatangani tidak dirujuk kepada LA, *Legal Advisor* Negeri, jawapannya tidak ada perundangan yang mewajibkan untuk berbuat demikian. Saya ingin tahu, sama ada Syarikat PDC, adakah semua MOA yang di buat PIHH itu di semak oleh Penasihat Undang-undang PDC, kerana ini juga mustahak, kerana ianya melibatkan sebuah anak syarikat Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, pada tahun 2008 sehingga Mac 2010 terdapat 14 misi pelaburan ke luar negara, 8 daripada misi pelaburan itu disertai oleh Ahli Kawasan Batu Maung, dan kebanyakannya bersendirian, dan jumlah pekerjaan ke atas beliau, mencecah ratusan ribu ringgit. Persoalannya saya mahu tahu apakah kejayaan yang telah dicapai oleh beliau untuk soal menjadikan Penang sebagai Penang International Halal Hub ini, dan juga saya mendapati terdapat 12 tempoh unit yang telah ditandatangani, 9 daripadanya ditandatangani pada 12 hari bulan yang sudah, saya mahu siapakah yang menandatangani, adakah beliau sendiri, sebab beliau sendirian di luar negara, atau ditandatangani oleh Pengerusinya, atau mana-mana Lembaga Pengarah yang ada di dalam PIHH itu. Y.B. Tuan Speaker, saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebuah Kerajaan yang meletakkan slogan CAT ini, akan dapat bergerak seiring dengan slogan CAT yang menjadi kebanggaan mereka ini dan sebagai seperti yang saya katakan di situ, sekian saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dipersilakan ADUN Kawasan Telok Ayer Tawar

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Terima kasih. *Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Y.B. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Tun semasa pembukaan Dewan dan saya ingin merujuk kepada teks ucapan Tuan Yang Terutama yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai matlamat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamd Farid bin Saad):

Penjelasan, Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, penjelasan. Y.B. Tuan Speaker saya ingin mengetahui adalah wajar kita meneruskan perbahasan tanpa seorang pun EXCO di dalam Dewan yang mulia ini. Saya berpendapat EXCO tidak menghormati persidangan yang sedang dijalankan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker saya ia tidak melanggar mana-mana peraturan Dewan, jadi saya rasa...(gangguan), biar, biar, (gangguan), biar saya buat penerangan (bising), di manakah peraturan yang telah dilanggar, boleh beri penjelasan

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya akan buat, saya akan buat penetapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Mereka ada hal sikit, saya percaya mereka akan bagi jawapan kepada semua soalan yang telah dibangkitkan dan penggulungan mereka dan penggulungan mereka. Okey sila teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih, sebagai salah seorang dari ahli Dewan ini, saya ingin menyatakan bahawa tindakan seorang EXCO pun tidak ada pada hari ini dan difahamkan sedang bermesyuarat dalam merupakan satu tindakan yang tidak menghormati kesucian kemuliaan Dewan ini

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tetapi tidak melanggar peraturan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker saya pernah pergi ke Parlimen, Menteri seorang satu kerat pun tidak ada, dalam Dewan. Apa itu?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan, jangan menghina Dewan dengan mengatakan begitu.... (gangguan), jangan mengatakan mereka.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya dah tetapkan, saya sudah buat keputusan dan sudah ...(gangguan) sila teruskan ...(gangguan). Sila teruskan ADUN Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya mula lagi sekali la, banyak gangguan dalam Dewan. Okey berbalik kepada tadi ya, matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang bertaraf antarabangsa. Jadi dan 3 teras dasar iaitu *pro-growth* ...(dengan izin), *pro-job*, *pro-poor*. Sekiranya Negeri Pulau Pinang ingin menjadi sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa tentu sekali ia perlu memenuhi kriteria-kriteria yang saya rasa pada pandangan umum memenuhi bukan saja keperluan, membasmi kemiskinan ataupun miskin sifar

tetapi juga membasmi masalah perumahan iaitu setinggan sifar juga mencapai

satu tahap kebersihan keindahan yang boleh dibanggakan sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan akhirnya yang sama penting ialah mencapai satu keadaan keadilan sosial yang asasi. Jadi di sini kita dapati bahawa persoalan sama ada orang Melayu dipinggirkan, adalah persoalan yang telah lama diperkatakan. Sebenarnya orang Melayu memang berada di pinggiran. Pinggiran dengan erti kata bahawa kalau kita kaji statistik yang ada pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini tidak dapat di kecapai dengan sewajarnya dan secara adilnya di dalam semua kumpulan etnik, terutama sekali orang Melayu. Kalau kita lihat industri perkilangan yang menjadi asas KDNK Negeri penglibatan kaum Bumiputera masih lagi amat sedikit. Industri perkhidmatan terutama sekali pelancongan hanya 2% sahaja dan tidak berubah dan juga menunjuk-nunjuk lain seperti penglibatan kaum Bumiputera banyak dalam masalah gejala sosial ini juga berbanding dengan bukan Bumiputera adalah amat membimbangkan dan memberi kesan ataupun implikasi kepada perkara-perkara lain seperti prestasi dalam bidang pendidikan, prestasi di dalam pekerjaan keupayaan untuk menjawat jawatan yang lebih baik dan sebagainya, dan oleh itu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Baru buka mulut, baru mukadimah ya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)

Terima kasih, saya kurang bersetuju kata orang Melayu dipinggirkan, ini soalan saya di sini bertulis nombor...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Maaf ya, saya tak kata pinggir, cuba dengar betul-betul, saya kata di pinggiran ya dan saya baru tengah duk menerangkan apa maksud saya tu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Okey, okey, kalau kata begini saya terima, saya di sini saya ada bukti tunjukkan memang tidak di pinggiran sebab....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Minta maaf ya saya nak *explain* saya tak boleh beri laluan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Sebentar, sebentar ini pinjaman mikro RM3 juta ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Ini platform saya, bagi saya peluang untuk saya bercakap.

Y.B Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Padang Lalang dia tak bagi laluan, Ahli Telok Ayer Tawar tak bagi laluan. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Saya baru nak terang, dengarlah dulu ya, terima kasih....(ketawa), kat mana perginya. Jadi saya ingin memaklumkan di sini di dalam usaha kita untuk membangun negeri ini untuk meletakkannya di persada antarabangsa jangan kita lupa bahawa keadilan sosial itu menuntut supaya kesamarataan itu, di tengok sama ada ia sesuai atau tidak kerana perlulah diberi peluang kepada mereka yang kurang mendapat peluang bantuan kepada mereka yang perlu diberi bantuan dan seterusnya. Berusaha lebih untuk meletakkan semua ke satu tahap yang memuaskan, jadi saya ingin merujuk kepada *articles* di dalam SERI berkenaan halal, yang terbaru di sini Mei 2010, *Halal the Next Frontier*, yang mana menyatakan *the way forward* masa depan ini memberi peluang yang besar di dalam industri halal kerana RM1.57 billion umat penduduk dunia adalah orang Islam dan ianya menjana industri ataupun pendapatan sebanyak *US10.5 trillion* seluruh dunia dan tentu sekali kita ingin dapat memperoleh sebahagian daripada perkembangan industri halal yang begitu pesat di seluruh dunia. Dan di sini saya ingin merujuk kepada apa yang diterangkan ...(dengan izin), di dalam mukadimah SERI ini.

Saya nak baca two years ago the idea of Penang International Halal Hub as yet to each the drawing board and refers to Penning Hall Industry where are not to kampung based kuih makers, fast forward to 2010 and PIHH is turning head inside and outside the global industry the concerted affords of the Penang Government to position the State as International Hall-Hub is no an exercise in affirmative action but the strategic moved to build on existing export oriented infrastructure and global connectivity

Saya ingin menarik perhatian di sini bahawa *concerted affords* usaha yang telah dijalankan ini bukanlah satu usaha untuk *affirmative action* usaha untuk membangun dari segi menyamaratakan lompong ekonomi di antara kaum dan sebagainya tetapi ialah usaha strategik untuk membina Pulau Pinang kepada industri atau pun infrastruktur berasaskan eksport seperti yang sekarang di tempatkan dan juga *connectivity global*. Dan bila kita nak letakkan Pulau Pinang di tahap global tentu sekali kita kena ingat bahawa ia akan melibatkan *global players*, pemain-pemain ataupun industri-industri besar yang di peringkat *global* dan di sini lagi sekali la saya nampak bahawa kaum Bumiputera akan berada di pinggiran dan saya tak kata dipinggirkan, berada di pinggiran kerana penglibatan Bumiputera amat-amat minimum di dalam industri pembuatan, di dalam industri perkhidmatan, dan kita boleh lihat kalau kita berjalan, kita bawa kereta dari bandar raya George Town ke Batu Feringhi seolah-olah kita melihat antara dua darjat.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan, tolong bagi laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Tak adalah saya tak bagi laluan sebab saya banyak nak cakap ni.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sat saja, sat saja, sat saja, saya.

Y.B Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Jawi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Setengah minit saja.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya berasa tak puas hati dengan perkataan berulang-ulang bahawa orang Melayu berada dalam pinggiran sepertimana yang disampaikan oleh Ayer Tawar. Saya rasa sebenarnya UMNO telah dipinggirkan dalam Pulau Pinang padahal polisi kerajaan memang sama rata.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Ya, ya, minta maaf, lebih daripada setengah minit, minta maaf ... (gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Pembangunan seluruh rakyat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Biar, biar saya terangkan apa yang saya maksudkan di sini, dalam soalan bertulis saya penggal lepas industri *multimedia super corridor* yang diwujudkan oleh Negeri Pulau Pinang sebagai sambungan *multimedia super corridor* di peringkat kebangsaan di dalam 38 industri yang telah diwujudkan di situ hanya satu dan itu pun diiktiraf sebagai Bumiputera kerana ekuitinya melebihi 50%. Ini adalah sangat kecil dan kenapa kita tak boleh kata di pinggiran. Bukan kata di pinggir, tetapi terlampau sedikit industri pelancongan 2%. Ini adalah terlampau sedikit, itu kenyataan yang harus kita terima. Jadi... (gangguan), tak ada laluan ...(gangguan), apa yang harus kita buat okey, kita menerima hakikat itu, kaum Bumiputera pun menerima hakikat itu. Tetapi apa yang harus kita buat? *What is the way forward?*

Minta izin Y.B. Tuan Speaker, jadi di sinilah di dalam perangkaan dasar, perancangan kita jangan lupa untuk mencapai keadilan sosial kita harus mengambil kira keperluan untuk memberi peluang kepada kaum Bumiputera di

Negeri Pulau Pinang supaya tidak begitu tercicir ataupun ketinggalan di dalam aktiviti yang penting di negeri ini. Dan kita tahu bahawa melalui pendidikan ia adalah satu usaha yang harus boleh membaiki jurang itu, jadi di sinilah kita harap, pendidikan usaha selain daripada apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Pusat, melalui Kementerian Pelajaran dan sebagainya, haruslah dibantu untuk meningkatkan terutama sekali di kawasan-kawasan yang kita kata *depressed* yang menghadapi masalah seperti kawasan yang banyak setinggan, kawasan rumah kos rendah dan sebagainya untuk mewujudkan suasana persekitaran yang lebih baik untuk anak-anak mendapat pelajaran dan membantu mereka di dalam bidang itu. Oleh itu haruslah ditunjukkan satu *level playing field* di sini, terutama sekali kita hendak menjadikan Pulau Pinang sebuah *Global Playing field*...(dengan izin).

Bercakap pasal hal halal di sini saya ingin juga menarik perhatian bahawa melalui kenyataan yang telah dihebahkan, saya tidak bawa keratan itu, hanya sebahagian kecil sahaja tidak sampai 10% daripada hotel-hotel kita yang halal *complacent*, jadi di sinilah kalau Ahli Batu Maung merancang untuk hendak jadikan seluruh Pulau Pinang halal *compliant* mulalah dengan yang asas terutama sekali hotel-hotel kita, restoran dan sebagainya supaya ianya menepati keperluan halal, kerana kita bukan sahaja menjemput pelancong-pelancong, pengunjung daripada Asia tetapi kita juga dari Negara-negara Asia Barat dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang Pembangunan Wanita di Negeri Pulau Pinang, saya mengucapkan syabaslah kepada Kerajaan Negeri yang telah melipat gandakan peruntukan untuk Pembangunan Wanita yang mana empat kali ganda dari RM200,000 jadi RM800,000 untuk EXCO Wanita, tetapi sayangnya di sini peruntukan yang besar telah diberi untuk pembinaan Taska, yang mana saya rasa telah banyak inisiatif-inisiatif dibuat oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran, KEMAS, Perpaduan dan juga sektor swasta untuk membina Taska. Oleh itu saya amat berharaplah bukan sahaja tumpuan diberi untuk membimbing kanak-kanak ini tetapi juga usaha dibuat untuk menurunkan program-program ke akar umbi terutama sekali kepada kumpulan-kumpulan sasar iaitu kumpulan yang kurang mendapat *accessibility*, kemudahan melalui program-program yang telah diadakan ataupun yang kurang pendidikan, kurang berpendapatan untuk menambahkan pendapatan mereka dan untuk mendapat bimbingan menambahkan keutuhan kekeluargaan.

Di sinilah saya dapati bahawa penubuhan Pusat Khidmat Wanita (PKW) di Negeri Pulau Pinang telah berjaya mengendalikan 156 kes tahun 2009 ini, adalah tidak mencukupi, kerana Majlis Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang yang mana saya sendiri mempengerusikan telah pun berjaya untuk mengendalikan begitu banyak sekali program-program antaranya program inkubator kemahiran ibu tunggal, seminar menangani keganasan terhadap wanita, program-program kemahiran, Jejari Bestari, Nor Bestari, Inspirasi Kreatif, Keusahawanan dan sebagainya yang telah dapat menghubungi 9,857 orang peserta untuk tahun 2009 sahaja.

Jadi di sini dengan peruntukan yang besar saya harap program-program *out reach* yang dapat pergi ke akar umbi terutama sekali ke kawasan luar bandar, kawasan-kawasan yang kurang pembangunan untuk membangunkan

terutama sekali kemahiran dan juga Institusi mengukuhkan institusi kekeluargaan, di sinilah kita dapati keratan akhbar yang menunjukkan bahawa statistik mengandungi luar nikah, *pregnancy out side of wedlock*(dengan izin), lebih daripada yang mengandungi dari dalam Institusi Pernikahan, maknanya lebih banyak anak luar nikah lari daripada anak yang sah di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa luntarnya institusi kekeluargaan Negeri Pulau Pinang, di Malaysia dan sebagainya terutama sekali bila kita mendapat penghijrahannya penduduk dari kawasan-kawasan ataupun negeri-negeri persekitaran untuk datang ke kawasan industri kita. Ini juga menyebabkan banyak masalah terutama sekali kebebasan ini telah disalah guna dan kita dapati banyak masalah-masalah sosial yang telah timbul.

Oleh itu kemahiran kekeluargaan untuk membimbing ibu bapa untuk menerapkan nilai-nilai, untuk meninggikan tahap kemahiran diri, untuk menghadapi masalah-masalah dewasa haruslah diterapkan dan di sini. Saya dapati program-program ataupun peruntukkan-peruntukkan yang besar telah diberikan kepada NGO untuk melaksanakan program-program dan bukan program-program yang dilaksanakan terus oleh Kerajaan Negeri MMK Wanita, jadi biarlah memperkasakan wanita itu, memperkasakan institusi keluarga itu diambil peranan terus oleh Kerajaan Negeri kerana mengiktiraf kepentingannya bukan diserahkan kepada NGO untuk dilaksanakan.

Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk setinggan di kawasan saya, walaupun saya telah timbul semasa soalan yang telah kita kemukakan, Ahli Air Itam menyatakan bahawa masalah projek dikendalikan oleh Syarikat Swasta Welcome Property telah gagal untuk membantu menyelesaikan masalah setinggan di kawasan itu. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menggubal satu dasar untuk mengutamakan setinggan di sini, di dalam sasaran satu keluarga satu rumah? Bagaimana masalah setinggan ini telah tidak diambil perhatian dan walaupun telah diwujudkan satu *data bank* setinggan, kumpulan setinggan yang 33 keluarga yang tinggal di rumah kontena ini telah tidak diberikan perhatian, tidak dimasukkan di dalam bancian.

Apabila saya menjemput pegawai-pegawai perumahan, MPSP dan sebagainya untuk datang melihat keadaan mereka. Mereka terkejut kerana di dalam kertas kerja yang dibuat oleh Bahagian Perumahan untuk pertimbangan EXCO tidak disebut ada setinggan. Apabila pemaju perumahan itu memohon untuk menanggungkan pembinaan rumah kos rendah Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan itu sekali gus telah memadamkan peluang untuk menempatkan semula setinggan yang telah pun berada di rumah kontena selama 14 tahun. Jadi di sini saya ingin merayulah supaya kelulusan tersebut dapat dikaji semula, ditarik balik dan supaya rumah kos rendah di dalam projek itu dibina dengan segera supaya setinggan-setinggan ini dapat ditempatkan sewajarnya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Beri laluan, terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar, saya rasa di Jawi terdapat banyak rumah kos rendah yang kosong, saya rasa kalau projek ini ada masalah projek swasta yang disebutkan tadi bukan, ada masalah saya rasa Telok Ayer Tawar menyuruh penduduk-penduduk yang berkenaan supaya membuat permohonan kepada pihak Jabatan Perumahan untuk mengatur mereka ke Jawi, Jawi memerlukan bahawa....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Y.B. Ahli Jawi, sayangnya saya rasa ini tidak boleh dilakukan, kerana mereka ini cari makan di situ terutama sekali mereka ini nelayan, mereka terpaksa pergi ke laut. Jawi ada lautkah?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Jawi memang mempunyai perairan yang luas.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Jadi memang susahlah untuk ditempatkan di tempat lain, kerana mereka memang cari makan di situ, dan 2 minit lagi, Y.B. Timbalan Speaker, banyak betul hendak saya cakap, masa tidak cukup. Saya ingin mengutarakan satu persoalan di sini kepada Pihak Kerajaan Negeri, di kawasan persisiran pantai bersih terdapat deretan bangunan yang telah dibina untuk menjadi restoran-restoran nelayan sebenarnya di situ terdapat pondok-pondok nelayan yang dibina untuk menempatkan kelengkapan nelayan seperti pukot dan sebagainya dan mereka ini sepatutnya dipindah ke tempat lain di dalam projek BORR dan sementara menunggu itu mereka bertempat di pantai bersih tetapi saya tidak faham kenapa pondok-pondok nelayan ini sekarang telah bertukar wajah menjadi restoran-restoran makan laut yang besar yang telah menjadi kawasan tumpuan pula dan saya lihat di sini nama-nama pengusaha yang telah disenaraikan di dalam soalan saya ini, Restoran Nelayan Ah Chong, Lobster Village Seafood, Kantin 323, Northern Coaster Seafood, Chaw Ah Chong, Ewe Mi Mi, Tan Bee Gi dan sebagainya.

Di sini saya hendak tanya kepada Kerajaan Negeri mereka ini nelayankah? Beberapa orang *operator seafood* nelayan dan kenapakah sudah menjadi restoran-restoran besar ini di bawah hidung kita, mana pengawasan? Adakah restoran ini diluluskan di sini, tidak ada lesen, satu pun tidak ada lesen, tentu tidak boleh beri lesen sebab pondok ini untuk letak pukot, jadi di mana datang pengawasan kita? Pejabat Tanah, MPSP telah gagal untuk membuat pengawasan dan sehingganya bebas berleluasa pembinaan restoran-restoran ini tanpa kawalan. Bahkan yang berniaga kecil-kecil ini yang diambil tindakan dan yang di atas pokok pun hendak dirobuhkan, yang kecil, yang tidak ada *significant* nya.

Jadi di sinilah saya minta berlaku adil untuk melihat supaya yang berjalan perniagaan ini perlulah ada lesen, perlulah ada tempat yang sempurna dan mereka menambun secara suka-suka sahaja. Ahli Permatang

Pasir yang menimbulkan tentang kubur yang digali di mana didapati barang buangan itu yang merupakan batu nisan tulang-tulang semuanya ditambun di hadapan restoran nelayan-nelayan ini dibuat tengah malam, jadi di sini apabila ada orang pergi memancing dia duduk di atas batu, dia ingat batu, apa dia rasa lain macam, dia tengok-tengok batu nisan jadi inilah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, saya mengalami masalah yang lebih kurang sama seperti apa yang Y.B. Telok Ayer Tawar yang hadapi, mengenai tapak untuk nelayan, tetapi restoran besar-besar dibina, tetapi saya hendak tanya mengapa di kawasan saya Hammer Bay

UMNO keluar untuk mempertahankannya kerana ini lebih kurang masalah yang sama, tapak nelayan tetapi jadi restoran besar. Apabila masuk TV3, dia kata saya ini ditindas oleh Kerajaan Negeri, zalim. Sekarang saya kehilangan RM200 ribu setiap bulan. Ini RM200 ribu kalau besar-besar macam itu, dia boleh pindah ke tempat lain. Jadi saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri, Y.B. Mansor umpamanya kerana telah berusaha dengan gigih untuk memindahkan mereka, memberi satu pelan untuk dipindahkan secara *cooling off period* dan sebagainya. Saya minta kalau boleh Telok Ayer Tawar juga bagi satu pelan untuk dipindahkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar(Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Mereka memang sudah ada pelan untuk dipindahkan. Maksud saya nelayan itu, sebuah pondok nelayan besar akan dibina oleh syarikat yang mengendalikan konsesi PORR itu di tempat lain ya, hinggakan di situ telah menjadi disalah guna dan berleluasa dibenarkan restoran-restoran. Jadi jawapannya hendaklah diberi oleh Kerajaan Negeri, bukan saya.

Saya ingin meneruskan Y.B. Tuan Timbalan Speaker, satu perkara yang ingin saya sampaikan untuk dijawab oleh pihak Kerajaan yang telah dipohon oleh penduduk di kawasan Bagan Jermal, Pulau Pinang iaitu pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Azad, di mana pada tahun 2008 EXCO Kerajaan sebelum pilihan raya yang lepas telah pun meluluskan untuk memberi tapak kepada sekolah Azad ini.

Jadi inilah permohonan oleh penduduk di situ untuk dirujuk semula kepada keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan baru ini supaya untuk tidak memberi tapak itu. Jadi minta dikaji semulalah. Jadi Y.B. Tuan Timbalan Speaker, sebagai akhir kata saya ingin.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa yang perlu dikaji, boleh terangkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar(Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Maksud saya di sini saya difahamkan bahawa EXCO Pendidikan menyatakan bahawa tiada sebarang rekod mengenai kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri yang lama. Jadi oleh kerana tidak ada rekod itu, maka tidak ada diberi kebenaran, kelulusan untuk mendapat tapak. Jadi di sinilah kita harap supaya dapat disemak semula.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Y.B. Telok Ayer Tawar. Sebenarnya apa yang diperbahaskan ialah sekolah Azad ini dahulu dah pun diberi kelulusan cuma apabila sampai *endorsement* oleh *full Council meeting*, kemudian apabila dibawakan pihak Kerajaan Negeri menyatakan bahawa tidak ada sebarang kelulusan sebelum ini. So, saya anggapkan kononnya tak ada, dan *suddenly* dibawa masuk keluar balik, dan diluluskan. Itu sahaja. Kredit itu diambil dicuri, saya guna perkataan, mohon maaf kalau tak boleh diguna, ialah diambil oleh Kerajaan Negeri sekarang pada hal pembelaan dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang terdahulu. Itulah yang saya kata, besok dijawab. Jadi saya nak ambil kesempatan sebelum itu, saya punya soalan daripada 24, 25, 26, 27, 28, 29, hari ini saya tengok dah nak buat penggulungan tak dijawablah. Saya minta diletakkan di atas meja saya sebelum pukul 12 tengah hari. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, akhir kata saya ingin memohon supaya kemurnian Dewan Undangan ini dikekalkan, kerana sejak akhir ini kita dapati bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia begitu tidak menghormati peraturan dan sebagainya dan membawa politik jalanan ke dalam Dewan yang mulia ini. Ya, kerana kata-kata kesat, bahasa yang tidak senang, meninggikan suara, mengherdik dan membuat tohmahan-tohmahan liar adalah satu perkara yang boleh dibuat di luar tetapi saya rasa adalah tidak sesuai untuk digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin ada ahli di sini yang kalau mengadakan kelakuan macam itu di mahkamah akan ditafsirkan menghina mahkamah. Jadi tentunya kalau dalam Dewan yang mulia ini kita boleh tafsirkan sebagai menghina Dewan juga. Jadi Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Saya bersyukur kerana selepas kerajaan Barisan Nasional tumbang dan Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan, banyak dasar-dasar kerajaan yang berjiwa rakyat telah dilaksanakan. Antaranya paling ketara adalah pengurusan pentadbiran ekonomi, peralihan dari belanjawan defisit ke 11 dan juga sehinggakan *Auditor General* memberi pengurusan 4 bintang kepada Negeri Pulau Pinang dan Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Dengan adanya *surplus* ini, sekarang Negeri Pulau Pinang mempunyai kekuatan untuk melaksanakan projek-projek yang lebih berjiwa rakyat.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, selepas dua (2) tahun, saya memerhatikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pentadbiran negeri juga kerana kita pun baru. Dan ini adalah sesuatu yang perlu ditingkatkan pembaikan kerana di

bawah 50 tahun, UMNO Barisan Nasional memang sudah rosak banyak. So, kita mempunyai banyak jabatan yang menguasai benda yang lebih kurang sama. Saya ambil contoh, kalau kita ambil masalah longkang, dari longkang ke parit, ke parit lepas itu ke sungai, lepas itu ke laut. Longkang di bawah jagaan MPPP atau JKR, ada yang di bawah JKR. Parit ada yang di bawah JKR, ada yang di bawah JPS, dan kemudian sungai di bawah JPS, ada yang pula di bawah JKR. Longkang tersumbat adalah di bawah jagaan MPPP ada yang pula di bawah jagaan JPS. Ada pula di bawah jagaan JKR. So, masalah ini sebenarnya air tak kira mana *jurisdiction*, dia tetap mengalir. Tetapi kita mempunyai pelbagai jabatan untuk mengawal satu masalah yang sama.

Saya pergi lawatan ke parit, atau masalah banjir, lawatan, tiap kali kita kena bawa satu kumpulan daripada JKR, JPS, MPPP untuk masalah yang sama. Dan apabila kita mesyuarat kita mempunyai ramai pegawai yang sama hadir tentang satu masalah sahaja. Jadi ini merupakan satu pembaziran dari segi pentadbiran, masa pegawai-pegawai dibazirkan. Jadi saya rasa kita amat perlu mengadakan satu *reengineering* dari segi fungsi-fungsi kerajaan di mana jabatan-jabatan yang bertindih, perlu di *restructure* supaya dia menjadi satu fungsi, satu pasukan yang lebih efektif dari segi menangani masalah. Saya ambil contoh juga dengan masalah jalan, ada jalan di bawah MPPP, ada jalan pula di bawah JKR, ada jalan di bawah LLM. Ada yang jalan di bawah Persekutuan. Ini merupakan satu masalah, tetapi *interconnected* kerana sistem pengangkutan dia *inconnected*, dia tak boleh oh, JKR ini masalah JKR, ini masalah MPPP. Jadi kita ada satu *over lapping of* fungsi. Jadi saya tahu bahawa ini adalah satu proses yang lama untuk *reengineering* kerana ada kuasa di bawah Persekutuan, ada kuasa di bawah MPPP, ada kuasa di bawah negeri.

Adalah penting proses pemikiran ini dimulakan supaya kita boleh wujudkan satu pentadbiran yang lebih efektif. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana bertekad untuk melaksanakan *Transportation Master Plan*. Itu adalah satu hala tuju yang betul. Saya ingin menarik perhatian kepada Kerajaan Negeri supaya memberi tumpuan sedikit kepada kawasan Bayan Baru. Saya baru-baru ini membuat lawatan ke beberapa pemajuan, saya, *I was shock* ...(dengan izin), kerana di kawasan Bayan Baru ini sekarang ini hari-hari kita menghadapi masalah kesesakan jalan raya. Sudah pada awal pagi 1 jam masuk ke FTZ, lepas itu keluar jam atau 1 jam keluar daripada FTZ. Bayan Baru semua sesak.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, Y.B. Tuan Timbalan Speaker, kita mengalami satu *explosion of population* di Bayan Baru dan baru-baru ini apabila saya melawat pemajuan-pemajuan saya nampak ada pembangunan 27 tingkat, blok-blok yang baru 20 tingkat, 27 tingkat akan dibina di kawasan Bayan Baru. Kalau semua blok-blok ini siap dibina, Bayan Baru akan *explode* dengan populasi yang begitu tinggi. Jadi adalah penting sekarang Bayan Baru diberi satu tumpuan di mana *Public Transportation Master Plan* kena masuk supaya untuk *mitigate* masalah yang akan dihadapi di Bayan Baru.

Sistem pengangkutan awam yang komprehensif di kawasan tumpuan Bayan Baru adalah seperti di PISA, seperti di FTZ, seperti di Sungai Nibong Terminal, USM, itulah tempat-tempat yang penting. Kalau kita ingin

melaksanakan PICC di kawasan PISA, tak jadi masalah. Sekarang orang bantah kerana tiada *public transportation* yang efektif kepada kawasan itu. Kalau kita mempunyai satu pelan untuk *mitigate* masalah kesesakan jalan raya tak jadi masalah saya rasa.

Saya juga ingin menarik perhatian Y.B. Bagan Jermal dalam isu *Coastal Road*. Baru-baru ini, saya telah membuat siasatan tapak tentang kesesakan pada sebelah petang daripada *FTZ*. Kita dapati bahawa kesesakan jalan raya yang berlaku di sana kawasan *Coastal Road* dari Batu Maung sampai ke *Queensbay* adalah disebabkan oleh beberapa *bottleneck* kat jambatan. Pada jalan raya dia ada 3 *lane* tetapi pada jambatan dia jadi 2 *lane*. Jadi ini menyebabkan satu *bottleneck* dan menyebabkan kesesakan yang cukup serius, ada sehinggakan 1 jam. Saya ingin cadangkan supaya pelebaran jambatan-jambatan tersebut bolehlah dijalankan supaya kita mempunyai satu haluan trafik yang lebih. Ini *short term* tetapi kita kena, *sorry* ini adalah *medium term* kerana apabila Jambatan Kedua masuk ke, siap dibina, kita mempunyai satu masalah yang lebih besar, kerana trafik yang lebih, trafik *volume* yang lebih besar akan masuk ke kawasan Pulau.

Okey, masalah perumahan. Saya terima banyak rungutan daripada rakyat tentang masalah *strata title* dan penubuhan JMB dan MC. Ada di antara pemaju, atas sebab-sebab tertentu, saya tak tahu yang enggan menubuhkan MC dan memindahkan hak milik kepada penduduk. Maka adalah penting pejabat COB masuk campur tangan dan menggunakan kuasa yang ada pada *Strata Title Act* untuk mengambil tindakan. Saya nak ambil contoh, *Crystal Point*. Cadangan saman pada November 2006, tetapi selepas empat (4) tahun masalah ini masih tidak selesai, masih dalam peringkat siasatan. Pangsapuri *Prime View*, aduan dihantar pada November 2004, saya sudah tanya soalan 2004 sampai sekarang masih melengkapkan kertas siasatan awal.

Taman Makmur Jaya, Pantai Jerejak, dah lima belas tahun OC dapat tetapi *strata title* belum dapat, kenapa tidak dapat ambil tindakan terhadap pemaju-pemaju ini? Penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab amat lemah dalam pejabat COB. Saya amat kesian kepada COB, kerana COB ini di bawah Y.D.P. MPPP yang cukup sibuk dengan urusan kerja harian. Saya nak cadangkan supaya kalau Y.D.P. kalau boleh Y.D.P. memberi kuasa untuk memperkasakan, kalau tidak cukup kakitangan minta lebih ramai kakitangan kerana masalah perumahan ini tidak boleh dilanjutkan begitu sahaja dah berpuluh-puluh tahun, 15 tahun, 10 tahun masih tidak dapat *strata title*. Ini adalah satu masalah ketidakadilan pembeli rumah dan selalunya mereka ditindas oleh pemaju kerana *sinking fund* mereka akan habis. *Common property* mereka akan digunakan. *Parking* mereka akan digunakan untuk mengambil *charge* bayaran dan yang rugi adalah pembeli-pembeli rumah. Beberapa isu Bayan Baru, baru-baru ini saya terima maklumat bahawa Kerajaan Persekutuan ingin menaik taraf tandas-tandas di Pasar Bayan Baru. Kelulusan diberi kepada MPPP.

Peruntukan diberikan kepada MPPP pada bulan Mac (3) tahun 2009. Tetapi atas sebab-sebab tertentu kelulusan projek itu disimpan dalam satu

pejabat, tanpa apa-apa tindakan. Apabila sampai ke penghujung tahun, barulah nak buat reka bentuk cepat-cepat dijalankan. Tetapi ini sudah jadi terlewat, sehinggakan peruntukan ditarik balik.

Y.B. Tuan Speaker, saya rasa ini adalah satu *competitiveness* yang kita kena *measure*. Saya tahu bahawa MPPP mempunyai banyak kerja tetapi kalau kita perlukan OT. saya rasa tidak jadi masalah MPPP bagi OT untuk reka bentuk. Kalau ada masalah kekurangan kakitangan dapatkan daripada Kerajaan Negeri supaya tambah kakitangan. Tetapi ini projek mesra rakyat kita kena cepat-cepat jalankan supaya tidak berlaku masalah ini lagi. Saya nak tegur kerana saya mahu MPPP berjaya, saya mahu Kerajaan Negeri berjaya supaya mencapai tahap satu negeri yang kita semua boleh banggakan. Kita bangga kerana sekarang kita mempunyai pengurusan empat (4) bintang daripada *Auditor General*. Tetapi ini kita cukup bangga kerana kita tidak boleh banding dengan kerajaan Barisan Nasional di Pahang, kerajaan Barisan di Johor. Kita kena angkat prestasi kita dan *bench mark* dengan *Local Council* dari negara-negara maju baru kita boleh maju satu tahap yang lebih hebat lagi.

Saya tertarik hati dengan hujah Seberang Jaya dan Sungai Dua yang membahaskan tentang *freedom of information*. Saya ingin ceritakan satu senario yang berlaku di Negeri Jawa pada 1800. Masa itu ada seorang sasterawan namanya Rangga Warsita. Pada tahun 1873 dia keluaran suratan karyanya yang dinamakan Serat Kala Tidha. Dalam Serat Kala Tidha dia *describe society of Jawa* sebagai satu “zaman gila.” Kenapa “zaman gila” kerana pada zaman itu sesuatu yang betul diputar belitkan sebagai tidak betul. Satu ketidakadilan diputarbelitkan sebagai keadilan. Jadi dia kata dia menyaksikan zaman gila. Selepas susah dalam bertindak. Ikut gila tidak akan tahan. Tetapi kalau tidak ikut, tidak akan mendapat bahagian. Kelaparan pada akhirnya, namun telah menjadi kehendak Allah. Sebahagiannya orang yang lalai, akan lebih bahagia orang yang tetap ingat dan waspada. Ini zaman gila untuk Jawa kerana tempat dia Negeri Jawa pada zaman itu zalim.

Jadi saya tengok di sini Sungai Dua dan Seberang Jaya cuba memutar belitkan bahawa UMNO Barisan Nasional menyokong kebebasan bersuara tetapi hakikatnya siapa yang kena tangkap di bawah pentadbiran UMNO Barisan Nasional di bawah ISA. Pemberita kita Tan Cheng telah ditangkap di bawah ISA kerana telah melaporkan apa yang sebenar. Tengok siapa yang campur tangan di bawah NTV 7. Bini Najib, Rosmah yang campur tangan memberhentikan program-program NTV7 dan RTM. Y.B. Tuan Speaker, kita tahu bahawa ini adalah satu kezaliman terhadap *freedom of information* tetapi diputarbelitkan sebagai menyokong satu pembebasan. Saya rasa ini satu zaman gila untuk Malaysia. Apabila di depan kata 1Malaysia tetapi kuil hindu dirobuhkan. Di depan kata Satu Malaysia, gereja dibakar. Satu masalah yang... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Sebenarnya yang putar belitkan adalah Ahli Pantai Jerejak. Kebebasan akhbar memang bagi kepada semua. Tadi yang kita kena pada pagi tadi oleh Ketua Menteri apabila Ketua Pembangkang kata main punggung kata tarik balik. Itu maknanya ada perkataan-perkataan yang digunakan yang rasa tidak sedap. Maknanya mungkin ada perkara-perkara yang dilakukan, yang digunakan sesuatu perkataan yang mungkin menghalang untuk kepentingan orang ramai bukan untuk kepentingan satu parti atau sebagainya. Nak sebut orang lain campur tangan sini, orang lain campur tangan sana. Tiada bukti tak usah cakap. Tak baik.

Bagi kami, kami sokong kebebasan akhbar, sebab itu, sebab itu saya walaupun pada satu ketika tidak boleh bawa mai Utusan, saya bawa masuk Utusan Malaysia ke dalam sini. Ini kebebasan. Sekarang saya tahu yang pakai reben kuning, Utusan ke Berita Harian ke boleh masuk. Janganlah kata, kebebasan akhbar, saya sokong kebebasan akhbar. Pada suatu ketika dulu masa saya pernah jadi *businessman* saya pernah ditulis oleh akhbar The Star, menyatakan saya telah mengambil kasut untuk memukul seorang pekerja yang saya tidak buat. Masa itu saya tak reti apa yang depa tulis saya biar tak tau. Maknanya daripada dulu pun kita dah bagi kebebasan akhbar. Yang saya kata sekarang ini ialah penulisan. Itu yang mungkin tidak sepatutnya ditulis. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya amat bersimpati dengan apa yang berlaku kepada Y.B. Seberang Jaya yang jelas menyatakan *freedom of speech* ataupun *freedom of press* itu mesti ada dan dia sokong tetapi apa yang kita nyatakan di sini ialah sekiranya *press* itu menyiarkan sesuatu yang palsu itu tidak benar dan itu memerlukan pihak yang lagi satu memberikan *reply*. Untuk sesetengah akhbar tersebut mereka tidak bagi *right of reply*. So akhbar-akhbar tersebut tidak mempraktikkan *freedom of press* yang sebenarnya.

Lagi satu isu yang rakan saya bangkitkan tadi amat bagus berkenaan contoh yang berlaku semalam iaitu isu bermain punggung ataupun main belakang yang dibangkitkan itu diminta ditarik balik. Kalau saya nyatakan satu yang benar bukan palsu itu boleh diterima. Betul atau tidak, Y.B. Seberang Jaya. Kalau itu pendirian Y.B. Seberang Jaya tiada masalah bagi saya pun nyatakan di sini namakan Penaga sebagai Y.B. Punggung. Saya pun boleh, kerana kita sudah lihat pada sidang yang lalu bagaimana dia boleh buat aksi dengan punggung dia kepada kita. Saya berhak untuk panggil Y.B. Penaga, Y.B. Punggung. Tidak ada sebab untuk saya tarik balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tadi kita telah gunakan dalam Dewan ...(gangguan). Kalau nak berhak panggil, kalau dikatakan *freedom of press*. Dia tulis sesuatu yang *you* tidak seronok dan *you* minta dia *counter* balik. Kadang-kadang ada ralat *counter*

balik dan kadang-kadang tidak ada. Ada undang-undang maknanya boleh ambil *court action*. Tidak ada masalahnya, ini maknanya *press* bebas untuk nak

tulis apa-apa pun. Dia tak mahu tulis Y.B. Seberang Jaya dia tulis “pek mo.” Surat khabar Cina selalu tulis “pek mo” tak ada apa. “Pek mo” bermakna rambut putih tidak ada apa-apa masalah. Saya tidak marah mereka... (gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ini *floor* saya sila duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato’ Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Speaker, saya harap Y.B. Seri Delima tarik balik kata Y.B. Punggung tadi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ini *floor* saya, saya minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebelum kita gunakan *point or order*, kita minta Y.B. Datok Keramat, kerana tadi Y.B. Tuan Speaker, tadi kita sudah cakap supaya gunakan bahasa-bahasa yang elok. Sekarang Y.B. Datok Keramat mengatakan Y.B. Punggung. Saya minta dia tarik balik perkataan itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya kata tadi dengan memberi contoh, seperti rakan saya dari Seberang Jaya mengutarakan...(gangguan), sekejap, sekejap, mengapa saya katakan tadi, bukan saja saya hendak katakan sakit hati. Apa teras Seberang Jaya tadi kalau benar kita boleh cakap, so, kalau saya melabelkan dia sebagai Y.B. Punggung itu benar, saya ada nampak punggung dia, dia tunjuk pada saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Itu bahasa yang tidak baik. Y.B. Dato’ Speaker telah pun membuat keputusan kita jangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Benar-benar itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Dia tarik balik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kalau dia minta maaf, saya tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Semua Ahli Berhormat sila duduk. Sila duduk. Y.B. Pantai Jerejak sila teruskan dengan perbahasan. Dua minit sahaja.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ini *floor* saya, sila duduk. Inilah yang saya katakan di bawah pentadbiran UMNO Barisan Nasional dia “zaman gila.” Semuanya boleh diputar belitkan dan saya nampak sekarang apa yang berlaku....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Speaker, saya minta perkataan gila itu tolong ditarik balik. UMNO tidak gila, Barisan Nasional...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya kata ini “zaman gila.” Ini adalah yang diutarakan oleh Ranga Warsita pada tahun 1873 di mana zaman itu adalah “zaman gila,” seperti sekarang yang terdapat di pentadbiran kerajaan UMNO Barisan Nasional. Saya nampak sekarang adalah seperti apa yang diutarakan oleh *Charles Dicken, Most of time is the best of time*. Kita mempunyai satu harapan di bawah pemulihan kepada Malaysia yang lebih baik. Ke arah keadilan, ke arah satu demokrasi yang lebih tulen di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat yang saya harap ini adalah satu pemulihan kepada kita supaya kita memulihkan Malaysia....(gangguan). Terima kasih. Sekian saya menyokong.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dewan ditangguhkan. Berehat selama 15 minit dan disambung semula pada jam 11.45 minit pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 12.00 tengah hari.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

YB. Dato’ Speaker yang saya hormati, pada mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas memberi peluang kepada saya untuk berbahas atas ucapan TYT, dalam ucapan TYT beliau telah menyatakan Kerajaan Negeri menetapkan wawasan menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri dan bandar bertaraf antarabangsa, ini memerlukan usaha transformasi yang gigih dan berterusan daripada semua pihak di Pulau Pinang.

Y.B. Dato’ Speaker yang saya hormati Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang akan menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa. Sebagai salah seorang Ahli Kerajaan Negeri, saya memberi sokongan yang

padu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Walau bagaimanapun saya berpendapat harus dipupuk hasrat kita tidak akan menjadi hakikat jikalau rakyat Pulau Pinang tidak memberi dan melibatkan diri 100% dalam proses memajukan negeri yang kita cintai ini menjadi sebuah Bandar Raya Antarabangsa. Saya berpendapat kesedaran orang awam mengenai betapa pentingnya minda sivik harus dipupuk dan undang-undang harus dihormati. Misalnya apabila kita berjalan di jalan raya kita boleh nampak sekelompok orang tidak suka mematuhi banyak jenis undang-undang, mereka tidak mengikuti arahan papan tanda lalu lintas, melintas jalan sesuka hati, memotong kereta sewenang-wenangnya dan juga tidak memakai topi keledar apabila menunggang motosikal. Kita semua sedia maklum statistik kemalangan jalan raya di Malaysia adalah di antara salah satu yang terunggul di seluruh dunia. Walau pun faktor struktur jaya merupakan satu sebab kemalangan berlaku. Kebanyakan tragedi-tragedi adalah diakibatkan oleh perangai dan tabiat kita memandu, misalnya tidak berhati-hati, gopoh, letih, tidak mematuhi undang-undang lalu lintas dan kerosakan mekanikal.

Undang-undang lalu lintas juga mewajibkan penunggang dan pemandu motosikal memakai topi keledar untuk menjaga keselamatan mereka. Tetapi ada sebahagiannya enggan mematuhi undang-undang. Apabila mereka direkodkan saman mereka pula akan menyalahkan Pegawai-pegawai Penguat Kuasa. Yang lebih aneh dan ganjil adalah seorang bekas ADUN pun berperangai sedemikian dari kawasan Berapit kawan baik kita. Beliau menuduh Pegawai-pegawai Penguat Kuasa yang menjalankan tugas dia akan mendakwa menulis surat kepada pihak yang berkenaan untuk membatalkan saman-saman. Adakah tingkah laku orang politik yang niatnya untuk memancing sokongan orang awam ini sepatut berlaku? Bayangkan jikalau semua orang awam tidak mematuhi undang-undang yang telah digubal oleh kerajaan dan menjadi kelam kabut dan sebuah negara *cowboy* di mana undang-undang di perkecilkan.

Y.B. Dato' Speaker yang saya hormati, seterusnya saya menyentuh sedikit isu pihak berkuasa tempatan disebabkan orang politik suka campur tangan hal ehwal PBT ditambah lagi gejala rasuah di kalangan sesetengah pegawai menyebabkan kedua-dua PBT di Pulau Pinang tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Orang awam berpendapat bahawa...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Sat, sat saya akan bagi peluang. Aduan-aduan tidak diselesaikan dengan cepat penjaja-penjaja tanpa permit tidak disekat seperti Yang Berhormat Sungai Dua kata kita tidak mengambil tindakan kepada sesiapa yang menghalang jalan yang menjadi kesesakan jalan raya. Pembinaan haram dibina ditapak kerajaan, ambil tindakan dengan serta merta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Lambatlah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Majlis Perbandaran Seberang Perai, telah mengamalkan dasar untuk mewajibkan tuan punya premis makanan untuk memohon permit untuk meletak kerusi luar premis mereka sebab jikalau ia tidak dikongkong kemungkinan suatu hari kemalangan akan terjadi. Baru-baru ini sebuah kereta telah melanggar mati seorang pelanggan kedai makan yang minum yang meja letak di tepi jalan pada 26 April 2010. Tragedi yang serupa juga pernah berlaku di Petaling Jaya dan Bagan Serai di tahun 2007 dan 2005.

Y.B. Dato' Speaker yang saya hormati, saya sering menerima aduan-aduan bahawa tempat letak kereta mereka telah dirampas oleh penjaja-penjaja yang tidak bertanggungjawab ini. Oleh itu saya menyeru kepada PBT supaya mengambil kira kepentingan dan hak orang awam sebelum permit letak kerusi meja dikeluarkan kepada tuan punya premis makanan. PBT juga harus memastikan semua premis makanan menjaga kebersihan terutamanya ialah *windswept* ...(dengan izin), yang dipasang dengan berfungsi. Kesihatan orang awam dan kebersihan alam sekitar harus dijaga oleh PBT. Operasi penguatkuasaan seharusnya dijalankan secara adil tidak pilih kasih barulah orang awam tidak mempertikaikan kita.

Y.B. Dato' Speaker, jika kita benar-benar berniat untuk menjadikan sebuah bandar raya antarabangsa, apa yang saya sebut tadi harusnya diamalkan dengan tegas dan wajar. Kesedaran warga Pulau Pinang juga semestinya dipertingkatkan, jikalau kita semua masih memegang kepada minda, tidak apa, tidak apa, undang-undang tidak usah dipatuhi sebab penguat kuasa kurang, maka saya berpendapat Pulau Pinang menjadi sebuah bandar raya *cowboy* jauh lebih tinggi daripada Pulau Pinang akan dijadikan sebuah bandar raya antarabangsa. Melainkan saya wakil Pulau Pinang akan jadi separuh daripada bandar raya *cowboy*. Saya juga bimbang Pulau Pinang akan ditenggelami dengan sampah sarap.

Akta Pelupusan Sisa Pepejal 2007 telah membekukan kuasa PBT mencari pekerja-pekerja dan kontraktor-kontraktor baru yang berwibawa. Disebabkan kebelakangan ini taman-taman kediaman baru telah bertambah, ditambah pula dengan perangai orang awam yang selalu membuang sampah mereka di tempat sesuka hati menjadikan sampah sarap telah susah dilupuskan dan dengan berkesan. Oleh itu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri, supaya mengubah undang-undang untuk menangani isu sampah melainkan denda yang tinggi saya juga mencadangkan si ulat sampah itu diwajibkan kerja sosial, misalnya menyapu jalan raya dengan papan tanda saya ulat sampah, digantung di badan mereka untuk membanteras masalah sampah. Saya harap Yang Berhormat dari rakan situ bersetuju....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Belum bagi jalan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Belum, sat, sat. Y.B. Dato Speaker yang dihormati saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meneruskan rancangan tebatan banjir di kawasan padang awam. Sayangnya perbincangan yang berterusan telah melambatkan proses kerja-kerja pam-pam di Taman Mangkuk dan Taman Desa Damai. Saya berharap pihak yang berkenaan mempercepatkan proses ini supaya banjir tidak berlaku lagi .

Y.B. Dato Speaker, saya juga ingin menyebut sedikit tentang Projek Perkhidmatan Pembetulan di Taman Kota Permai yang telah menyebabkan keretakan rumah-rumah dan menyusahkan penduduk-penduduk setempat yang juga mengakibatkan banjir kilat di Taman Kota Permai. Mimpi ngeri ini , bermula pada bulan Oktober 2007 walaupun banyak perjumpaan dan mesyuarat telah di adakan termasuk Dato' Setiausaha Kerajaan, Dato' Zainal Rahim, ADUN Komtar dan Y.B. Ng Wei Aik, dan Pengarah UPEN Tuan Haji Zaini bin Husain telah pun juga terlibat. Dalam mesyuarat tersebut, saya meminta JPP seharusnya mengambil berat tentang isu ini supaya satu penyelesaian yang adil dapat dicapai dalam masa yang terdekat, malangnya JPP tidak memberi kerjasama yang positif, cara mereka mengendalikan kesengsaraan penduduk-penduduk Taman Kota Permai tidak saksama dan telus, janji yang dicapai ini dalam beberapa mesyuarat tidak di kotai, mereka melengah-lengahkan proses mencari satu penyelesaian Gerakan JPP, ini amat tidak dapat diterima.

Saya mendesak JPP mengambil tindakan dengan serta merta untuk membantu mangsa-mangsa yang kurang bernasib baik di Taman Kota Permai dan saya juga harap Kerajaan Negeri memberi bantuan, pastikan JPP memikul tanggungjawab yang sepatutnya mereka pikul dan selesaikan masalah saya cadang kalau mereka masih enggan nak selesaikan masalah ini hantar isu ini kepada Jawatankuasa Kira-kira Negara supaya susulan tindakan boleh dijalankan dengan lebih rancak. Y.B. Dato Speaker dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor...(gangguan). Silakan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B Tuan Ng Wei Aik):

Saya rasa perbincangan yang diberikan oleh JPP yang ditawarkan oleh JPP adalah tidak wajar kerana saya rasa, perbincangan itu hanyalah sebagai satu pampasan terhadap susut nilai yang dihadapi pembeli rumah, tetapi saya rasa masalah yang lebih asas, masalah yang lebih besar masih tidak ditangani seperti masalah air bawah tanah, masalah teknikal, masalah-masalah yang berkenaan dengan projek itu. Saya rasa mengapa sampai hari ini IKRAM masih tidak dilantik oleh JPP walaupun satu cadangan telah disampaikan dan dibangkitkan kepada JPP dan mengapa? Macam mana pampasan itu boleh dipersetujui pada masa tersebut? Saya rasa pampasan itu tidak harus dipersetujui jikalau kita nak memberi satu tekanan yang lebih berkesan supaya JPP menangani masalah ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih kepada ADUN Y.B Komtar, saya juga nak cakap sedikit tentang tadi Y.B. dari Air Tawar kata, orang Melayu di Pulau Pinang telah di pinggirkan. Sebenarnya pada saya pinggiran atau dipinggirkan adalah lebih kurang sama sahaja. Saya ada tanya soalan, soalan satu saya, saya bertanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membekal RM3 juta untuk program pinjaman mikro beberapa individu yang telah menerima manfaat ini dan jawapan daripada Ketua Menteri dia bermula di sini. Semua ada terdapat 362 orang dapat pinjaman mikro ini terdiri daripada dari kaum yang daripada Melayu 290 orang dan Cina cuma dapat 23, orang India. 46 orang dan orang Melayu yang dapat mikro pinjaman ini adalah 1,071,663 dan kaum Cina hanya 87,032 dan kaum India ada 163,159 dan angka ini separuh saja. Ini membuktikan orang Melayu di Pulau Pinang macam mana boleh dianggap sebagai di pinggirkan dan saya rasa ini satu tuduhan tohmahan yang jahat dan memang liar tidak benar dan saya harap semua di sini cakap apa yang benar sahaja(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya(Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya yang disebut tadi di pinggiran bukan di pinggirkan dan sektor-sektor tertentu. Penglibatan Bumiputera sekadar di pinggiran bukan macam *Francisca* Peter itu saja, janganlah kita tak sebut *subjek matter*, kata orang Melayu tuduh kata berniat jahat, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tadi dari Y.B Seberang Jaya dia kata Barisan Nasional dia sokong dia bebas yang berita, tapi sebenarnya pada pandangan saya tidak, kalau Barisan Nasional betul-betul sokong bebas saya beritahu bebas. Saya menyerukan Ahli Parlimen mereka kalau boleh di bentang di Dewan Parlimen, mansuhkan yang itu *Presses and Public Act* supaya beri kita betul-betul sokong berita bebas ... (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Speaker saya minta penjelasan, saya nak tanya sikit ada satu...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B Tuan Tan Cheong Heng):

Saya tak bagi laluan lagi la....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)

Saya minta dengan Y.B. Dato' Speaker, bagi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B Tuan Tan Cheong Heng):

Sikit, sikit.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Speaker mengenai *printing* kebebasan dalam surat kabar ini. Saya nak tanya ahli daripada Padang Lalang, ingat tak 15 tahun sudah? Kadang-kadang berita ni pun kalau nak masukkan apa-apa *Printing Act*, kita mesti ingat sejarah, kita kena kaji balik sejarah yang berlaku 5 tahun sudah, di India jadi pergaduhan di antara orang Islam dan India yang melibatkan 20,000 orang mati kerana apa? Dia berpunca daripada laporan berita sama ada benar atau tak benar. Itu kita boleh pertikaikan, dua pihak akan pertikaikan benar menceritakan bagaimana satu kuil Hindu zaman dulu, apabila India mula ditukarkan kepada negara Islam telah ditukar menjadi satu tempat sembahyang, masjid, jadi kaum India sekarang ini mahu balik apa yang dikatakan kuil itu, mengakibatkan 20,000 orang mati. Adakah kita sanggup bagi *paper* bebas dengan kita mengorbankan keharmonian di Malaysia ini. Kita kena percaya juga, jangan kita biar bebas, bila tapi cakap bebas sampai kita tak kira *division act* ke, tak boleh. Sampai kita yang benar sampai boleh bergaduh boleh berkelahi sesama kita sampai beribu orang mati adakah ini patut? Kot mana pun kita kena fikir keburukan dan kebaikan yang mana lebih penting? Jadi kita kena fikir sama, itu sahaja Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B daripada Bayan Lepas, menunjukkan satu contoh di India tu. Isu dia ialah *Printing and Presses Publication Act* tersebut kepada Y.B daripada Bayan Lepas bolehlah untuk kontrol supaya, tidak ada akhbar-akhbar ataupun *any publication* yang boleh menyebabkan satu keadaan huru-hara di Malaysia, tetapi adakah Y.B dari Bayan Lepas sedar bahawa ada satu, dua akhbar seperti Utusan Malaysia yang selalu mengapi-apikan isu perkauman dan langsung tiada ada tindakan diambil terhadap mereka, tahu atau tidak?

Semua orang tahu itu dan *infact* dalam *Printing And Presses Publication Act* ada satu *section* di mana sesebuah akhbar itu boleh dipertuduhkan di mahkamah untuk menyiarkan *publishing recklessly news, there is a section that allowed* satu tindakan sebegitu pun tidak diambil oleh Kementerian Dalam Negeri. Itulah sebab kita kata *Printing And Presses Publication act* ini digunakan secara berat sebelah dan oleh itu seharusnya di batalkan dibubarkan sekali gus itu yang kita katakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Dah habis dah, saya minta kebenaran boleh.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Bayan Lepas, saya rasa cukup lah, sebab saya mengucapkan terima kasih kerana Y.B. Bayan Lepas mengaku dan memang bahawa kita akan *control* ini akhbar-akhbar, tak apa terima kasih. Saya akan keluar dari isu ni dan kita pergi lainlah, dengan pinggiran Bumiputera di Pulau Pinang ataupun di seluruh Malaysia. Memang saya tak persetujuan jadi apa pandangan daripada Y.B. Telok Ayer Tawar yang baru masuk, sebab ikut agensi-agensi yang kakitangan *government* kita boleh nampak walau bagaimanapun kaum Melayu terdiri daripada Malaysia ada lebih kurang 50% tetapi kita tengok pandang mana-mana kakitangan di Kerajaan, boleh kata lebih daripada 80% atau 90% semua orang kaum Melayu juga dan bagaimana kita katakan orang Melayu di negara ini atau di Negeri Pulau Pinang ini dipinggirkan, betul tak? Ini satu bukti nanti saya bagi peluanglah. Jadi ini ada satu bukti orang Melayu di Pulau Pinang atau di seluruh Malaysia memang tidak dipinggirkan, ada sebenar yang dipinggirkan adalah dari kaum Cina dengan kaum India dan lain-lain.

Y.B. Dato Speaker yang saya hormati, dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, UMNO Barisan Nasional telah membelanjakan sebanyak RM110,000,000.00 untuk meraih kemenangan, Sekolah Rendah Jenis Rasa pula tumpang nasib baik di Hulu Selangor, mendapat RM3,000,000.00 peruntukan Perdana Menteri telah mengugut dan rasuah rakyat di Hulu Selangor bahawa pemilik-pemilik semestinya mengundi UNMO Barisan Nasional supaya calon Barisan Nasional boleh menang dan kalau sebaliknya maka RM3,000,000.00 ini tidak akan diserahkan kepada pihak sekolah.

Adakah ini rasuah? Adakah ini membeli tiket undi? Kalau Yang Berhormat bersetuju sila katakan ya. Saya berharap Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, maksudnya itu SPRM, seharusnya menyiasat insiden rasuah ini dan ugut ini dengan serta merta membuktikan kepada rakyat bahawa SPRM bukan...(gangguan) samseng UMNO, Barisan Nasional hanya suka menyiasat pemimpin-pemimpin dan Ahli Parlimen dan ADUN Pakatan Rakyat. Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau bersetuju sila katakan "Ya".. Terima kasih.... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatangan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker teguran, saya minta tarik balik menggunakan perkataan samseng UMNO tadi. Perkataan samseng, kita dah bersetuju dengan cadangan daripada Y.B. Dato' Speaker bahawa kita dilarang menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menyinggung perasaan dan menyakitkan hati so kita minta tarik balik, saya minta tarik balik kata-kata UMNO samseng, sila tarik balik. Kalau tak nak tarik balik DAP pun samseng, PKR pun samseng. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Di sini saya tak katakan UMNO samseng, saya tak kata UMNO samseng.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Buka hansard balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang itu kita dengar balik.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Dari insiden Sekolah Jenis Kebangsaan Rasa mendapat RM3 juta peruntukkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kita minta tarik balik sebelum dia teruskan ucapan, saya minta Dewan berlaku adil, kalau tadi kita bersetuju dengan Y.B. Dato' Speaker bahawa kita tidak akan menggunakan perkataan-perkataan macam itu *so be fair, so just* tarik balik. Tarik balik.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Yang Berhormat kalau yang saya kata tadi itu merupakan, bukan merupakan samseng. Kalau kata Yang Berhormat tak bersetuju saya akan menggantikan SPRM bukan merupakan *double standard* cuma berat sebelah UMNO, Barisan Nasional. Berpuas hati.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Sila tarik dulu perkataan tadi, tadi kita dengar Y.A.B. Ketua Menteri minta Ketua Pembangkang tarik balik perkataan yang berkait dengan apa yang disebutkan tadi hanya perkataan itu saja, saya minta yang ini pun sama juga, tarik balik perkataan yang UMNO samseng itu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, saya akan tarik balik kepada saya punya ucapan dari membuktikan kepada rakyat bahawa SPRM bukan merupakan samseng kepada, bukan merupakan SPRM bukan *double standard* berat sebelah kepada UMNO Barisan Nasional. Saya teruskan saya punya ucapan. Dari insiden Sekolah Jenis Kebangsaan....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Tadi Y.B. Berangan pun ada cakap DAP samseng, PKR samseng. Dia tidak tarikh balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Dia sudah tarik balik.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya bercakap kalau dia tarik balik, okey tak apa saya tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Dah ditarik balik dan dah ditukarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Dia kena tarik balik juga, dia sudah tarik balik kalau dia tarik balik, saya tarik balik tak ada masalah habis.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kalau dia tarik balik, saya tarik balik, tidak masalah.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey sudah ditarik balik, sudah teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey saya tarik balik, habis.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Boleh saya teruskan, Okey Y.B. Dato' Speaker, saya teruskan perbincangan saya. Dari insiden Sekolah Jenis Kebangsaan Rasa mendapat RM3 juta peruntukan, saya teringat kepada Sekolah Beng Teik. Sekolah Beng Teik sebenarnya dirancang untuk pindah ke Taman Kota Permai pada tahun 1999. Pemindahan sekolah ini telah meliputi tiga kali pilihan raya, kasihannya dan dua kali ucapan penyerahan permit pemindahan pada 3 Februari 2008 bekas Ketua Menteri dan bekas Menteri Pengangkutan Dato' yang itu kita tidak mahu

menamai lagi kita sudah terlupalah termasuk bekas ADUN Berapit dan bekas ADUN Padang Lalang dan lain-lain telah secara rasmi memulihkan kerja tanah di tapak Sekolah Beng Teik dekat Sungai Pasir, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam. Dan bekas Y.B. MCA juga mengumumkan Sekolah Beng Teik akan dibina dalam jangka masa empat (4) bulan supaya ia dijadikan satu rekod yang dibina dalam tempoh yang paling pendek. Sedihnya Tsunami politik 8 Mac 2008 telah menenggelamkan Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Pemindahan Sekolah Beng Teik terbiar begini.

Dua tahun sudah lepas, Pengerusi MCA Pulau Pinang yang baru-baru ini dilantik iaitu Dr. Ng yang pernah menyeru golongan wanita memakai baju yang malam lebih seksi yang menarik perhatian suami itu telah berkata kemungkinan besar orang Bukit Mertajam dan Pulau Pinang tidak mengambil berat tentang Beng Teik sebab itulah mereka tidak menyokong UMNO Barisan Nasional pada Pilihan raya Tahun 2008. Maksud beliau adalah rakyat tidak sokong UMNO Barisan Nasional maka Barisan Nasional pula tidak mahu membina sekolah itu.

Saya merasa amat sedih sebab UMNO Barisan Nasional telah

menjadikan isu sekolah Cina isu politik. Adakah tingkah laku UMNO Barisan Nasional itu beretika. Wahai rakyat Malaysia yang saya kasihan terutamanya kaum India, Sekolah Jenis Kebangsaan Rasa telah mendapat peruntukan sebanyak RM3 juta, isu MAICA Holdings Bhd. yang merunsingkan kaum India selama 26 tahun ini pula macam mana? Sampai bila isu ini dapat diselesaikan dan kita selalu dengar yang Y.A.B. Perdana Menteri kita selalu uar-uarkan Satu Malaysia tetapi nampaknya ini bukan Satu Malaysia tetapi cuma di tempat ataupun masa yang tertentu mereka bagi sedikit manis untuk memancing undi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Yang Berhormat cari publisiti, cakap pasal isu nasional, supaya kami tidak boleh jawab, cakaplah isu tempatan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya masih belum beri peluang, Y.B. sila duduk dulu boleh. Y.B. sila ikut peraturan. Kita bukan budak kecil, budak-budak sekolah ada di belakang, sila tunjuk contoh baik, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Boleh buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Masa masih ada kut? Dato' Speaker yang saya hormati, saya juga hendak sentuh sedikit untuk lalu lintas di kawasan saya di Jalan So Man King. Jalan itu sepanjang lebih kurang 3.5 km tetapi sekarang ada 6 lampu lalu lintas dan 4 jambatan. Seperti tadi Y.B. Pantai Jerejak kata ini adalah satu *bottle neck* di jambatan. Di situ jalan ada 4 *lane* tetapi masa di jambatan tinggal 2 *lane*.
Itu

adalah satu jalan utama di Bukit Mertajam dan kesesakan lalu lintas itu bukan kata di pagi atau sibuk tetapi boleh kata sepanjang hari. Kebanyakan jalan itu sesak dan anggaran lalu lintas memang nampaknya sibuk dan jalan itu keadaan sekarang tidak boleh tampung yang begitu banyak punya kenderaan. Jadi saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga boleh ambil langkah-langkah yang secepat mungkin untuk memperbaiki keadaan di situ dan akhirnya saya mohon sokong, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih Dato' Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya dalam perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-12 untuk membahaskan usul-usul terima kasih kepada TYT Yang di-

Pertua Negeri Pulau Pinang dan pada hari ini saya ingat hari yang mungkin *second last* untuk kita habiskan perbahasan kita di Pulau Pinang dan saya ingin mengambil perhatian untuk bercakap dua tiga perkara yang perlu dikemukakan di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Yang pertama ialah tentang COB sendiri.

Saya masih ingat dahulu apabila Kerajaan Barisan Nasional berkuasa di Negeri Pulau Pinang, selaku Ahli Ketua Pembangkang, Ahli Sungai Puyu yang tidak hadir hari ini telah berkata rumah bertingkat ini seperti *time-bomb*, tunggu hendak meletup sahaja, jadi apa yang digambarkan oleh beliau ialah masalah dari segi pengurusan, masalah yang berlaku dalam rumah pangsa itu dan dalam tahun 2007 Akta Bangunan telah pun digubal khas untuk COB walaupun ada kecacatan dalam akta itu. Jadi di Pulau Pinang ini kita tidak boleh lari masalah COB ini sama ada pengurusan berpandangan kerana masalah *defaulter* banyak sangat atau orang yang kurang bayar atau masalah dengan pemaju itu atau ada masalah dalaman sendiri.

Jadi perkara ini memang amat serius sekali kerana setengah-setengah tempat hampir mencetus pergaduhan dalam kawasan itu sendiri. Kalau masalah itu berpunca daripada *defaulter* ini memanglah perkara yang bukan mudah, yang boleh diselesaikan oleh Kerajaan Negeri kerana hendak suruh orang bayar tunggakan berbelas juta, berbelas ribu ini memang selalunya berat sekali, terutama sekali di kawasan-kawasan Taman Perumahan. Tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah, apa yang berlaku di setengah rumah pangsa di mana pelantikan JMB yang telah dibuat oleh COB di mana mendengar pihak daripada *recommendation*, daripada pihak pemaju yang telah pun menubuhkan JMB dan seterusnya JMC di mana penubuhan ini, memang kita terima banyak bantahan daripada penduduk lain, kerana sebagai contoh di kawasan saya Taman Perdana Mutiara Dua di mana masalah ini memang serius berlaku dan pernah juga mereka berjumpa dengan Timbalan Ketua Menteri dan hampir sekarang belum selesai lagi.

Jadi saya hendak bangkitkan perkara ini. Yang pertama pelantikan JMB itu terdapat penipuan. Persatuan Penduduk panggil mesyuarat agung tetapi *signature* mesyuarat agung itu digunakan balik, difotostat dan diguna balik sebagai mesyuarat agung untuk JMB. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Jabatan COB tetapi masih tidak buat apa lagi. Yang kedua pelantikan yang saya fahamkan kalau *Information of JMB* ini dia mesti *partial owner*, kalau bukan *partial owner* dia tidak boleh duduk sebagai Jawatankuasa, dia tidak boleh duduk sebagai Pengerusi. *Partial owner* sahaja yang diwajibkan untuk menghadiri mesyuarat agung dan untuk melantik *committee* terdiri daripada penduduk atau 2 atau 1 wakil daripada pemaju itu sendiri dan apabila JMB ini ditubuhkan pemaju dia tidak ada dalam gambar dah.

Segala pengurusan bangunan itu sendiri akan dilakukan oleh JMB atau JMC ini untuk melihat bangunan ini dibuat *maintenance* secara terbaik sekali tetapi di kawasan ini apa yang berlaku ialah pelantikan pengerusi JMB ini ialah dia bukan *partial owner*. Rumah itu kepunyaan bini dia, nama bini dia, dia sebagai suami tidak boleh duduk sebagai Pengerusi dan mengikut Akta secara tidak langsung tidak sah dan apabila kita *complaint* kepada JMB dan dijawab oleh JMB katakan bahawasanya kena tunggulah mesyuarat agung pada tahun ini untuk kita buat pemilihan baru. Ia bukan begitu, masalahnya dalam akta

mengatakan Pengerusi mesti *partial owner* dan apabila Pengerusi dia bukan *partial owner* dan telah dibuktikan dengan nyata dan sah dan tidak ada tindakan, ini akan jadi masalah balik. Jadi alasan yang diberikan oleh JMB bahawasanya kalau nak *apply* lain pun ia mengambil masa yang lambat tetapi kalau kita sebang dengan penduduk sebulan pun tak apa kita *apply* lain.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Penjelasan.

YB. Dato' Speaker:

Ya, sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Kalau pemilik itu bukan pemilik *partial* tetapi kalau *proxy* diberikan bolehkah dia mengundi?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tidak boleh, dia *proxy* bagi dia tidak boleh, saya ingat saya boleh minta pengesahan daripada Ahli Padang Kota, *proxy* dia tidak boleh. Dia boleh pergi mesyuarat agung tetapi dia tidak boleh mengundi. Dia yang duduk dalam itu disebut *very directly partial owner*. *I think* Padang Kota boleh *clarify* perkara-perkara seperti inilah. Ia bukan *partial owner* tidak boleh, walaupun bini *you* wakil *you* dia tidak boleh undi. Mesyuarat Agung dia boleh hadir, boleh dengar tetapi pelantikan jawatankuasa tidak boleh, dia mesti *partial owner*.

Jadi bila perkara ini berlaku yang paling serius ialah apabila penubuhan ini diiktiraf oleh COB maka *sinking fund* telah pun dikeluarkan oleh pemaju yang lama. *Sinking fund* hampir RM100 ribu telah dikeluarkan dan masalah ini timbul apabila Mesyuarat Jawatankuasa tidak pernah diadakan dan penduduk itu tertanya-tanya duit pergi mana. Di sinilah Dato' Speaker masalah wujud yang mana menjadi masalah. Ada pelbagai masalah yang wujud di tiap-tiap kali penubuhan JMB dan di satu-satu taman itu. Dia mempunyai ciri-ciri masing-masing tetapi apa yang digambarkan penguatkuasaan oleh COB walaupun kita tahu dan saya fahami sangat segi kakitangan yang kurang yang selalu disebut tetapi sebagai contohnya COB itu sendiri. COB dilantik 2007 dan dilantik YDP sebagai COB jadi pokok pangkalnya ialah dalam soalan jawab tadi saya lihat ada kelemahan sikit yang ingin saya tegur ini.

Yang pertama dijawab oleh Y.B. Air Itam, jadi kalau Air Itam jawab soalan masalah COB ini, sebagai COB ini kalau dia hendak kendalikan masalah rumah pangsa bertingkat ini dia kena dengar cakap siapa? Kena dengar cakap Air Itam atau Padang Kota. Dia tidak boleh belah badan seorang setengah, jadi apa yang saya cadangkan di sini kalaulah Padang Kota bertanggungjawab kepada COB, Padang Kota harus menjawab segala persoalan kerana kita tidak

mahu COB ini apabila Ahli Air Itam panggil dia tanya dia masalah penubuhan JMB ini, cara kebetulan pula hari itu Padang Kota pula panggil masa yang lain. Jadi dia berbelah bagi. Kalau ikut portfolio mesti lapor kepada Padang Kota, perkara ini boleh diperbetulkan lagi.

Cuma saya merayu kepada Kerajaan Negeri kalau boleh tambah lagi *staff* jangan kita buat apa-apa tambahkan lagi *staff* dan yang kita tahu di Pulau ini dah 2, 3 pegawai yang betul-betul tahu tentang apa ni penubuhan TNB dan sebab itulah di mana-mana pun JMB orang masih menyalahkan pemaju tentang apabila ditubuhkan JMB pemaju dia tak ada apa dah, yang ni penduduk kena faham kalau dia salah pemaju dalam akta Kerajaan Negeri tak boleh ambil tindakan cuma dia boleh gempar dan boleh gigit dari belakang projek-projek yang lain dan bila dia nak panggil tempat hukum atau penguat kuasa memang dia tak boleh tubuhkan JMB, COB pula masalah orang-orang yang menghadapi masalah itu masalah yang nak kutip duit itu bukannya senang, jadi ini masalah masih wujud di merata-rata tempat.

Pegawai di tempat saya semalam Y.B. daripada Y.B. Komtar cakap benda yang sama Y.B. Seri Delima, 2,3 Y.B. cakap benda yang sama jadi saya nampak perkara ini kalau dibiarkan tidak akan selesai tetapi yang saya khuatir ialah apabila nak tubuhkan JMB satu isu lagi pemaju *refuse* nak serah *audited* akaun *saving file*, bila tak ada *saving file* ini kebanyakan JMB ini depa takut nak pegang sebenarnya apa ni Kerajaan Negeri lebih serius perkara ini dia boleh lantik satu konsultan kepada setiap penubuhan JMB tentang tanggungjawab mereka itu sendiri, peranan mereka itu sendiri dan apa yang boleh mereka buat untuk mengatasi masalah ini dari segi *collection*. Adakah mereka mahu serahkan kepada syarikat-syarikat yang lebih profesional atau adakah mereka mahu buat kutipan itu secara sendiri? Tapi perkara ini jangan biar yang kita khuatir ni bila kita biar tergantung tanpa ada jalan yang diselesaikan *later part* bila mai tang pembayaran kepada syarikat-syarikat utiliti seperti TNB, PBA sapa yang nak bayar kalau kutipan hanya 20% kalau apabila notis dikeluarkan untuk nak dipotong elektrik satu bangunan itu.

Ahli kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Bayan Lepas sebab di kawasan saya, saya amat kecewa dengan jawapan yang diberikan oleh EXCO berkenaan soalan bertulis saya. Kita ada masalah sekarang ini, di Seberang Jaya hampir 20 flat telah dipotong api, yang flat dulu adalah milik PDC, bil api dah dekat RM200.000.00 tak dibayar, satu flat RM5.000.00 ada yang RM7,000.00 ribu apabila nak suruh MC bayar dia orang nak bayar macam mana? Bil yang lama tu duk ada tak diselesaikan jadi saya ingat Kerajaan Negeri harus mengambil berat maknanya satu peruntukan khas supaya ada dana ini boleh selesaikan masalah yang lama *zero-zero*, barulah bagi balik kepada pengusaha yang baru dengan *sinking fund* atau pun dana permulaan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih. Apa yang saya gambarkan kini bukan saya nak gambarkan Kerajaan Negeri kena sediakan peruntukan apa ke, tapi saya nak gambarkan kesusahan yang berlaku sekiranya berlaku syarikat utiliti dia potong elektrik tapi dia tak potong satu rumah pasal di rumah ni ada meter sendiri dalam segi perundangan dia tak boleh potong rumah sendiri, dia salah dia potong untuk publik punya lif tak jalan, pam tak naik air, sapa bukan kata masalah orang nak pi surau pun tak boleh air tak ada. Kalau seminggu tak ada air jadi macam Y.B. Sungai Bakap, ustaz, kita nak mandi tak boleh macam nak pergi ini masalah kita nampak bukan hanya untuk orang Islam tetapi perkara-perkara yang lain, ini perkara-perkara ini yang saya nampak serius yang harus menjadi fokus kepada jawatankuasa khas. Kalau Ahli Y.B. Padang Kota menjaga COB bagi dia jaga jangan kita bebaskan daripada Ahli Y.B. Air Itam yang terpaksa untuk tanya balik *decision* kepada Y.B. Padang Kota, dua kali *decision, no point* dia kata *waste of time* jadi saya rasa boleh lagi kelemahan ini kita boleh berkongsi pandangan ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan sekejap, terima kasih. Y.B. Bayan Lepas saya memang bersetuju jikalau mereka air tak bayar, TNB tak bayar, PBA tak bayar ini akan mereka memotong air dengan itu TNB, lif tak jalan tapi kita semua sedar, masalah asas ini dari mana penduduk situ atau pun tuan rumah situ enggan bayar *management fee* dan MC atau pun JMB mereka tidak mampu bayar ini, bayar ini hutang seperti bil TNB, bil PBA. Minta bagi penjelasan sikit

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. tak faham. Saya kata ini untuk *public area* kalau *public area* itu syarikat pengurusan ini kena bayar hasil dari *sinking fund* MC kena bayar yang ini jadi masalah bila MC tak pernah kutip pembayaran ini *problem* depa nak bayar *thats why* akta ia digubal kepada Akta Penubuhan COB hasil lihat apa yang berlaku di Singapura sebagai contoh yang terbaik sebab itu digubal agak lewat sikit 2007 baru setahun jagung kita masih dalam membetul yang mana yang telah dibangkitkan oleh banyak dari Ahli-ahli Kerajaan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya ingin membangkitkan isu Singapura yang Y.B. Bayan Lepas yang katakan tadi. Pokok isu yang kita bangkitkan ialah masalah MC mengutip wang daripada penduduk di situ mungkin satu cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pihak Persekutuan kerana ini adalah satu undang-undang Persekutuan, ialah kita boleh tambah satu seksyen di mana kalau seseorang penduduk itu tidak membayar dan kita ada satu cara untuk mengenakan tindakan terhadap dia termasuk tindakan mahkamah di mana beliau boleh dikenakan denda ataupun lebih serius yang wujud di Singapura dan oleh itu di Singapura kes-kes HDB dan sebagainya diselenggarakan dengan begitu efisien *so i think the issue coming back to the point here, I think* undang-undang kita itu tidak begitu memuaskan ada beberapa peruntukan yang boleh dimasukkan supaya masalah ini tidak dapat kita berulang lagi lah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker, undang-undang ada peruntukan dalam penubuhan JMB itu sekiranya kalau *maintenance fee* tidak dibayar MC, JMB berhak untuk mengambil tindakan mahkamah untuk *seal* rumah, dia lelong segala harta yang ada dalam rumah dia, jual dan duit yang *balance* tu kena pulang balik kepada tuan rumah tetapi masalah dia di Malaysia siapa yang buat tindakan macam itu? Sebagai Pengerusi JMB dia nak buat nampak bagi jahat dia *save* juga, komputer punya banyak dia nak *save* juga tak nampak dia jahat dia tak mahu dia suruh JMB buat tapi JMB tak nak buat bukan hak dia, memang betul jadi betul hak itu jatuh kepada JMB perkara ini memang ada cuma kadang-kadang dia masalah dari segi kefahaman tentang tanggungjawab sebagai ahli JMB, GMC, MC dan dia tak faham ...(gangguan), sat saya nak bagi satu lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan. *I just to clarify* tadi, saya nyatakan mungkin peruntukan tidak memuaskan. *actually* saya ingin *clarify* dan nyatakan ada satu seksyen macam apa Y.B. Bayan Lepas cakap tadi seksyen tu seksyen 34 yang memperuntukkan denda untuk kesalahan di lakukan, *I think the issue is not* ketiadaan peruntukan tersebut dan isu dia ialah penguatkuasaan peruntukan tersebut dan *I think* kita patut ada satu usaha dan tekad untuk memastikan penguat kuasa seperti Y.B. Bayan Lepas cakap tadi siapa patut nak buat *I think* siapa yang nak *buatlah I think that should not consideration...*(dengan izin).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Datok Keramat, sebenarnya Y.B. Datok Keramat di Singapura lain banyak yang dikatakan Singapura kalau tak bayar *management fee* dia potong semua air itu tak betul, gambaran yang tidak benar di Singapura dengan saya dengan Y.B. Seberang Jaya, mungkin Y.B. Air Itam mungkin boleh pergi ke

Singapura depa *go for sivil* juga tapi mahkamah depa *using one month clear* cepat kita kalau pi dekat sivil Y.B. Datok Keramat sebagai *lawyer* lagi tahu lah yang ini masalah kita sebab penguatkuasaan tetapi sekarang sama juga.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tetapi sekarang dengan KPID, Badan Kehakiman sudah cepat... (ketawa) so itu tidak jadi...(gangguan), memang supaya *lawyer* kita tahu saya nak datang sini pun susah banyak kes di mahkamah jalan tanpa peguam.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Kalau macam itu kita kena maklumkan kepada jawatankuasa TNB supaya benda ini boleh kita buat cara seperti yang dicadangkan tadi tetapi saya minta Kerajaan Negeri supaya pengawalan COB itu sendiri kerana COB sebagai YDP minta maaf saya katakan kadang-kadang dia lepas tangan kepada pengarah, Pengarah *acting* dia itu Pengarah Jabatan Nelayan dia lepas tangan kepada pegawai yang biasa nak *handle* satu Pulau Pinang mana boleh dia *handle* jadi saya ingat kalau kita fokus kepada satu asing khas untuk selesaikan masalah JMB ini saya ingat boleh, saya rasa boleh jadi ini salah satu saya nak bangkitkan di sini.

Y.B. Dato' Speaker:

Masa tinggal 3 minit lagi

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) :

Banyak lagi saya nak cakap satu saja.

Y.B. Dato' Speaker:

Lama, tadi isu ini lama sangat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Okey, satu lagi nak cakap ialah tentang pelancongan, saya percepatkan sikit. Pelancongan saya ingin katakan tahniah jugalah kepada Kerajaan Negeri yang telah menubuhkan Penang Global Tourism (PGT) di mana *allocation* telah diberi sebanyak 4 juta dan tujuan PGT ini ialah untuk melihat Pulau Pinang ke era yang baru seperti mana Pulau Pinang ini dia jadikan tempat *tourism* yang lebih menarik daripada negeri yang lain walaupun kekurangan banyak pelancong.

Jadi yang saya musykil ini apabila sesi yang kelmarin dalam soalan lisan apabila ditanya oleh pelbagai ahli daripada pihak pembangkang tentang produk-produk pelancongan baru. Apa yang saya nampak baru dalam perancangan dan benda-benda yang tak selari dengan apa yang dicadangkan oleh PGT. Jadi saya tanya sama ada ahli daripada Y.B. Batu Lanchang, Puan Ui Gwen Ling MB dia benganglah dia tak ngamalah jadi dia suruh Menteri dia Y.B. Dato' Speaker, Menteri cakap kot lain, yang Menteri lantik itu syarikat yang meluluskan pelancongan itu dia cakap ke arah yang lain, dia kata perkara memperhebatkan lagi warisan yang ada yang telah diiktiraf dalam UNESCO sebagai tempat *destination* dia kata di sini pantai-pantai semua ini dia tak boleh setanding dengan negeri-negeri yang lain tetapi bila kita lihat jawapan jadi lain jawabnya saya sebagai anak jati Pulau Pinang daripada dulu lagi saya duk balik kayuh basikal di Penang Island, duk pergi *camping* dekat Batu Feringhi tempat *camping* jadi saya rasa terkilan sikit kenapa pantai harus dijaga baru pantai telah tidak diperakui oleh ahli MC sebagai tempat destinasi pelancongan tetapi sebagai tempat *tourism* ni dia banyak kategori ada *back packed*, ada yang mai melalui pakej-pakej *tourism* ada yang datang mai ada yang lain-lain lagi.

Tetapi yang pentingnya ialah hotel-hotel yang bertaraf bintang tinggi di pantai menunjukkan bahawasanya di Pulau Pinang ini masih memerlukan pantai yang cantik untuk menarik pelancong kenapa kita buat hotel di tepi pantai yang begitu mahal semua yang baru yang rock itu apa, *Hard Rock* pun buat di sana maka menunjukkan bahawasanya pantai masih menjadi tempat pelancongan apabila saya lihat fokus Kerajaan Negeri sekarang ini untuk membersihkan pantai tidak begitu diutamakan sehingga saya terbaca satu surat akhbar mengatakan *beaches looks more like garbage*.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Beaches more like garbage dibaca oleh Dato' Haji Azhar. Baru-baru ini saya baca dan saya rasa adakah *attitude* kita macam itu? Selalunya orang Pulau Pinang ini kita bersih. Adakah kita teruk sampai macam ini? Jadi saya bawa keluarga mandi Ahad sudah. Memang betul, kaca merata-rata, betul. Kaca-kaca air botol bir, kaca merata, makanan pakai *foam* yang dicadangkan untuk dibubarkan. memang bagus. Buang tepi pantai dan macam-macam ada. Macam-macam ada. Pulau Pinang pantai dia cantik, dan saya kira...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ingin menyatakan kekhuatiran saya sendiri bila depan mata saya sendiri lihat tidak lama dulu *last year, end of the year* saya bawa keluarga saya ke Batu Feringgi. Saya melihat kuda-kuda di situ yang *horse ride* yang diberikan di sepanjang pantai tersebut itu. Tetapi yang mengejutkan saya dan memalukan saya di hadapan saya pelancong-pelancong dari luar negara apabila saya lihat kuda itu salah satu kuda itu buang najis dan apa yang berlaku dia punya *horse trainer* atau dia punya *rider* itu *instead of cleaning up* dia korek satu tempat di

atas pantai itu *and then put in front of me* saya punya anak ada situ saya terkejut *and the sea water coming up and slowly the sand is going down and then looking at that time in shocked that can happened and seen it, in my own eyes.* Itu yang saya nak kongsi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Dulu pantai ini dijaga bersih dijaga oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang kalau di Pulaulah. Adakah kerja-kerja pembersihan itu telah pun diberhentikan? Atau nak kurangkan bajet atau kurang kakitangan? Termasuk saya tengok di pasar-pasar di Balik Pulau pun kebersihan tak jaga. Saya bercakap juga dengan kakitangan yang buat kerja buat kebersihan ini. Dulu kami ada perkakas semua ada penyapu, alat-alat juga ubat-ubat, sabun-sabun juga tapi hari ini tak ada. Tetapi kadang-kadang kami terpaksa beli sendiri. Ini secara penjimatan dan akhirnya menjejaskan perkhidmatan. Pantai tak bersih dan pasar tak bersih dan sebagainya. Kerana nak jimat Majlis Perbandaran kurangkan kakitangan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta sedikit sahaja. Saya bersetuju dengan pandangan Y.B. penuh dengan kaca, sampah itu. Bukan sahaja di pantai sahaja, ada merata dan adakah Yang Berhormat semua bersetuju di atas langit kita tak diselubungi hanya akan turun hujan sahaja dan mungkin di negara-negara yang ada salji dia akan turun salji itu. Tetapi saya tak pernah dengar ada satu negara yang kalau negara mereka akan turun sampah-sampah? Ini semua dilakukan oleh manusia. 18 April baru-baru ini ada satu program bergotong-royong yang begitu hebat tetapi hari kedua kawan-kawan kita media telah menunjukkan di pantai-pantai penuh balik dengan sampah-sampah. Ini sebab itu saya menyeru Yang Berhormat semua bersetuju dengan kita mengadakan satu undang-undang orang yang buat sampah itu dengan sapu jalan dengan bubuh *sign board* saya ulat sampah. Kalau setuju katakan "Ya."

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya tak setuju lah, dengan begitu kerana zalim. Saya dok kira tadi kita lihat pantai-pantai dari hujung hingga beberapa kilometer ini, kita kena tolak masa saya tadi, setiap 500 meter kalau dijaga disediakan satu pekerja pagi-pagi sapu sampah, dia *the most 15 orang early every morning* dia boleh *clear the whole* sampah. Jadi kalau kita kena sedia peruntukkan untuk ambil kebersihan kita dan kalaulah kita mahu pantai seperti dahulu balik, Jeti Pulau Pinang pun kita mahu. Sebagai anak jati Pulau Pinang memang saya minat Y.B. bangkitkan saya bersetuju juga.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan. Saya difahamkan kontraktor yang dilantik bagi pembersihan pantai adalah dilantik oleh sejak Barisan Nasional, jadi jika prestasi pekerja itu tidak baik dan tidak memuaskan dan jika Yang Berhormat bersetuju jika kontrak itu ditamatkan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya bersetuju. Kalau dia buat tak betul buanglah. Apa pula kita nak bantah kalau untuk kebaikan untuk Negeri Pulau Pinang. Bersih mutiara bukan bersih pantai, tapi itu bersih dalam laut, di pantai itu lain.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta sikit. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh tentang ADUN Komtar tadi berkenaan dengan pelantikan kontraktor dikaitkan dengan Barisan Nasional, saya rasa itu tak payahlah disebutlah macam itu. Dia benda ini bila nak sambung kerajaan nak tukar 100% semua. *So you* kena sambung. Sekarang isunya ialah Majlis Perbandaran yang berkenaan kalau dalam kes ini iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang adakah dibuat pemantauan terhadap kontraktor-kontraktor yang telah diberikan *job* atau kerja tugas-tugas yang ditetapkan?

Ada atau tidak S.O.P.nya? Ada tak pemantauan yang dibuat? Kalau dikatakan kontraktor itu diberikan oleh Barisan Nasional maknanya setahun setengah dekat dua tahun dah isu penyelenggaraan pantai tidak berkesan dan MPPP hanya tengok sahaja? Di mana kredibiliti Majlis Perbandaran dalam memantau sedangkan Majlis Perbandaran guna duit rakyat untuk bayar kepada kontraktor tadi. Kita tak kisah kontraktor Barisan Nasional ka atau apa ka, kalau tak boleh buat kerja *terminate*. Itu satu benda yang *standard*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tinggal 5 minit lagi saya ada. Jadi saya setuju juga daripada Ahli Komtar tadi iaitu 3C iaitu kebersihan kena jadi satu tabiat dalam Islam ajar kita bersih agama lain pun sama ajar kita bersih. Kita makan tapi kita letak merata. Jadi saya nak bangkitkan lagi satu Y.B. Dato' Speaker, ialah tentang perumahan. Perumahan khasnya dibina oleh PDC di Bukit Jambul. Selalunya projek-projek murah yang didirikan oleh PDC sebagai salah satu *provision* rumah di Bayan Bay itu dia kena buat rumah murah semua mungkin PDC telah membina rumah murah dan juga murah sederhana dan selalunya agensi kerajaan kita tak benarkan bina rumah LMC. Kalau dah buat rumah mewah begitu laku dijual di Bayan Bay maka rumah murah harus diberi tumpuan kerana agensi kerajaan adalah satu kerajaan untuk membina rumah murah untuk golongan-golongan kurang pendapatan.

Kalau PDC Pulau dok kira dengan *profit and loss* dia tanggungjawab dia, dan dia kata bila buat rumah murah buat rumah LMC di tempat yang sama maka ini tak betul dan saya minta perkara-perkara ini kalau boleh PDC buatlah semua dan buat rumah LMC sama. LMC kalau kita kenakan syarat dengan swasta biar swasta buat. Tetapi PDC di mana kita tahu di mana rumah dibina rumah mahal semua RM800 ribu kalau di Bayan Bay harus membuat membina rumah murah sahaja di Bukit Jambul. Kalau tak lari dari matlamat asallah.

Jadi minta Kerajaan Negeri saya minta lihat apa yang saya katalah yang tadi. Satu lagi Dato' Speaker, percubaan pukot tunda yang diberikan oleh daripada Telok Bahang. Pukot tunda ini memang teruk sekali berlaku di kawasan sebelah Seberang Selatan Pulau Pinang. Ini kerana saya difahamkan jawapan yang diberi dulu 2009 hanya 10 kes. Rupanya bukan 10 kes dan jawapan ini pun tak betul. Kalau rajin tanya *reporter*, yang pergi tepi pantai dia kalau pergi pantai tiap-tiap hari sekarang ini pukot tunda dok tarik. Apa tu "boya." Tiap-tiap hari dan menyedihkan ialah penguat kuasa dari pihak Pasukan Marin dan difahamkan dia hanya ada satu bot sahaja. Untuk mengawal satu Pulau Pinang punya satu lautan daripada pencerobohan pukot-pukot tunda ini dan sebagainya.

Saya minta kalau boleh adakan satu pemantauan yang lebih teliti untuk kita memberi ruang kepada nelayan-nelayan pantai ini menambah pendapatan mereka. Kerana setakat sekarang ini dengan Jambatan Kedua Pulau Pinang pun jadi masalah juga kerana yang pukot udang tak ada langsung sekarang ini kerana selut. Kalau boleh Kerajaan Negeri juga boleh memainkan juga peranan dalam membantu nelayan-nelayan yang telah mata pencarian telah berkurangan hasil daripada yang saya katakan tadi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan. Dalam hal pukot harimau mencerobohi air cetek marilah kita bersama-sama merayu kepada pihak Marin Polis dan Maritim supaya menjalankan penguatkuasaan yang lebih ketat demi untuk melindungi nelayan pantai cetek.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Lepas kita buat *press conference* nak jumpa Menteri nak bangkit semua ini dan saya minta Kerajaan Negeri memainkan peranan, supaya orang kata apa semua pukot tunda ini janganlah masuk sewenang-wenangnyanya di zon yang kita hadkan untuk mereka menangkap tangkapan ikan itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker:

Ayat penutup. Boleh tutup.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Memandangkan saya menghormati Y.B. Dato' Speaker, dengan ini saya memohon menyokong. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini. Sekian

Dewan ditangguhkan pada jam 1.30 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula. Silakan Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya beri Y.B. Bukit Tengah dulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Lain kali kena duduk depan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul terima kasih kepada ucapan perasmian TYT Tun. Hari ini Pakatan Rakyat telah memerintah Negeri Pulau Pinang selama 2 tahun. Memang tidak dapat dinafikan rakyat di Negeri Pulau Pinang ini mempunyai pandangan yang berbeza terhadap prestasi Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang. Ada yang memuji dan ada yang mengkritik. Kita menyahut baik pujian yang tidak bersifat sekadar mengambil hati dan kita juga menerima baik kritikan sekiranya ianya berasaskan. Akan tetapi sekiranya sesuatu kritikan ataupun bantahan itu bukan berasaskan fakta tetapi bertujuan untuk menghasut dengan sengaja memutarbelitkan fakta, haruslah kita tolak sama sekali. Perbuatan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab ini sememangnya tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang ini malahan ianya akan merosakkan perpaduan rakyat di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, selama dua tahun ini barisan EXCO kita bertungkus-lumus untuk menggariskan dasar-dasar yang mengutamakan rakyat Pulau Pinang. Saya berharaplah agar apa-apa dasar atau langkah yang diambil harus menghala tuju untuk menyelesaikan masalah-masalah secara dasar. Di sini saya ingin membangkitkan beberapa isu yang perlu diselesaikan di peringkat Kerajaan Negeri di mana isu-isu ini adalah bersangkutan-paut dengan kehidupan harian rakyat Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal, lebih-lebih lagi sisa pepejal domestik iaitu perkhidmatan kontraktor ataupun perkhidmatan pemungut sampah dan pembersihan di kawasan perumahan. Selama ini tugas-tugas sebegini dipertanggungjawabkan ke atas pihak berkuasa tempatan di mana pihak berkuasa tempatan yang melantik pihak kontraktor untuk memungut dan

melupuskan sampah ataupun yang dikenali sebagai TPS dan kontraktor khidmat pembersihan atau lebih dikenali sebagai KPA. PBT juga memantau prestasi kontraktor-kontraktor ini dan juga membayar yuran-yuran kontraktor tersebut. Setelah penggubalan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007 dan juga Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal 2007 walaupun diwartakan tetapi belum dikuatkuasakan. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah ditubuhkan dan syarikat konsesi yang dilantik untuk negeri-negeri utara di Semenanjung Malaysia bagi tujuan projek penswastan ini adalah Syarikat Environment Idaman Sdn Bhd atau pun lebih dikenali sebagai Eldaman Sdn. Bhd.

Memandangkan pada masa hadapan, pengurusan sisa pepejal domestik ini akan diambil alih dan ada juga negeri yang telah memasuki tempoh interim seperti Kedah di mana semua PBT di Negeri Kedah telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Eldaman. Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang secara umumnya berasa teragak-agak memandangkan tempoh sama ada bila kerja-kerja ini akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang ini berasa teragak-agak untuk memperuntukkan lebih banyak kewangan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal ini termasuklah melantik kontraktor TPS dan KPA bagi kawasan perumahan yang baru mendapat sijil kelayakan di mana kakitangan PBT sendiri yang menjalankan kerja-kerja pemungutan sampah dan juga pembersihan.

Situasi sebegini semestinya memberi kesan terhadap kualiti kerja pemungut sampah dan pembersihan. Seperti contohnya di kawasan saya sendiri KADUN Bukit Tengah terdapat lebih kurang 19 kawasan yang tidak mempunyai kontraktor TPS dan KPA di mana kakitangan Majlis Perbandaran sendiri yang melakukan kerja-kerja tersebut dan bilangan kakitangan yang menjalankan tugas tersebut untuk kerja pemungutan dan pembersihan hanyalah 13 orang dan sememangnya tidak cukup untuk 19 kawasan. Lebih-lebih lagi keadaan menjadi lebih terdesak apabila di KADUN Bukit Tengah banyak lagi projek perumahan dijangka akan siap seperti Taman Sri Cendana, Cendana Wira dan Juru Wira. Maka saya berharap agar satu keputusan yang jelas dapat dibuat dan arahan diberi kepada PBT oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan pengambilan alih pengurusan sisa pepejal domestik ini.

Menurut jawapan kepada soalan lisan saya, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa kerja-kerja pengurusan sisa pepejal domestik haruslah terus dipertanggungjawabkan oleh PBT. Oleh yang demikian saya berharap satu arahan atau satu hala tuju yang jelas perlu diberikan kepada PBT bahawa pelantikan kontraktor-kontraktor baru untuk kawasan perumahan baru perlu dibuat dengan secepat mungkin. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang satu isu mengenai bangunan bertingkat. Saya percaya banyak Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini tetapi saya ingin membuat satu cadangan pada penghujung *point* ini. Berkenaan dengan pengurusan bangunan bertingkat, sekarang kita ada dua akta yang memantau pengurusan bangunan bertingkat ini iaitu Akta Hak Milik Strata 1985 dan juga akta yang baru iaitu Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 lebih dikenali sebagai Akta 63.

Akta 63 ini digubal bertujuan untuk memperkemaskan kawal selia penyelenggaraan dan pengurusan semua jenis bangunan berstrata bagi tempoh interim iaitu 12 bulan selepas tarikh penyerahan milikan kosong sehingga peringkat perbadanan pengurusan diwujudkan iaitu berlakunya pindah milik strata diwujudkan iaitunya berlakunya pindah milik hak strata kepada pembeli petak sebanyak 25%. Dengan penggubalan Akta 63 banyak bangunan bertingkat yang sebelum ini belum ditubuhkan badan pengurusan dan yang diurus oleh pemaju sendiri perlulah menubuhkan badan pengurusan bersama iaitu JMB yang dianggotai oleh semua pembeli petak bersama pemaju. Ini termasuk rumah pangsa yang dimajukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memang kita tidak dapat nafikan pengurusan bangunan bertingkat ini bukanlah satu kerja yang mudah dan ianya merupakan satu bidang kerja yang memerlukan pengetahuan profesional.

Oleh yang demikian isu pengurusan bangunan bertingkat sering menjadi masalah terutamanya di bangunan bertingkat rumah kos rendah atau flat kos rendah atau sederhana rendah memandangkan pembeli-pembeli petak kurang yakin dengan diri mereka dan kebanyakan tidak mempunyai skil atau pengetahuan yang cukup untuk menguruskan bangunan bertingkat mereka sendiri. Jadi kebanyakan mereka enggan untuk melibatkan diri dengan pengurusan bangunan bertingkat mereka sendiri meskipun peruntukan undang-undang membenarkan GMP atau MC untuk melantik agen pengurusan memandangkan golongan yang membeli flat kos rendah ini adalah daripada golongan bawahan atau berpendapatan rendah di mana kadang-kadang caj penyelenggaraan pun susah hendak bayar. Mereka tidak mampu untuk membayar atau pun mereka tidak mampu untuk membayar *fee* agen pengurusan profesional yang ada di pasaran sekarang.

Dengan itu saya bercadang agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan agar satu anak syarikat kerajaan atau GLC ditubuhkan bertujuan untuk bertindak sebagai agen pengurusan hartanah bagi membolehkan GMP atau MC bangunan bertingkat kos rendah ini melantik anak syarikat kerajaan ini yang bertindak sebagai agen pengurusan. Dengan tertubuhnya GLC ini Kerajaan Negeri boleh menyalurkan peruntukan kewangan kepada anak syarikat ini dan seterusnya anak syarikat itu membantu mengurus bangunan bertingkat kos rendah sama ada ianya majukan pemaju swasta ataupun Kerajaan Negeri sendiri.

Y.B. Dato' Speaker, selain daripada pengurusan bangunan bertingkat isu pengeluaran dokumen hak milik strata juga sering menghantui pembeli-pembeli petak. Saya memang mengalu-alukan tindakan Kerajaan Negeri dalam menubuhkan satu jawatankuasa pengurusan hak milik strata bagi membincangkan masalah-masalah ini. Di sini saya juga ingin memberi penekanan terhadap penguatkuasaan undang-undang. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang di bawah hak milik strata 1985 di mana pemaju yang gagal mengemukakan permohonan hak milik atau tuan tanah yang gagal mengemukakan permohonan hak milik strata boleh diambil tindakan undang-undang tetapi saya nampak peruntukan undang-undang ini seakan-akan menjadi satu bahan hiasan sahaja.

Begitu juga bagi mereka atau pemaju yang tidak mengadakan mesyuarat agung untuk menubuhkan perbadanan pengurusan walaupun pindah hak milik strata telah berlaku sebanyak 25%, ada juga peruntukan undang-undang di mana mereka yang gagal berbuat demikian boleh diambil tindakan mahkamah. Tetapi menurut jawapan kepada soalan bertulis saya setakat ini, tidak ada mana-mana tuan tanah atau pemaju diambil tindakan undang-undang atas alasan gagal mengadakan mesyuarat agung bagi menubuhkan MC. Oleh itu saya berharap supaya satu mekanisme dapat dilaksanakan untuk memastikan peruntukan undang-undang tersebut dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Y.B. Dato' Speaker, isu seterusnya yang saya bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan isu Perancangan Bandar dan Desa. Dengan pindaan akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 pada taun 2001 maka hasrat rancangan 3 peringkat iaitu rancangan fizikal negara, rancangan sektor negeri dan juga rancangan tempatan. Seperti yang diketahui oleh umum, rancangan sektor Negeri Pulau Pinang telah diwartakan pada tahun 2007 tetapi sehingga hari ini rancangan tempatan di seluruh Negeri Pulau Pinang ini masih di peringkat perancangan sahaja.

Menurut jawapan soalan bertulis saya rancangan tempatan Pulau Pinang dua ribu, dua ribu di peringkat pembentangan Jawatankuasa Perancangan Negeri, Rancangan Tempatan Utara dua ribu, dua ribu di peringkat memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan Negeri. Rancangan Tempatan Seberang Perai Tengah dua ribu, dua ribu masih lagi dalam peringkat kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Rancangan Tempatan Seberang Perai Selatan dua ribu, dua ribu masih dalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, Ahli Kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya kurang jelas, dua ribu, dua ribu itu apa dia?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Minta maaf 2020, minta maaf, terima kasih. Rancangan Tempatan Seberang Perai Selatan 2020, masih dalam di peringkat di kawasan Jawatankuasa Teknikal, Majlis Perbandaran sahaja. Kalau kita lihat peruntukkan undang-undang iaitu seksyen 12.3 dan 12.4 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Rancangan tempatan mestilah mencadangkan jenis pembangunan penggunaan tanah, pengurusan trafik dan lain-lain maklumat yang cukup penting. Ini bermakna sesuatu rancangan tempatan itu akan menggariskan ataupun mengemukakan rancangan pada masa hadapan secara terperinci.

Saya berpendapat bahawa tanpa adanya rancangan tempatan ini pembangunan yang dijalankan mungkin akan ataupun kurang tersusun, sebagai contohnya kawasan perumahan akan terletak bersebelahan dengan kawasan perindustrian di mana zon tidak mencukupi. Kawasan perumahan juga mungkin terletak bersebelahan dengan kawasan penternakan dan saya percaya keadaan ini sememangnya berlaku di mana-mana tempat di Pulau Pinang dan di mana terutamanya kawasan pesat membangun. Saya menyifatkan kawasan ini sebagai pertumbuhan pembangunan, *development cress* di mana dia akan membawa pelbagai masalah mengakibatkan kehidupan harian penghuni-penghuni yang menjadi kurang selesa. Dengan ini saya berharap agar penyediaan rancangan tempatan dapat dipercepatkan dan harus mengandungi sifat berpandangan jauh. Y.B. Dato' Speaker, dengan cadangan-cadangan yang saya nyatakan ini, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Ahli kawasan Bukit Tengah. Seterusnya Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Assalamualikum Warahmatullahi Wabarokatuh, terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk membahaskan ucapan TYT Negeri Pulau Pinang sewaktu merasmikan persidangan kita pada kali ini.

Saya tertarik dalam ucapan TYT banyak menyentuh tentang usaha-usaha untuk menjamin kesejahteraan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun ada banyak perkara yang perlu kita lihat semula dan kita analisa kembali adakah semua yang dimaksudkan perancangan kesejahteraan itu di rancang dengan sempurna oleh pihak Kerajaan Negeri. Apakah peraturan-peraturan serta dasar-dasar yang telah pun diwujudkan benar-benar dan memberikan positif kepada rakyat. Saya ingin menyentuh perkara ataupun isu yang pertama dalam perbahasan ini yang berkaitan dengan isu pengambilan tanah dan SSI, State Security Incorporated.

Dalam satu kes saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu tentang tanah lot 1802, Mukim 8, Seberang Perai Utara, yang mana tanah lot ini telah pun disempurnakan pengambilan dan telah pun dibawa sebanyak RM100.00 bagi permohonan mengikut Jadual 1, kepada Pejabat Daerah Seberang Perai Utara dan pengambilan ini telah pun selesai dan telah pun diwartakan dalam warta 349 bertarikh 2 Ogos 2007. Sehingga sekarang tanah ini tidak diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebaliknya masih terletak di bawah SSI. Kalau kita melihat dari segi tujuan pengambilan tanah, tujuan pengambilan tanah ini untuk pembangunan sekolah Agama yang terletak di Kampong Aman di kawasan saya sendiri. Apabila pengambilan ini tidak dapat disempurnakan dengan erti kata tidak didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, walaupun Majlis Agama Islam telah membayar sebanyak RM100.00 mengikut Jadual 1 kepada pihak Kerajaan

Negeri, maka masalah yang timbul ialah pengambilan tanah tersebut tidak dapat dimajukan mengikut hasrat iaitu untuk mendirikan sekolah agama ataupun Institusi Agama di situ untuk mendirikan sekolah agama di situ mengikut undang-undang atau enakmen yang ada pada Majlis Agama Islam setiap sekolah agama ataupun masjid dan sebagainya mestilah didaftarkan kepada Majlis Agama sebagai pemegang amanah tunggal. Ini merujuk kepada seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004.

Jadi dalam hal ini, saya mengharapkan Kerajaan Negeri dapat memberikan penjelasan kenapa sejak daripada tahun 2008 sehingga sekarang tanah ini tidak dapat didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam, sedangkan bayaran dan semua urusan-urusan pentadbiran lain telah pun disempurnakan. Keadaan ini telah amat merugikan kerana sewaktu cadangan pengambilan itu dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dan bertujuan untuk mendirikan sekolah agama. Sekarang penduduk di sekitar Kampong Aman terpaksa belajar untuk pengajian agama mereka di bawah surau Kampong Aman, yang terpaksa kita jadikan sebagai kelas, sedangkan tapak ada tetapi kosong dan tidak dibangunkan.

Masalah untuk membangunkan tapak ini pun memerlukan kos yang begitu banyak sekurang-kurangnya RM1 juta untuk membina sebuah bangunan sekolah agama, 4 kelas. Hendak mendapatkan RM1 juta ini kita memohon kepada Kerajaan Persekutuan melalui ICU, tetapi pihak Kerajaan Persekutuan juga mempunyai syaratnya iaitu bagi setiap tanah-tanah yang hendak dibangunkan melalui peruntukkan Kerajaan Persekutuan bagi maksud Agama Islam, tanah-tanah itu hendaklah tanah yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam sebagai wakaf. Oleh yang demikian, kita telah menghadapi satu kegagalan untuk mendirikan sekolah agama di kawasan tersebut sedangkan tapak telah pun kita dapat tetapi kerana adanya prosedur yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sekarang di bawah Pakatan Rakyat telah pun menyebabkan usaha ini menemui kegagalan.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya amat mengharapkan perkara ini dapat diberikan penjelasan kenapa tidak boleh sampai sekarang tanah Lot 1802, Mukim 8, SPU didaftarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk kita melaksanakan pembangunan yang selanjutnya.

Yang Kedua berkenaan dengan isu tanah ini juga sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya sebelum ini, tanah di Lot 383, 1293 dan 584, Mukim 9 yang seluas 2.105 ekar di kawasan Telok Kumbar. Sehingga sekarang tanah tersebut tidak dapat dipindahkan juga kepada Majlis Agama Islam, sedangkan tujuan pengambilan tanah itu untuk tujuan pembesaran Masjid Telok Kumbar itu sendiri. Apabila tanah ini tidak didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam dalam status wakaf, maka sebagaimana yang saya sebutkan tadi juga pembangunan tidak dapat dilaksanakan. Saya tidak pasti Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan RM1 juta ataupun RM2 juta untuk membantu pembesaran Masjid Telok Kumbar, tetapi kalau kita terpaksa bergantung kepada peruntukan Persekutuan, syarat paling asas ialah tanah itu mestilah tanah wakaf yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam

sebagaimana di dalam Seksyen 89, yang kalau dapat saya bacakan di sini Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara ataupun pengisytiharan yang mewujudkan atau mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal semua wakaf sama ada wakaf am ataupun wakaf khas dan syarat untuk kita membina masjid, tapak masjid mestilah tapak yang dijadikan tapak wakaf. Jadi kesemua hubungan ini berkaitan di antara syarak, di antara enakmen pentadbiran dan juga kaedah pengurusan pentadbiran semuanya adalah berkait rapat. Jadi kita mesti *comply*...(dengan izin). Kita mesti *comply* semua syarat-syarat ini baru pelaksanaan pembangunan dapat dilaksanakan.

Saya membuat persoalan secara bertulis kepada Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan kedudukan tanah ini, tetapi jawapan yang saya dapat ialah pemberi milikan tanah tersebut kepada SSI pada peringkat awal adalah bersifat sementara. Saya agak keliru kenapa Kerajaan Negeri menjawab persoalan berkenaan dengan isu tanah ini secara tidak konsisten. Persidangan yang lalu, saya juga bertanya tentang kedudukan tanah wakaf dari segi pendaftaran dan beri milik dan jawapan pada ketika itu yang saya dapat ialah semua tanah-tanah yang diambil alih oleh kerajaan hendaklah didaftarkan di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri atau SSI, termasuklah tanah-tanah yang berkaitan dengan hal ehwal pembangunan Islam. Ini jawapan yang saya dapat pada persidangan yang lalu.

Jadi jawapan ini sudah menunjukkan itu sebagai satu dasar, tetapi hari ini saya dapat juga satu jawapan pula, beri milik tanah tersebut kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bersifat sementara. Sekarang sementara pula, yang hari itu kata memang kena di bawah SSI. Jadi ketiadaan *consistency* ini telah menyebabkan semua pihak menjadi keliru dan pembangunan tidak dapat dilaksanakan, malah tanah-tanah yang telah kita ambil menjadi terbiar begitu sahaja. Jadi ini pada pandangan saya amat dengan prinsip CAT yang dilaung-laungkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang selama ini. Jadi kita hendak melihat kalau kita sebut tentang CAT, biarlah dibuktikan CAT itu, jangan hanya manis di bibir sahaja, tetapi dari segi pelaksanaan langsung tidak ada apa-apa kesan yang baik kepada rakyat.

Oleh yang demikian saya mendesak supaya Kerajaan Negeri mendaftarkan tanah-tanah yang diambil untuk tujuan keagamaan yang saya telah sebutkan tadi sebagai wakaf kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagaimana prosedur-prosedur yang pernah kita buat terlebih dahulu. Sekarang ini apabila dimasukkan prosedur pendaftaran tanah mesti kepada SSI dan sebagainya ianya telah pun menyebabkan sistem pengurusan pentadbiran tanah di negeri ini sudah menjadi tidak cekap lagi dan kita terpaksa melalui banyak prosedur-prosedur yang tidak bermanfaat sedangkan, dahulu selesai sahaja pengambilan, Pejabat Daerah akan menguruskan pindaan penamaan hak milik itu kepada Majlis Agama Islam. Jadi saya memohon perkara ini dijelaskan, isu yang kedua Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan industri halal di Negeri Pulau Pinang. Saya juga tertarik dengan penjelasan daripada Ahli Batu Maung yang menceritakan kepada kita bahawa beliau telah

pun membuat lawatan ke sana ke sini dan perancangan pelbagai untuk mengerakkan industri halal di Negeri Pulau Pinang.

Cuma dalam hal ini saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan untuk kita melihat, bagaimana perancangan pembangunan industri halal di Pulau Pinang ini dapat dijayakan. Kerana saya masih lagi keliru dan kurang pasti di mana sebenarnya lokasi *hub* halal yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerana kalau kita tak ada *based* nya maka kita mungkin sukar untuk melaksanakan program-program seperti ini kemudian apakah bentuk operasi-operasi sokongan kerana industri *hub* halal tak boleh *stand alone*. Dia tak boleh berdiri sendiri, dia tak boleh dengan adanya satu bangunan, adanya satu pejabat sahaja tetapi dia mesti mempunyai unsur-unsur sokongan yang lain. *Operational-operational* yang bersifat *supportive* ...(dengan izin) supaya dia boleh memberikan satu daya saing dan daya hidup yang berkekalan serta yang mendatangkan keuntungan yang besar.

Jadi yang ketiganya juga saya nak melihat siapa yang akan menjadi peneraju selain daripada PIHH bagi pihak kerajaan tetapi siapa sebenarnya operator yang akan menguruskan kalau di peringkat Kerajaan Persekutuan ada HDC Halal Development Corporation. Tapi kalau di peringkat Kerajaan Negeri selain daripada PIHH ada atau tidak agensi yang dibentuk atau dilantik secara profesional untuk menguruskan perjalanan industri halal di Pulau Pinang. Dan satu lagi kita melihat isu yang berkenaan dengan *certification* pensijilan halal Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menjelaskan kepada kita berapa banyak pensijilan halal yang telah dikeluarkan kepada bidang apa pensijilan halal itu dikeluarkan kerana ini menjadi satu *indicator* ataupun indeks yang menunjukkan kepada berkembangnya industri halal tersebut.

Apa yang saya dapati hasil daripada sedikit kajian laporan bagi tahun 2010, sebab tahun 2010 ini kita dah berada di pertengahan tahun bulan 5 ini bermakna hampir pertengahan tahun. Belum ada satu pun premis-premis makanan yang diberikan *certification* halal oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Jadi apakah kita nak melihat bahawa perjanjian-perjanjian dengan Rotterdam dan sebagainya menjadi satu perkara penting sedangkan mempromosikan industri halal tempatan tidak kita laksanakan seolah-olah macam kata pepatah yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran.

Jadi saya mengharapkan satu penjelasan tentang bagaimana usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya untuk mempromosikan pensijilan halal kepada industri makanan ataupun premis-premis yang menyediakan makanan selain daripada pihak lain yang menyediakan produk-produk makanan tetapi premis makanan adalah merupakan satu tempat yang amat penting untuk kita menjadikan mereka sebagai pelanggan kepada pensijilan halal.

Yang seterusnya, Y.B. Dato' Speaker, saya ingin juga membawa perhatian kita dalam membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Tun ini, dari segi melihat pembangunan masyarakat dan kesejahteraan rakyat. Saya ada membuat satu soalan bertulis yang bertanyakan mengenai perlesenan pusat-pusat hiburan seperti karaoke, pusat snuker, kelab malam dan lain-lain pusat hiburan yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2009 termasuk di Seberang Perai Utara. Jawapan yang saya dapat ialah

bagi tahun 2009 sebanyak 253 pusat hiburan seperti yang saya sebutkan tadi telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadi saya nampak kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh satu tahun boleh meluluskan 253 pusat hiburan, saya rasa ini ialah jumlah yang begitu banyak, sama banyak, malah lebih banyak daripada masjid, masjid ada 200 lebih sikit di Pulau Pinang tapi pusat hiburan karaoke dan sebagainya 253 buah. Kalau kita lihat dari segi perspektif itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang begitu berminat sungguh mengujudkan pusat-pusat sebegini rupa. Walaupun jawapan yang diberikan mengaitkan bahawa kelulusan ini *subject to* berkait dengan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, *recommandation* daripada pihak polis, *recommandation* daripada pihak Bomba dan sebagainya tapi sebenarnya yang menjuruskan keputusan sama ada membenarkan ataupun tidak ialah pihak berkuasa Negeri, Kerajaan Negeri sendiri berdasarkan kepada dasar yang kita buat. Adakah dasar yang kita buat bersifat pintu terbuka kepada penubuhan institusi ataupun pusat-pusat hiburan seperti ini ataupun ada had dia, ataupun peraturan-peraturan, ataupun kita katakan dasar-dasar yang tertentu. Maka pihak-pihak berkuasa yang lain akan mengikut dasar yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Jadi, oleh yang demikian apabila jumlah yang kita dapati begitu banyak tambah pula di Daerah Timur Laut daripada 253 premis tadi 232 adalah dalam kawasan Daerah Timur Laut. Bayangkan, pusat hiburan yang begitu banyak dalam pekan George Town ini sendiri, sedangkan kalau kita lihat untuk menjadi sebuah negara maju, kita perlu bergantung kepada pusat hiburan yang terlalu banyak saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat di kalangan kita juga pernah sampai ke New Zealand dan sebagainya. Di New Zealand pusat-pusat hiburan tidak sebanyak sebegini rupa, pukul 9 malam rakyat di New Zealand sudah pun berada bersama-sama keluarga hidup dalam keadaan yang lebih natural. Tapi nampaknya kita begitu hebat, dan ini pada saya ada *contradict*, berlawanan dengan portfolio ahli daripada Berapit kerana ahli dari Berapit.

Ahli Yang Berhormat daripada Berapit pegang portfolio MMK Belia, Sukan, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Macam mana pembangunan masyarakat nak menjalankan tugas dia, nak menyejahterakan masyarakat nak membangunkan masyarakat sedangkan dalam satu portfolio lain pula meluluskan pusat-pusat hiburan dan juga pusat-pusat snuker sampai dalam kawasan saya sendiri di Tasik Gelugor, di Permatang Berangan itu kawasan kampung. Pekannya kecil sahaja semua peniaga dalam Tasik Gelugor itu saya kenal kerana tak ramai. Masyarakat sekeliling dia masyarakat Melayu orang Islam. Tapi ada pusat snuker, ada karaoke, dan di Kompleks Dato' Kailan pun dulu tak ada, sekarang pun dah ada, banyak jadi saya bimbang ahli daripada Berapit akan menghadapi kesukaran untuk melaksanakan tugas dia sebagai EXCO Pembangunan Masyarakat dan Keluarga serta Wanita, kerana pusat-pusat hiburan yang tumbuh bagaikan cendawan di Negeri Pulau Pinang ini.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan belia luar bandar baru-baru ini kelmarin atau hari yang mula persidangan kita, saya dapat daripada Ahli Berapit bagi saya satu buku *Penang Calendar of Events 2010*. Saya kata wah ini cukup baik kerana kita telah

diberikan jadual setahun *effort* ini untuk menunjukkan buku ini baik, bagus. Dan kita boleh tahu tapi bila kita buka baca balik, semua saya lihat *events* yang

terkandung dalam buku kecil ini, yang cantik dan comel ini, tidak mewakili *event-event* yang boleh menyerlahkan budaya dan adat resam masyarakat kita di Pulau Pinang. Maksudnya dalam *events* ini kita banyak melaksanakan *events-events* yang bersifat karnival, *telematch*, *walkaton*, *hardton*, dan semua *events-events* yang bersifat begitu tidak salah dan saya pun tak kata ini jangan buat cuma kenapa tidak ada *event-event* yang mempromosikan nilai-nilai yang baik untuk belia-belia, kita hayati promosikanlah sukan-sukan yang bersifat tradisi supaya tradisi tak kisah sama ada tradisi orang Cina, tradisi orang India, ataupun tradisi orang Melayu tetapi kita mengambil satu langkah promosikan sukan-sukan berlandaskan tradisi di samping sukan-sukan moden yang direka cipta akhir-akhir ini. Oleh yang demikian saya melihat, Ahli daripada Berapit mungkin terlepas pandang dari satu *angle*, dari satu sudut, iaitu bagaimana kita perlu untuk memperkasakan rakyat Malaysia, satu Malaysia untuk kita menghayati budaya semua kaum tanpa kita meninggalkan unsur-unsur yang sedemikian hari ini memang seronok kalau kita buat *match-match* semua ini, memang seronok tapi kita meninggalkan nilai-nilai kita sendiri.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh bahawa dalam *event* yang dinyatakan di sini kesemuanya boleh dikatakan bersifat kebandaran, agak *urbanies*, kebandaran. Program ini terpaksa dilaksanakan di bandar dan program ini pula *participant*, penyertaannya yang juga kepada belia-belia bandar, maka kita harapkan Ahli daripada Berapit juga kena membuka mata, kena membuka minda, cuba lihat apa *events* yang dibuat untuk menyokong dan membantu memberi ruang dan peluang kepada belia-belia di kawasan luar-luar bandar. Jadi kalau begitu kita boleh melihat pelaksanaan perancangan dan program Yang Berhormat Berapit tidak menyeluruh dan tidak merangkumi keseluruhan masyarakat kita di Negeri Pulau Pinang jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Berapit. Apakah cadangan Yang Berhormat Berapit untuk merancang bagi memperbaiki kekurangan-kekurangan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga tertarik tadi dalam perbahasan ramai di kalangan ahli-ahli kita baik dari pembangkang baik dari Kerajaan menyentuh tentang isu-isu kebersihan memang Pulau Pinang sukar benar nak keluar daripada kepompong ataupun daripada satu stigma gelaran Negeri yang tidak bersih.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Silakan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat sedarkah bahawa di kawasan-kawasan tertentu adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan? Sedangkan apa yang saya nampak,

kawasan Majlis Perbandaran tak ada masalah, tapi kawasan jalan persekutuan selalu menimbulkan masalah. Masalah seperti tumpahan pasir yang tak

dibersihkan, masalah rumput yang tumbuh di saluran-saluran tepi jalan. Bolehkah Yang Berhormat bekerjasama dengan kerajaan kita untuk menangani masalah ini dengan meminta kepada pihak Kerajaan Pusat supaya mengarahkan kontraktor-kontraktornya bekerja lebih keras untuk mengatasi masalah ini baru Negeri Pulau Pinang tidak digelar sebagai sebuah Negeri Darul Sampah sepertimana yang telah diheboh-hebohkan oleh pihak Kerajaan Pusat, ini adalah satu perkara yang tidak adil dan tidak bertanggungjawab itu sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih kepada Y.B. Jawi yang begitu prihatin tapi Y.B. Jawi sedarkah isu sampah ini bukan isu Pusat atau isu Negeri, jadi isu sampah ini isu kita semua. Kalau hendak sebut isu sampah ini katanya masalah daripada Kerajaan Persekutuan saya pun tidak faham, cukup-cukup, saya tidak cukup masa,...(gangguan), saya faham, sudahlah, saya hendak kata di sini saya cuma hendak menyambung tadi prihatinnya kita tentang sampah ini baik di pantai, baik di mana semua saya terbaca surat khabar. Sebuah surat khabar kita di Pulau Pinang edisi Seberang Perai Utara hari ini bertarikh 5 Mei 2010 dalamnya menyebut karnival selesai sampah bersepah, saya tidak tuduh tetapi saya membaca surat khabar ini. Karnival selesai sampah bersepah di Kepala Batas siapa yang harus dipersalahkan peniaga atau penganjur? Itulah yang menjadi tanda tanya pada orang ramai apabila timbunan sampah didapati terbiar di tapak karnival rakyat harmoni di Perkarangan Kompleks Sukan MPSP Bertam sejak dua hari lalu.

Jadi kalau ini di bawah Kerajaan Negerilah, saya tidak berniat hendak menyebut Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan tapi tadi bila Y.B. Jawi dia suka membabitkan jadi saya terpaksa sebutlah, saya sedihlah sebab program ini dirasmikan penutup oleh Y.B. Penanti jadi seorang Timbalan Ketua Menteri pergi buat perasmian penutup tiba-tiba dua hari lepas itu keluar cerita tempat yang Y.B. Penanti pergi buat perasmian penutup itu sudah jadi sampah sarap, malah dalam berita ini melaporkan kawasan ini, kawasan pentadbiran Pejabat Daerah, Bomba dan sebagainya sehingga mereka menyifatkan seolah-olah kawasan itu telah menjadi tempat pembuangan sampah, dua hari jadi. Satu lagi persoalan saya hairan juga, selalu kita sebut *Competence, Accountability, Transperancy* tapi nampaknya tidak terlaksanalah konsep CAT itu, sepatutnya perkara ini, premis ini, premis MPSP. Yang Berhormat, kalau kita buat program mesti ada satu jawatankuasa yang berkait dengan pembersihan dan sebagainya, jadi macam mana premis MPSP sendiri rakyat boleh pertikai dan keluar dalam surat khabar *throw bound* macam mana kita hendak percaya kepada MPSP diterajui oleh kerajaan sekarang, saya tidak mahu teruskanlah.

Yang seterusnya ialah berkenaan dengan longkang-longkang saya juga hendak mintalah di kawasan saya di Pekan Tasek Gelugor, longkang-longkang tidak dibersihkan dengan sempurna oleh kontraktor-kontraktor yang telah dilantik oleh MPSP. Saya minta MPSP bukan hanya sekadar melantik

kontraktor yang berkenaan tetapi MPSP hendaklah membuat pemantauan jadual, atas kertas cantik tapi pemantauan di lapangan saya rasa amat kurang, saya

katakan kurang kerana apabila kita melihat tapak yang berkenaan, longkang-longkang yang berkenaan tersumbat dengan begitu teruk rumput-rumput yang tidak diselia dengan begitu baik maka menyebabkan masalah kepada rakyat sekarang Pulau Pinang, ia tidak terlepas daripada isu denggi berdarah dan sebagainya, isu nyamuk Aedes, isu-isu yang kekotoran yang boleh menyebabkan penyakit kalau kita sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kalaulah Kerajaan Pakatan Rakyat kata Kerajaan CAT amat bertanggungjawab sehinggakan dalam keadaan apa sekali pun disebut CAT. Saya minta tolonglah bukti CAT itu dengan membersihkan longkang-longkang di Kawasan Pekan Tasek Gelugor, ...(gangguan), oleh kerana masa pendek saya ingin meneruskan sedikit sahaja lagi Y.B. Dato' Speaker.

Saya ingin mendapatkan satu penjelasan lagi daripada Y.B. Perai, saya bertanya soalan Y.B. Perai berkenaan dengan pendidikan di Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga IPTS. Di antara perkara yang saya tanya ialah lokasi kursus yang ditawarkan Ahli Lembaga Pengarah, jumlah pelajar tetapi Y.B. Ahli Perai menjawab kepada saya Pulau Pinang mempunyai dua buah IPTA dan 29 buah IPTS berkenaan ialah USM dan UiTM, maklumat terperinci setiap alamat kursus yang ditawarkan oleh Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan, jumlah pelajar mengikut kaum semua boleh diperoleh daripada laman web yang telah disediakan atau terus menghubungi IPTA dan IPTS berkenaan. Kalau macam ini saya tidak payah tanya, kalau hendak jawab macam ini, saya tidak payah tanya dan kalau hendak jawab macam ini tidak perlulah ada portfolio Perai yang menjaga dari segi pendidikan. Kita tanya kerana hendak benda ini mendapat jawapan secara rekod dan jawapan yang disahkan oleh Kerajaan Negeri tapi kalau hendak rujuk dalam *internet* saya ingat anak saya pun boleh buat. Jadi saya mintalah setiap jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan Negeri bertanggungjawablah dalam CAT ini, bagilah jawapan yang sempurna, jawapan yang kemas yang menunjukkan kematangan dan keupayaan *Competence* kita itu.

Jadi bagi jawapan yang saya minta daripada Y.A.B. Ketua Menteri apakah dasar mengenai jurusan pengajian yang ditawarkan dalam biasiswa saya minta maklumat sedikit tentang biasiswa dan juga tabung pinjaman Kerajaan Negeri, jadi dalam jawapan yang berkenaan saya mendapati bahawa kebanyakan kursus-kursus yang diberikan peluang untuk tajaan pinjaman daripada Tabung Pendidikan Kerajaan Negeri hanya lebih menumpukan kepada kursus yang berkaitan dengan perniagaan, perakaunan, perubatan, undang-undang, kejuruteraan malah kejuruteraan diberikan satu ruang yang cukup besar sehingga 2,030 pemohon peminjam itu adalah daripada jurusan Kejuruteraan, farmasi 66 sahaja tetapi kenapa kita tidak buka ruang dan peluang juga untuk jurusan-jurusan lain seperti sains komputer, seperti kesusasteraan, bahasa dan sebagainya, kerana ada pelajar-pelajar kita daripada aliran kesusasteraan bahasa, sains komputer dan sebagainya juga ingin memohon untuk mendapat pinjaman tersebut. Jadi kita minta bahagian

Pendidikan Kerajaan Negeri lebih bersifat terbuka dan membuka ruang dan peluang yang lebih luas.

Akhir sekali Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyebutkan di sini satu perkara dan saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat malah Ahli daripada Air Putih supaya prihatin kepada sensitiviti umat Islam. Saya mewakili rakan-rakan umat Islam di Negeri Pulau Pinang ini ingin menyebutkan bahawa bermula daripada saat ini janganlah lagi menggunakan perbandingan ataupun berkaitan Khalifah Umar Abdul Aziz dengan Ketua Menteri. Hendak guna yang lain tidak apa, hendak guna Ibrahim Lincoln kah, hendak guna Malcolm Ess kah, hendak guna Mandela kah gunalah, kerana kalau hendak guna atau hendak samakan dengan Khalifah Umar Abdul Aziz nilai ciri-ciri itu agak tidak kena dan malah kadang-kadang ia menimbulkan satu sensitiviti yang boleh mencetuskan kemarahan dan tidak boleh diubah. Saya faham niat itu baik tetapi mungkin cara dan keadaannya tidak kena, jadi saya hendak sebutkan di sini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan 46, inilah bila saya bangkitkan peraturan saya minta, Y.B. Dato' Speaker, 46 (xiii) perbandingan yang telah dibuat tadi seolah-olah menuduh Ketua Menteri kita ini tidak layak menggunakan amalan-amalan orang yang disebut oleh Umar Abdul Aziz. Saya rasa ia merupakan satu penyindiran dan kita tidak membenarkan beliau, Yang Berhormat itu meneruskan dengan kenyataan-kenyataan begitu kerana secara tersirat itu yang cuba dimaksudkan oleh beliau dan saya minta beliau diberi teguran supaya tidak meneruskan pernyataan-pernyataan begitu dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima saya pun hendak tunggu perbandingan yang macam mana...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya hendak menjelaskan bahawa kalau Dewan hendak terima, terimalah, kalau tidak mahu terima pun terpulang, tetapi saya hendak berikan satu penjelasan untuk menyelamatkan keadaan sebab kita kena sedar, saya faham niat menggunakan *icon* Khalifah Umar Abdul Aziz itu baik, tetapi dia ada perkara-perkara atau pun *area* yang kita kena ambil perhatian juga sebab bila kita sebut Khaifah Umar Abdul Aziz dia adalah seorang pemimpin Islam yang diagungkan dari segi aqidah dia pegangan dia dengan Tuhan ibadat dia, kemuliaan diri dia dan juga dengan sifat dia, jadi dalam hal ini saya minta maaf kalau saya sebut ini kalau tersalah atau tersilap, tetapi saya hendak cerita dalam Dewan ini secara ikhlas sensitiviti yang berlaku di luar Dewan di sana dan rakyat minta saya sampaikan baik nanti-nanti biar saya habiskan dulu nanti baru.

Saya tidak mempertikaikan sifat-sifat keperibadian Y.A.B. Ketua Menteri tidak saya tidak pertikaikan dia langsung saya cuma katakan bahawa kalau hendak menggunakan ikon Khalifah Umar Abdul Aziz hendaklah kita juga

mengambil kira tentang sensitiviti orang Islam yang mana orang Islam meletakkan Khalifah Umar Abdul Aziz ini sebagai idola ikon sebagai orang yang cukup mulia dari segi aqidah dan amalan dia, saya tidak tahulah perkara ini

tidak sensitif kerana sudah keluar dalam surat khabar, gambar ini menunjukkan Y.A.B. Ketua Menteri melaksanakan upacara-upacara bagi agama lain, dari segi Y.A.B. Ketua Menteri tiada salah, tiada silap apa, itu hak Y.A.B. Ketua Menteri dan juga bagi masyarakat yang meraikan beliau juga tidak ada apa-apa salah dan kita tidak pertikaikan apa-apa cumanya dari segi orang Islam yang bercakap di kedai kopi semua, dia ada sensitif.

Bila kita sebut Ketua Menteri Khalifah Umar Abdul Aziz, Ketua Menteri Khalifah Umar Abdul Aziz jadi mereka mula melihat macam mana kita hendak letakkan Y.A.B. Ketua Menteri seperti Khalifah Umar Abdul Aziz kerana dari segi rangsangannya, aqidah dan sebagainya tidak sama, jadi saya rasa dalam hal ini, nanti,...(gangguan), bagi saya cakap habis dahulu, bagi saya jelaskan dulu, bagi saya, saya cuma katakan bagi pihak rakyat, supaya perkara ini diambil perhatian, kalau hendak ubah, ubah kalau tak nak ubah itu terpulang tapi ini adalah merupakan suara rakyat yang saya sampaikan, sekian terima kasih, jadi saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Untuk penjelasan sini, ini yang saya fahamkan ialah Kerajaan Negeri mencontohi cara pemerintahan, jadi bukanlah untuk saya, tetapi saya akan biarkan Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengulas perkara ini, tidak ada perbandingan Ketua Menteri ini dengan Khalifah Umar Abdul Aziz, seterusnya Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Y.B. Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang ini kepada saya untuk berbahas ucapan TYT Yang di-Pertua Tun.

Y.B. Dato' Speaker, ingin saya bermula dengan ucapan syabas dan sekalung tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat terhadap usaha program penghargaan warga emas. Walaupun jumlah penghargaan tersebut bernilai RM100.00 tetapi hati yang memberinya tidak bernilai. Usaha program warga emas ini menunjukkan keprihatinan kerajaan kita. Tidak lupa akan pengorbanan dan keusahawanan warga emas terhadap kemajuan Negeri kita. Saya merasa amat kesal bila pihak lawan kita iaitu Barisan Nasional membuat pelbagai tuduhan yang buruk terhadap usaha murni kita ini. Pelbagai pihak sehingga pucuk pimpinan Barisan Nasional secara terbuka mencuba untuk sabotaj program warga emas kita.

Y.B. Dato' Speaker, ada juga yang menuduh kita memberi rasuah kepada warga emas khususnya pemuda Gerakan yang kata nak pergi ke MACC ataupun BPR buat laporan. Ada juga pemimpin Barisan Nasional yang menuduh kita beli undi bila beli undi, untuk apa? Ingin saya nak tahu adakah

sebarang pilihan raya atau *election* ataupun pilihan raya kecil di Pulau Pinang dalam tempoh masa yang terdekat ini. Mungkin ahli dari pembangkang akan meletak jawatan kot, saya tidak tahu Barisan Nasional boleh dapat idea-idea negatif.

Y.B. Dato' Speaker, lebih dahsyat lagi Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Dato' Dr. Teng Hock Nan yang telah juga memberi kenyataan dalam akhbar bahawa beliau hanya akan memohon program warga emas jikalau Y.B. Lim Kit Siang juga memohon. Komen apa pula ini, seluruh rakyat Pulau Pinang tidak faham apa yang Dato' Dr. Teng Hock Nan cakap. Kalau nak *apply, apply* lah, nak tunggu Y.B. Lim Kit Siang buat apa. Semua warga yang lebih dari 60 tahun boleh *apply*, boleh minta. Mungkin Dato' Dr. Teng Hock Nan tak faham akan program warga emas ini. Kemungkinan mereka berasa malu ataupun hati mereka merungut terhadap kegagalan mereka untuk menghargai pengorbanan warga-warga emas kita. Mungkin juga mereka *jealous*(dengan izin) dengan apa yang kerajaan Pakatan Rakyat kita buat. Bajet Kerajaan Pusat adalah 200 kali ganda lebih banyak berbanding dengan budget Kerajaan Negeri kita. Bayangkan ia jikalau Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Pusat di Putrajaya, kita mampu memberi RM1,000.00 kepada setiap warga emas. Ini lah yang Kerajaan Barisan Nasional tak boleh buat, kita tahu Barisan Nasional memang pandai dalam bazir wang rakyat dan cekap dalam rasuah.

Y.B. Dato' Speaker, dua (2) hari yang lalu semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memakai reben yang kuning ini untuk menyokong hari *Press Freedom Day*. Pada ADC akhbar malam pada 6 Mac 2010, iaitu akhbar *Quang Ming*. Akhbar *Quang Ming* telah menerbitkan kenyataan oleh Dato' Seri Ahmad Husni, Menteri Kewangan Kedua yang berkata kalau orang Cina di Pulau Pinang buli kita, kita lawan balik orang Cina. Apa maksud itu lawan balik orang Cina di Pulau Pinang. Tetapi pada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedarkah Y.B. daripada Sungai Pinang bahawa Menteri yang buat kenyataan itu adalah seorang Menteri daripada parti UMNO bukan daripada Pakatan Rakyat? Tetapi, parti pemimpin daripada parti UMNO dan kita lihat trendnya ialah semua pemimpin-pemimpin UMNO walaupun Ketua mereka melaung-laungkan 1 Malaysia, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar. Kita lihat terdapat *trend* di mana semua pemimpin-pemimpin UMNO mengeluarkan pernyataan-pernyataan yang berbau perkauman. Bukan sahaja daripada UMNO, kita lihat juga baru-baru ini, seorang calon MIC yang bertanding di Hulu Selangor iaitu Kamalanathan sendiri yang telah mengeluarkan perkataan-perkataan bahawa beliau sebenarnya menyokong PERKASA. PERKASA yang saling mengapi-apikan sentimen perkauman orang Melayu. Jadi walaupun kita lihat mereka cuba mempengaruhi rakyat bahawa mereka ini sebenarnya sama dan sebagainya mempromosikan konsep 1 Malaysia. Sebenarnya ia bukan 1 Malaysia, sebenarnya ia adalah tipu Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Saya cuma nak tanya Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat sudahkah tengok *full video* yang Menteri Kewangan Kedua bercakap. Saya tengok, saya dengar dan saya faham dan saya kenal orang ini, orang ini memang orang tidak ada semangat perkauman, tidak langsung pada diri dia yang saya kenal. Dan dia bercakap dalam konteks persaingan. Dia nak bagi galakan, mungkin cara dia bercakap itu, sebenarnya dalam konteks yang saya tengok dia nak bagi semangat supaya ada persaingan antara orang Melayu dan kaum-kaum lain supaya bekerja lebih kuat. Bukan dia nak suruh lawan, dia suruh bersaing sebenarnya. Tetapi perkataan yang diguna mungkin silap. Yang saya kenal, dia tidak ada langsung niat, memang orang ini orang yang baik. Orang yang tak ada persefahaman macam orang lain, tak ada. Jadi yang itu yang saya nak betulkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan. Saya tertarik daripada apa yang diberitahu oleh Y.B. daripada Telok Bahang. Tetapi kalau kita ertilah Bahasa Malaysialah, saya pun bukan pakar Bahasa Malaysia, kalau Bahasa Malaysia yang sebenarnya, kalau kita nak mengatakan mempersaing, sepatutnya kita gunakan perkataan yang lain. Kalau orang Cina di Pulau Pinang buli kita, kita lawan balik orang Cina, apa maksudnya? Maksudnya memang begitu jelas. Kita tinggalkan perkara ini. Bagaimana pula dengan kenyataan Dato' Nasir Safa, seorang lagi pemimpin UMNO juga menjadi Setiausaha Sulit kepada Dato' Seri Najib Tun Razak mengatakan orang India datang ke sini sebagai buruh, kita, sebagai pengemis. Dan bahawa orang Cina datang ke sini sebagai pelacur. Bagaimana pula dalam kenyataan Dato' Ahmad Ismail yang baru-baru ini telah diterima masuk sebagai Ketua Cawangan Parti UMNO? Kita tak melihat pemimpin-pemimpin PAS, pemimpin-pemimpin PKR, pemimpin-pemimpin DAP mengeluarkan perkataan-perkataan berikut. Cumalah pemimpin-pemimpin daripada UMNO yang berulang kali menggunakan perkataan-perkataan perkauman. Pasal itu saya kata ia sebenarnya buka satu Malaysia, ia sebenarnya tipu Malaysia.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan. Terima kasih. Saya kesian kepada parti-parti Gerakan pimpinan-pimpinan seperti Koh Tsu Koon, kawan kita ada di sini, bukan dia punya member. Tetapi seorang Presiden parti, apa ini, dia punya gambar dikoyak. Tetapi sekarang Ahmad Ismail akan kembali menjadi Ketua Bahagian Bukit Bendera. Belum minta maaf lagi tetapi balik, kata gantung tiga (3) tahun tetapi tiba-tiba sekarang balik pula. Apa sebab saya tak faham.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Ya lah kita fahamlah. Tahulah semua orang, ini surat khabar..

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) :

Minta laluan, cara dia cakap ni kan, saya katakan tadi, kalau saya memilih ...(gangguan), mungkin saya jawab, tetapi *you* tanya soalan kita tak boleh jawab, sebab kita tak tahu cerita yang sebenar. Yang ini yang masalah,

atas asas-asas tuduhan dua atau tiga orang yang kata, *you* pukul sama-sama rata. Mana boleh macam itu. Mana boleh macam tu, siapa ada wakil. Memang kita UMNO, PERKASA sendiri, bahagian kita tolak hari itu. *You* tak tahu lagu itu, *you* tanya cerita.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan, tahukah Yang Berhormat bahawa Y.B. Dato' Speaker, Ketua Pembangkang sendiri, saya ada keratan akhbar mengalu-alukan kedatangan balik Dato' Ahmad Ismail, dia kata apa salahnya kita terima dia balik. Sebab itu kita menunjukkan soalan itu di sini. Di manakah beliau? Beri penjelasan. Kalau tak boleh memberi jawapan, agihkan tugas itu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Dia sendiri menerima balik Dato' Ahmad Ismail. Menyokong perkauman.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Sementara kita beritahu kita tidak mempunyai *local standardize* atau autoriti untuk menjawab perkara yang sedemikian, yang pentingnya ialah oleh kerana Y.B. Seri Delima Peguam, Y.B. Datok Keramat Peguam, ramai Peguam. Dia kalau dalam amalan demokrasi, *a person is innocent unless proven guilty*. Kalau komunisme *a person is guilty unless proven innocent*. Maknanya apabila dia *guilty*, tetapi bermakna, nanti sat. Saya jawab dulu. Maknanya seseorang itu kalau dia curi basikal kemudian dia kena masuk jail kata tiga hari, maknanya dia dah jalani hukuman dan tidak ada undang-undang yang menghukum untuk kesalahan yang sama dua atau tiga kali. Ini bermakna dia telah pun dibersihkan. Dia telah menjalani keinsafan dan apa saja kesilapan jika ada. Jadi tidak eloklah kita membangkitkan dan menghukumkan untuk kali kedua atau kali ketiga. Tak boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tetapi dalam kes begitu, dia masih kekal sebagai kes penjenayah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia telah dibersihkan, dia telah dibersihkan. Kalau kita tengok membunuh sekali pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Rekod akan menunjukkan walaupun dia telah menjalani hukuman, dia masih penjenayah....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup, cukup. Panjang sangat, tadi Y.B. Seri Delima pun telah bahas. Kita bagi Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Because ini, sini ada *paper press cutting* memang, *press cutting* tulis dalam Bahasa Cina tetapi *also got bracket*. *Bracket* ini memang tak boleh silap punya. Saya lagi baca sekali lagi. Kalau orang Cina di Pulau Pinang buli kita, kita lawan balik orang Cina.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta Penjelasan. Saya ingat Y.B. daripada Sungai Pinang ini tak faham maksud kalau. Kalau Y.B. Sungai Pinang mahu tumbuk saya, saya tak kata apa. Tetapi kalau dia sudah tumbuk saya, saya mesti tumbuk balik. Itu baru betul. Kalau cakap kalau, itu tak ada apa, kalau.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Speaker, benar-benar perkara ini telah dicakapkan oleh Dato' Hilmi tentang peribadi atau sikap Dato' Mohd. Husni itu sendiri, dan apabila isu ini dibangkit, saya nampak isu ini sebagai isu, kita lawan, lagu kita anti Cina, nak lawan Cina. Yang ini yang tak bagus ini. Niat ini tak bagus. Niat ini bakal bagi orang Cina bencikan UMNO. Walhal bukan semua orang UMNO macam itu. Yang ini tak bagus.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan. Saya rasa kesian kerana Dato' Ahmad Ismail sudah lawan dengan Gerakan tetapi Gerakan terima begitu sahaja. Dia sekarang duduk diam, tak boleh lawan, tak nak lawan. Belum minta maaf daripada ini Dato' Ahmad Ismail kembali lagi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Kalau Yang Berhormat berani, pergi lah jumpa Dato' Ahmad Ismail, cakap dengan dia. Pergi lah cakap dengan dia tengok....(gangguan). Kita mana boleh cakap sama dia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, isu-isu sensitif pasal perkauman ini janganlah terlampau dipanjangkanlah. Saya mohon maaf....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk, duduk, ini Y.B. Sungai Pinang teruskan dengan topik lain.... (gangguan) teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Nanti kita bangkitkan juga macam Ahli Parlimen Perai kata cukuplah Barisan Nasional menghukum orang India dan ...(gangguan).

Dalam Dewan yang mulia ini tak usah cakap pasal perkauman. Saya mohon pertolongan....(gangguan)

Y.B. Dato' Speaker :

Teruskan, jangan sentuh isu itu, dah habis dah. Dah lama sangat rugi dan saya ada 5 minit lagi. 5 minit lagi Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Saya sambung, tetapi pada edisi pagi pada 7 Mac kenyataan tersebut telah diubah bahawa beliau bagi alasan maksudnya orang Cina di Pulau Pinang termasuk Kerajaan Pulau Pinang. Beliau berkata bahawa *reporter* silap faham. Ini *press freedom*. Kalau dah salah mengaku salahlah mengapa nak tolak pergi ke *reporter*. *Reporter* salah, *press* silap faham. Kata *reporter* silap faham. Tahun lalu terdapat seorang *reporter* dari akhbar Sin Chiew ditahan di bawah ISA atas sebab kerana bagi tulis *paper* atau komen insiden itu dari rakan saya dari Pantai Jerejak kata Ahmad Ismail.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tahanan Polis sahaja untuk siasatan itu lain. Itu bukan tahanan ISA.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dia ditahan di bawah *Internal Security Act*. Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana beliau telah menerbitkan rencana di mana Dato' Ahmad Ismail membuat kenyataan perkauman. Ketua Polis membuat kenyataan kononnya dia ditangkap untuk keselamatan diri sendiri.

Y.B. Dato' Speaker:

Sambung balik Sungai Pinang. Seri Delima duduk. Ahli Kawasan Sungai Pinang teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Bukan hanya koyak gambar Koh Tsu Koon sahaja. Berkata orang Cina hanya tumpang tinggal sahaja. *Reporter* pun kena ISA ini *press freedom* ke, Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Saya dimaklumkan masa 2008 dulu ramai yang berminat menonton *live* perbahasan dalam Dewan ini sampai 80,000 saluran yang melihat, 2009 tinggal 7,000 sahaja. Publik sudah bosan. Dari 80,000 tinggal

7,000 kerana tengok Dewan wah, wah bahan mutu perbahasan cakaplah bahan yang boleh membangunkan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Depa tengok pasal dia tunjuk punggung....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Jaga-jaga sikit tentang perkauman itu. Saya tahu tentang mesej yang hendak disampaikan tetapi bertanggungjawablah semua. Kalau kita nak panjangkan tentang isu teruskan saya boleh biarkan. Sama ada Dewan ini akan jadi macam di beberapa buah Negeri saya boleh benarkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Tidak boleh bagi laluan. Masa sudah tidak cukup untuk saya. Kalau kata *press freedom* dikatakan kesalahan janganlah tolak dekat *reporter*. Ahli UMNO pun begitu, Menteri pun buat begitu sama.

Y.B. Dato' Speaker, bidang sukan sememangnya memainkan peranan yang unggul dalam memupuk masyarakat yang berwibawa. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pakatan Rakyat atas keprihatinan dan penghargaan yang ditunjukkan terhadap ahli sukan di Negeri kita seperti yang tertera dalam ucapan TYT penggal ini. Adalah maklumat semua dua anak jati Pulau Pinang iaitu Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol David telah memperoleh ganjaran wang insentif sebanyak RM20,000.00 seorang atas kejayaan mereka dalam bidang sukan masing-masing. Pencapaian kedua-dua atlet ini bukan sahaja memberi kebanggaan kepada Negeri Pulau Pinang tetapi mengharumkan nama Malaysia di persada sukan dunia.

Ini menunjukkan Negeri Pulau Pinang mampu melahirkan wira-wira sukan yang bertaraf dunia dengan pemimpin Kerajaan CAT Pulau Pinang. Kita sudah memberi mesej kepada semua rakyat Malaysia, kerajaan ini bukan sahaja berhati murah tetapi juga peka dan sedia menawarkan penghargaan kepada mana-mana atlet yang mengharumkan nama Negeri kita. Saya berharap usaha-usaha sedemikian oleh Kerajaan Negeri kita akan mendorong lebih ramai lagi atlet Negeri kita untuk berjaya dalam bidang sukan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Sebenarnya Dato' Nicol David itu masa zaman Barisan Nasional dulu memang Kerajaan Negeri memberi satu anugerah dan imbuhan kepada beliau sebuah *apartment* yang berharga RM200,000.00. Kalau Dato' Lee Chong Wei pun saya ingat Kerajaan Negeri pun kena beri sebuah *apartment*, jangan dok cakap sahaja. Bagi juga.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan saya kepada ibu bapa dan jurulatih kepada Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol David kerana tanpa mereka kita tidak akan memperoleh dua permata berlian ini. Sehubungan dengan pencapaian kedua-dua atlet kita ini, saya menyuruh Kerajaan Pusat agar meningkatkan lagi peruntukan untuk kemajuan

bidang sukan terutama di Negeri Pulau Pinang. Peningkatan tersebut akan membantu Negeri kita untuk melahirkan lebih ramai lagi atlet bertaraf antarabangsa. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol David di atas kejayaan mereka. Semoga mereka akan berjaya lagi di dalam kejohanan-kejohanan yang akan datang dan seterusnya membawa nama yang baik kepada Negeri dan tanah air kita.

Y.B. Dato' Speaker, seperti yang semua sedia maklum, acara SUKMA 13 akan berlangsung di Bandar Bersejarah Melaka pada 9 hingga 19 Jun 2010. Banyak pihak termasuk Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha giat memastikan atlet kita memberi persembahan yang membanggakan. Saya berharap pencapaian pada kali ini akan lebih baik, di tingkatkan lagi berbanding dengan kejohanan yang lalu. Berdasarkan kepada jawapan untuk soalan tulis saya pada kali ini, didapati kita menyasarkan 42 pingat emas pada kejohanan pada kali ini. Ingin saya tahu apakah acara-acara yang disasarkan oleh kita untuk memperoleh pingat emas. Saya juga ingin tahu adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan sebarang sagu hati atau ganjaran kepada atlet Negeri kita yang memperoleh pingat. Jika ya, sila nyatakan jumlah sagu hati dan pakej ganjaran yang menanti atlet-atlet kita. Saya berdoa agar atlet-atlet kita akan berjaya pada kejohanan SUKMA pada kali ini dan saya mengucapkan selamat maju jaya kepada kontinjen kita kali ini.

Y.B. Dato' Speaker, ingin saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu semasa yang membabitkan Jelutong *Expressway*. Seperti yang sedia maklum baru-baru ini berlaku beberapa kemalangan di lebuh raya tersebut. Dalam tempoh seminggu yang lalu, terdapat empat kes kemalangan. Ia membabitkan seorang wanita hamil berserta bayi anak dalam kandungannya dan seorang remaja lagi membabitkan seorang penunggang motosikal. Kedua-dua kemalangan ini membawa maut serta jumlah kecederaan yang tinggi. Ingin kita nak tahu bahawa adakah kemalangan-kemalangan ini berpunca dari kecuaiannya pengguna lebuh raya ataupun unsur-unsur keselamatan di lebuh raya tersebut yang tidak mencukupi.

Saya amat kluatir jika keadaan ini berterusan dan terdapat banyak kemalangan berlaku. Mungkin satu hari nanti Lebuh Raya Jelutong *Expressway* dengan nama baru iaitu lebuh raya maut. Saya juga menerima banyak aduan daripada pengguna jalan yang merungut tentang keadaan lebuh raya yang tidak rata. Saya di sini ingin mempersoalkan penglibatan JKR dalam kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya tersebut. Sejak lebuh raya itu dibuka untuk diguna banyak kemalangan maut telah berlaku. Ini melibatkan kegagalan urusan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu yang tidak membuat kajian yang terperinci dalam usaha membina lebuh raya tersebut.

Saya minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas buat kajian dan analisa terhadap kemalangan yang berlaku di lebuh raya tersebut. Setelah hasil kajian diperolehi ianya perlu dibawa ke perhatian semua. Melalui hasil kaji jawatankuasa tersebut kita akan dapat satu gambaran yang lebih jelas dan teliti. Ini akan membantu kita untuk mendapatkan sebarang cadangan ataupun pendekatan meningkatkan

lagi unsur-unsur keselamatan dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan di lebuh raya tersebut. Saya serta Kerajaan Negeri kita berasa amat terharu dan sedih terhadap insiden yang telah berlaku dan ingin mengucapkan takziah kepada keluarga yang terlibat. Kita juga berdoa agar yang mendapat kecederaan dalam kemalangan tersebut akan selamat dan pulih dengan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Speaker, saya mencadangkan supaya satu laluan baru untuk menghubungkan Jelutong *Expressway* ke Jalan Masjid Negeri dibina. Dengan adanya jalan tersebut kesesakan di Jalan Jelutong dapat dikurangkan dengan lebih baik lagi. Di samping itu ianya membolehkan penduduk-penduduk di kawasan Jalan Masjid Negeri dapat menggunakan Jelutong *Expressway* sebab tanpa laluan yang saya cadangkan perjalanan yang sedia ada melalui Jelutong *Expressway* ke Jalan Masjid Negeri agak jauh dan juga merumitkan. Saya berharap agar Kerajaan Negeri akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan saya ini. Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima Kasih Y.B. Dato' Speaker, dengan segala hormatnya Y.B. Dato' Speaker saya amat bersyukur kerana sekali lagi diberi peluang untuk berucap di Dewan mulia ini sejak tahun 2008. Semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat ditakdirkan serta diberi restu oleh rakyat Pulau Pinang untuk meminta Negeri ini pelbagai perubahan dan polisi yang positif dan pragmatik telah dilaksanakan. Antaranya ialah perlaksanaan prinsip pemerintahan (CAT) Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Sistem tender terbuka melalui e-perolehan, pemberian air percuma kepada warga miskin, pemberian RM100.00 kepada warga emas setiap tahun, pembasmian kemiskinan tegar serta hasrat Pakatan Rakyat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa,...(dengan izin), *international city*. Untuk menjadi sebuah bandar raya antarabangsa kita mesti memastikan pelbagai elemen yang membolehkan rakyat dan pelbagai negara untuk bukan sekadar melawat atau melancong sahaja malahan juga menetap di Negeri kita sama ada untuk belajar, bekerja, berniaga dan sebagainya. Dalam pada itu Negeri kita perlu merancang menghala ke arah dalam menjadi sebuah lokasi yang cukup kondusif dan menyumbang kepada trafik antarabangsa ... (dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, *international traffic*, kesenian dan kebudayaan kita juga perlu diperkaya serta diperkenalkan kepada dunia untuk menarik pelancong, pelajar penyelidik dan seniman ke Negeri kita. Dalam konteks ini muzium galeri pusat budaya yang bertaraf antarabangsa adalah perlu untuk memastikan aliran populasi multi etnik dan multi nasional yang berterusan. Y.B. Dato' Speaker, sesuatu bandar raya antarabangsa tidak semestinya merupakan Taman Peradaban, *legendaries* ...(dengan izin), *land of the legendaries civilization*, tetapi ia boleh mempunyai landskap, pemandangan dan tempat-

tempat bersejarah yang mengagumkan yang mana mampu menarik orang-orang asing ke Negeri kita seperti Taman Botani, Bukit Bendera, Ford Cornwallis dan lain-lain tempat pelancongan. Sementara itu pendidikan yang terdapat di universiti dan kolej sedia ada di Negeri kita mesti menyediakan kursus-kursus yang sesuai kepada permintaan antarabangsa bersama-sama kelengkapan perpustakaan dan makmal yang sempurna ...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, salah satu ciri yang tidak kekurangan ialah dengan Sistem Pengangkutan Negeri Pulau Pinang yang sedia ada sekarang Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu terus berusaha untuk menaik taraf Sistem Pengangkutan Infrastruktur. Pengurusan lalu lintas pengangkutan awam yang disertai dengan jalan-jalan akses dan lingkaran yang baik dan efisien. Di samping itu kemudahan-kemudahan perniagaan(dengan izin) *business facilities* adalah perlu untuk menjana lebih banyak aktiviti ekonomi di peringkat Negeri dan antarabangsa. Sehubungan itu satu pusat konvensyen antarabangsa sememangnya adalah di perlukan namun demikian Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu berkhidmat dalam membuat kajian menyeluruh supaya bijaksana dalam memastikan pembinaan satu pusat konvensyen antarabangsa di Pulau Pinang tidak akan terlalu membebankan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari segi kewangan. Pembinaan pusat konvensyen seandainya merupakan salah satu ciri bandar raya antarabangsa yang seharusnya menyumbang kepada kepelbagaian aktiviti atau program ekonomi yang secara langsung dapat menzahirkan pertumbuhan ekonomi Negeri untuk jangka masa panjang.

Pertumbuhan ekonomi kita tidak seharusnya bertumpu kepada pelaburan asing sedangkan IKS iaitu industri kecil sederhana dan syarikat-syarikat tempatan yang besar....(dengan izin), *local large company* di Negeri kita sememangnya amat memerlukan sokongan kerajaan untuk terus berkembang dan memasuki pasaran dunia. Oleh itu penubuhan sebuah majlis ekonomi atau(dengan izin) *economic council* adalah tepat pada waktunya untuk membantu IKS industri kecil sederhana dan syarikat-syarikat besar tempatan *local large company* di Negeri kita untuk terus maju jaya dan memperluaskan saham pasaran *market share* baik di peringkat domestik atau di peringkat antarabangsa. Negeri Pulau Pinang tidak perlu mengikuti bulat-bulat jejak langkah bandar raya antarabangsa di Negeri lain seperti Singapura, Hong Kong dan Taiwan walaupun kita boleh mengambil iktibar dari sesetengah sudut dan pelbagai aspek yang lebih penting adalah kita perlu bersaing dengan kelebihan kita yang tersendiri yang bercorakkan geografi, demokrasi, kebudayaan, agama dan warisan kita yang unik. Kononnya perlaksanaan halal *hub* di Negeri Pulau Pinang merupakan satu permulaan dan inisiatif yang baik oleh Kerajaan Negeri

Pulau Pinang untuk bersaing dan menjelajah di pasaran dunia dengan keunikan kita yang sedia ada.

Y.B. Dato' Speaker, seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa Pulau Pinang sudah lama terkenal sebagai pulau *the orient* maka kita perlu sentiasa mengkaji semula kedudukan kita dari masa ke semasa di cermin mata dunia. Ketika dalam proses melaksanakan dasar-dasar yang sesuai dan berkesan terutamanya dalam menjenamakan semula ...(dengan izin), *re-brand* Negeri kita dalam menghadapi saingan dunia yang semakin hebat. Dengan

kombinasi pelbagai faktor yang tersebut barulah Pulau Pinang boleh terus maju dan berkembang dengan lebih pesat dan mantap dalam menuju ke arah menjadi sebuah bandar raya antarabangsa (*international city*) sebagaimana yang diperkenalkan melalui konsep 3P, perkasakan rakyat dengan kepakaran ilmu dan pengetahuan, perkuasakan rakyat dengan hak dan kebebasan, perkayaan rakyat dengan perkongsian kekayaan dan hasil ekonomi ...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan matlamat untuk mencapai status sebuah Negeri antarabangsa, Kerajaan Pulau Pinang juga perlu mengkaji semula garis panduan pembangunan di cerun bukit atau tanah tinggi lebih-lebih lagi satu perancangan pembangunan tanah tinggi atau cerun bukit yang lebih komprehensif dan *inclusive* perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk jangka masa panjang untuk memastikan bahawa pembangunan tanah tinggi atau cerun bukit di sekitar Pulau Pinang adalah lebih uniform dan seimbang disertai dengan infrastruktur dan sistem perparitan yang sesuai dan sempurna yang diwajibkan dibina oleh pemaju-pemaju yang berkenaan dalam satu jangka atau had masa yang ditetapkan.

Y.B. Dato' Speaker, dalam pada itu penubuhan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai pakar dari segi geo-teknikal, kejuruteraan sivil, arkitek, juru perunding, juru ukur dan sebagainya yang berpandu kepada konsep hijau dalam penyediaan rancangan pembangunan tanah tinggi atau cerun bukit tersebut adalah tepat pada masanya di mana jawatankuasa ini boleh memberi maklum balas, arahan dan pandangan para pemaju untuk semua kelulusan projek pembangunan di tanah tinggi atau cerun bukit sebelum kelulusan diberikan. Secara asasnya jawatankuasa khas ini juga akan bertanggungjawab dalam membuat kajian dan lalu mengklasifikasikan tanah-tanah tinggi di seluruh Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Pulau Pinang mengikut 3 kategori seperti berikut. Pertama, sesuai, *suitable*(dengan izin) kedua tidak sesuai atau dikenali sebagai *not suitable* dan seterusnya risiko tinggi, *high risk*.

Y.B. Dato' Speaker, memandangkan Negeri Pulau Pinang merupakan satu Negeri yang berbukit bukau, Kerajaan Pakatan Rakyat mesti berani dan berwawasan dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam memperbaharui atau meminda garis panduan untuk pembangunan tanah tinggi atau cerun bukit. Saya sesungguhnya percayai dengan adanya satu rancangan pembangunan di tanah tinggi atau cerun bukit bersama jawatankuasa khas ini yang berlandaskan pengamalan prinsip CAT kelulusan projek pembangunan cerun bukit atau tanah tinggi akan menjadi lebih bersepadu konsisten, seimbang dan lebih

manfaatkan semua pihak yang berkaitan seperti pemaju, PBT, Kerajaan Negeri dan rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, dengan adanya rancangan pembangunan di tanah tinggi atau cerun bukit dan sistem klasifikasi tanah tinggi pihak awam dan pemaju boleh membuat carian di Jabatan PBT yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat dan juga mengetahui status berkenaan sesuatu tanah tinggi atau cerun bukit itu. Dalam masa yang sama kita juga dapat mengelakkan pelbagai masalah dan mala petaka seperti hakisan tanah dan tanah runtuh.

Y.B. Dato' Speaker, sekarang ni saya akan alih perhatian ke isu penebusan tanah. Oleh kerana Pulau Pinang merupakan sebuah Negeri pulau maka ada baiknya sekiranya Kerajaan Negeri membuat rancangan untuk penebusan tanah demi menambahkan bank tanah(dengan izin) *land bank* Kerajaan Negeri serta menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri. Sebagai contoh tebusan tanah telah diadakan dengan amat berjaya di negara-negara pulau seperti Jepun dan Singapura yang sudah lama mencapai status bandar raya antarabangsa. Jadi saya berasa yakin bahawa sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan dasar penebusan tanah ini secara sistematik telus dan teratur maka secara langsung akan membantu dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang.(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, sekarang saya akan menyentuh isu pelepasan atau *remission* taksiran seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976, secara asasnya memperuntukkan bahawa apabila sesuatu bangunan tidak diduduki atau tidak ada sewa dikenakan maka pihak PBT boleh memberi pelepasan atau *remission* taksiran kepada pemilik bangunan yang berkenaan. Buat masa ini saya difahamkan bahawa PBT hanya akan memberi perlepasan atau *remission* taksiran sehingga 50% untuk bangunan yang tidak diduduki dan tidak disewakan sehingga akhir tahun ini sahaja. Dalam menghadapi dan memenangi keadaan ekonomi yang lembap.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan untuk terus memberi perlepasan atau *remission* taksiran kepada bangunan yang tidak diduduki dan tidak dapat disewakan atas alasan-alasan seperti berikut, pengenaan taksiran ke atas bangunan yang tidak diduduki atau tidak dapat disewa akan mengurangkan keuntungan pemilik bangunan berikutan dengan kenaikan kadar elektrik, kos penyelenggaraan dan sebagainya. Kedua, pengenaan taksiran ke atas bangunan yang tidak diduduki atau tidak dapat disewa akan merugikan pemilik bangunan berikutan inflasi yang kian meningkat.

Seterusnya pengenaan taksiran ke atas bangunan yang tidak diduduki atau tidak dapat disewa akan menyebabkan pemilik bangunan mengenakan sewa yang lebih tinggi dengan memindahkan pengenaan taksiran tersebut terhadap penyewa-penyewa bangunan yang lain. Pengenaan taksiran ke atas bangunan yang tidak diduduki atau tidak dapat disewa juga akan mematahkan semangat pemilik bangunan untuk terus berniaga di Negeri Pulau Pinang terutamanya bagi mereka yang berasal dari luar negeri tambahan pula Y.B. Dato' Speaker, kadar sewa bangunan di Pulau Pinang secara puratanya adalah

tidak setinggi dengan kadar sewa bangunan pusat bandar yang maju seperti Kuala Lumpur.

Ekonomi Pulau Pinang masih lembap ekoran daripada penutupan atau perpindahan sesetengah kilang atau industri ke luar negara. Ekonomi Pulau Pinang nampaknya stabil tetapi masih lemah akibat daripada impak krisis ekonomi yang lemah kutipan taksiran PBT akan bertambah dari semasa ke semasa berikutan kenaikan nilai hartanah dan pertambahan hartanah di Pulau Pinang dan oleh itu tidak akan terlalu menjejaskan kos penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur landskap, taman-taman permainan, lampu-lampu jalan dan sebagainya, lebih-lebih lagi Y.B. Dato' Speaker, memandangkan Kerajaan

Negeri telah melaksanakan dasar *Green Index* maka ini akan dapat membantu mengurangkan kos penyelenggaraan dengan penggunaan barang-barang gantian yang di kitar semula peralatan yang menjimatkan sumber tenaga dan sebagainya. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan Negeri akan terus memberi pelepasan dalam dimensi taksiran pemilik bangunan yang tidak diduduki dan tidak dapat disewakan selepas akhir tahun ini. Di mana saya juga merayu agar kadar pelepasan atau *remission* taksiran sebanyak 50% tersebut dinaikkan ke 70% atau 100% memandangkan pelepasan atau *remission* taksiran sebanyak 100% pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri yang lepas pada suatu ketika dahulu.

Akhir sekali, saya ada 5 minit lagi Y.B. Dato' Speaker, kita sedia maklum bahawa rumah pangsa Padang Tembak merupakan rumah PPR Projek Perumahan Rakyat yang paling tua di Pulau Pinang dalam pada itu saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan memperuntukkan satu bajet untuk satu pertandingan(dengan izin) *urban reviewer* supaya arkitek-arkitek dari dalam dan luar negeri diberi ruang untuk memberi input dan mengemukakan idea-idea ataupun konsep yang baru dalam memperbaharui serta(dengan izin) *reinvent* kawasan Padang Tembak dan menjadikannya sebagai satu *landmark*.

Y.B. Dato' Speaker, sebagai satu tanda permulaan rancangan *urban reviewer* di Padang Tembak saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya memberi peruntukkan untuk tujuan pengecatan semula 9 blok rumah pangsa di Padang Tembak yang telah lama tidak di cat. Saya sesungguhnya mempercayai dengan pengecatan semula ke semua blok rumah pangsa tersebut ia akan memberikan satu imej yang baru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khasnya penduduk-penduduk di situ walaupun ada ruang lagi untuk kemajuan.

Y.B. Dato' Speaker sebagai kemajuan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri memberikan RM100.00 kepada yang berumur 60 tahun ke atas dalam program Penghargaan Warga Emas baru-baru ini. Jumlah sebanyak Ringgit Malaysia 8.5 juta yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri ini merupakan suntikan terus(dengan izin) *direct injection* kepada ekonomi Pulau Pinang berbanding dengan *award* projek-projek berjuta-juta ringgit sehingga berbilion-bilion ringgit oleh Kerajaan Pusat yang hanya memanfaatkan sesetengah pihak sahaja di mana perkara ini akan terus mengakibatkan penyelewengan kronisme dan nepotisme di kalangan mereka yang berkuasa malah kalau mereka yang rendah terus ditindih. Y.B. Dato' Speaker marilah kita terus berusaha membawa

perubahan di Pulau Pinang sebagai mana yang perlu mengikut keadaan yang zaman beralih musim berubah supaya mereka yang lemah dan miskin akan sentiasa terbela dan dibantu. Sekian terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat. Dewan ditangguhkan untuk rehat, Dewan akan bersambung semula pada pukul 4.40 petang dan sila tepati masa 4.40 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Dewan disambung semula jam 4.50 petang

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A(i) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 5 Mei 2010 dilanjutkan sehingga jam 6.45 petang.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya menyokong.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (i) untuk melanjutkan tempoh mesyuarat hari ini 5 Mei 2010 dilanjutkan sehingga jam 6.45 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Usul dipersetujui dengan sebulat suara. Dipersilakan Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera....(bacaan doa). Y.B. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I dan II, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan perasmian oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Tun semasa perasmian Dewan.

Setelah meneliti laporan-laporan yang dibentangkan di dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Y.A.B. Ketua Menteri serta barisan EXCOnya dalam memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat meskipun dalam situasi Kerajaan Pusat tidak menyalurkan bantuan kepada Kerajaan Negeri dengan sewajarnya. Meskipun dengan kedudukan kewangan yang ketat, Kerajaan Negeri telah berjaya memberi tumpuan terhadap penghapusan miskin tegar dan memaju rakyat keluar dari kepompong kemiskinan.

Y.B. Tuan Speaker, satu lagi ucapan tahniah hendak diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya melancarkan Program Sumbangan Penghargaan Warga Emas baru-baru ini. Meskipun jumlahnya hanya RM100.00 dihulurkan kepada warga emas tetapi ianya amat ikhlas serta mendapat sambutan yang baik daripada semua warga emas. Kerana keikhlasan kita ini ramai warga emas yang terharu menangis malah sehingga ada yang memeluk pemimpin-pemimpin kita pada hari tersebut. Ini kerana baru-baru ini baru mereka sedar bahawa hak rakyat sebenarnya ada cuma Kerajaan lalu tidak memberi mereka peluang dan sepatutnya telah lama mereka mendapatnya malah mereka yang belum mencecah usia warga emas juga hari ini berpusu-pusu datang ke pejabat khidmat kita untuk mendaftar pendaftaran awal, kita terima walaupun belum lagi usia 60 tahun.

Y.B. Tuan Speaker, rasanya masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua kakitangan Kerajaan Negeri serta mereka yang berstatus pekerja di seluruh Malaysia. Syabas kepada mereka yang telah menjalankan tugas dengan baik sepanjang tahun serta mendapat Anugerah Pekerja serta lain-lain anugerah sempena sambutan tersebut pada 1 Mei baru-baru ini.

Y.B. Tuan Speaker, pekerja adalah tonggak sesuatu organisasi, syarikat, jabatan mahupun kerajaan. Kekuatan satu organisasi adalah terletak pada kekuatan pekerja melalui disiplin yang mantap, kecergasan fizikal, kekuatan minda, perpaduan serta kerjasama di antara pekerja dengan pekerja serta kerjasama di antara pekerja dengan majikan. Organisasi tidak akan dapat bergerak lancar tanpa pekerja yang berdisiplin, bijak dan saling bekerjasama. Bagi mendapatkan seorang pekerja yang berdisiplin bukanlah satu perkara yang mudah. Hari ini rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tentang kecuaiannya di sini. Ini melibatkan tanggungjawab pekerja. Sebab itu untuk mendisiplinkan manusia ini agak berat dan makan masa yang lama. Disiplin

tidak terbentuk secara semula jadi. Ianya perlu dibentuk dan dipupuk melalui beberapa peraturan dan undang-undang. Malah pembentukan disiplin memerlukan penyeliaan dan pemantauan yang kerap dan berkala bagi memastikan peraturan-peraturan tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, kekuatan pekerja adalah terletak pada tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan mental. Kecergasan fizikal dan kecerdasan mental datangnya dari kehidupan yang selesa termasuk keadaan rumah yang selesa serta sesuai untuk kehidupan berkeluarga. Fikiran akan menjadi tenang dan cergas sekiranya kurang berfikir kesusahan dan kesulitan terutamanya dalam pemilikan rumah untuk keselesaan keluarga. Daripada pemantauan

didapati rakyat di Seberang Perai Selatan terutamanya di kawasan pendalaman kampung dan tepi laut begitu ramai mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri serta hidup menumpang atau menyewa. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pemerintah di Negeri Pulau Pinang ini untuk mencari jalan mengatasi masalah perumahan ini dikalangan masyarakat nelayan dan petani. Selaku ADUN yang bermastautin di Seberang Perai Selatan saya rasa terpenggil untuk mengkaji sejauh masa permasalahan ini menghantui masyarakat serta bagi mengenal pasti kaedah-kaedah terbaik mengatasi masalah ini.

Y.B. Tuan Speaker, Seberang Perai Selatan (SPS) terletak di selatan Negeri Pulau Pinang 28 km daripada Butterworth dan 47 km daripada George Town. Ianya terletak bersempadan dengan Daerah Seberang Perai Tengah di Utara, Daerah Kulim Kedah di Timur dan Daerah Krian, Perak di Selatan. SPS mempunyai 24,402.6 hektar atau 23.28% daripada keluasan Negeri Pulau Pinang. SPS juga mempunyai 15 mukim meliputi KADUN Bukit Tambun, KADUN Sungai Bakap, KADUN Jawi dan KADUN Sungai Acheh. Jumlah penduduk di SPS pada tahun 2008 adalah seramai 155,200 orang. Tumpuan pertumbuhan semasa penduduk yang ketara ialah di Simpang Empat ataupun Bandar Tasek Mutiara dan Bukit Tambun.

Antara faktor yang menyumbang kepada pertambahan penduduk di kedua-dua kawasan ini ialah pembangunan kawasan industri dan skim perumahan terancang besar-besaran dan lokasi yang berhampiran dengan industri Daerah Seberang Perai Tengah. Dari segi keperluan perumahan Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 menunjukkan dari keseluruhan jumlah unit yang dibina sepanjang tahun 1991 hingga 2000 jumlah rumah di SPS ialah yang kedua terendah di Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 12.24%. Walau bagaimanapun dari segi unjuran pertumbuhan perumahan dalam tempoh masa yang sama, Daerah SPS mencatat pertumbuhan tertinggi bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Sehingga Jun 2009 guna tanah perumahan di SPS ialah seluas 1,547.96 hektar iaitu 5.96% daripada seluruh keseluruhan keluasan Daerah SPS.

Namun perumahan terancang lebih tertumpu di Kawasan Bukit Tambun, Bandar Tasik Mutiara, Sungai Bakap dan Valdor. Stok perumahan semasa di SPS adalah seperti berikut: jenis taman atau skim perumahan sebanyak 36,714 buah, jenis kuarters sebanyak 386 buah, perumahan desa tidak terancang sebanyak 7,315 buah, projek perumahan rakyat termiskin sebanyak 112 buah dan rumah jenis setinggan sebanyak 455 buah. Berdasarkan data tersebut

saya suka mencadangkan beberapa perkara dalam membangunkan penempatan dan perumahan di SPS. Memandangkan hampir 60% penduduk di SPS menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi termasuk 23% menjalankan tanaman padi terutama di kawasan Sungai Aceh, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membina PPRT untuk petani dan nelayan terutamanya di kawasan KADUN Sungai Aceh iaitu di pinggir kawasan Perumahan Rakyat Sungai Chenaam dan sepanjang tepi laut dari Sungai Chenaam hingga ke Kampung Melayu Sungai Udang.

Program ini perlu dilaksanakan kerana rata-rata penduduk setempat tidak mempunyai tanah dan rumah sendiri serta hanya menumpang atau menyewa rumah kampung milik orang lain. Oleh yang demikian, amatlah wajar Kerajaan membina PPRT atau pun PPR di kawasan yang dicadangkan bagi menampung permintaan rumah oleh penduduk miskin setempat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Laluan, Y.B. Dato' Speaker, cuma saya ingin mendapat penjelasan tentang cadangan pembinaan rumah PPRT orang miskin di kawasan Chenaam. Adakah rancangan ini disusun diatur oleh Kerajaan Negeri ataupun ada syarikat tertentu atau koperasi tertentu mula memasuki menerokai kawasan itu? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Belum lagi hanya cuma cadangan. Cadangan akan dibawa kepada pertimbangan Kerajaan Negeri, *insya-Allah*. Seterusnya di samping itu penduduk Sungai Bakap juga memerlukan pembelaan yang sama dari segi bantuan perumahan terutama bagi mereka yang tidak mempunyai rumah dan tanah sendiri. Saya mencadangkan supaya kerajaan membuat pengambilan tanah di Kampung Makau Suar depan Pejabat Pos Sungai Bakap bagi mendirikan rumah PPR untuk mengatasi masalah yang dialami oleh penduduk Makau Suar, kebanyakan adalah merupakan generasi ketiga penempatan semula rakyat pinggir hutan oleh Kerajaan Malaya pada zaman darurat. Jadi mereka ini orang-orang Melayu dikutip daripada pinggir hutan zaman dahulu ditempatkan di Kampung Makau Suar, manakala orang-orang Cina di tempat di perkampungan baru Jawi dan Valdoor dan sebagainya. Orang Melayu dia bubuh kat situ namun mereka dipinggirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional (KBN) sejak merdeka dulu lagi, menyebabkan penduduk di situ menumpang sebagai setingan tanah milik persendirian, lepas itu tanah tersebut bertukar ganti, bertukar tangan, bertukar pemilik. Jadi sampai pemilik yang terakhir ini mereka digunakan peguam dan cuba untuk mengusir penduduk di situlah, jadi amat sedih orang dari muda di situ sampai umur 60 tahun lebih jadi terpaksa fikir pula di mana tempat nak berhijrah jadi kita mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya buat pengambilan di situ dan buat penempatan orang-orang tersebut ada lebih kurang 30 buah keluarga di situ.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, selain program PPRT dan PPR, Seberang Perai Selatan juga mengalu-alukan pembangunan perumahan oleh pihak

pemaju yang berminat dengan corak pola penempatan perumahan yang sesuai dengan SPS. Perumahan kos sederhana, kos sederhana rendah dan kos rendah adalah menjadi keutamaan di SPS kerana kedudukan sosial ekonomi penduduk di SPS masih berada di tahap yang agak rendah berbanding daerah lain. Ini dapat dibuktikan dengan permohonan-permohonan kos sederhana rendah, kos rendah 2009 di bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mencecah 10,654 permohonan dari jumlah permohonan 3,776 permohonan adalah layak ditawarkan rumah kos rendah atau sederhana rendah.

Meskipun secara keseluruhannya, penyediaan rumah kos sederhana rendah telah melebihi kuota minima 30% namun ianya banyak tertumpu di Bukit Tambun dan Simpang Empat atau pun Bandar Tasik Mutiara tidak di kawasan Sungai Bakap Selatan atau pun Jawi dan Sungai Acheh. Manakala di kawasan lain masih kurang daripada 30% pembinaan jenis perumahan pangsa juga adalah kurang sesuai di kebanyakan kawasan. Oleh itu saya mencadangkan supaya disyaratkan pemaju untuk membina kos rendah, sederhana rendah jenis *landed cluster* atau rumah bandar. Ini adalah satu projek perumahan di kawasan Sungai Duri iaitu Taman Sungai Duri Permai ada 3 jenis rumah kos rendah berkembar setingkat 30 buah harga RM85 ribu, kos sederhana rendah teres setingkat 112 buah harga RM70 ribu, kos rendah klaster rumah bandar 224 unit berharga RM38 ribu rasa dalam Negeri Pulau Pinang dia paling rendah sekali la RM38 ribu di pulau tak boleh dapat ini harga tapi jangan orang pulau pergi beli sana pula, orang sana tak selesai masalah.

Dari segi harga saya mencadangkan pihak pemaju mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri mengikut zon iaitu di antara RM33 ribu hingga RM38 ribu bagi rumah jenis *landed cluster* atau rumah bandar dengan keluasan sebanyak 602.7 kaki persegi terlalu kecil, muat untuk 2 bilik itu pun boleh kisah saja la serambi dengan dapur. Pembinaan perumahan jenis ini perlu ditumpukan di kawasan pinggir bandar serta kampung bagi memberi peluang pemilikan rumah jenis ini kepada masyarakat kampung itu pun setelah keluarga besar nanti dia kena fikir kawasan lain atau pun rumah jenis lain pula tak apa lah dia sudah mampu pada masa itu. Selain itu untuk program pencapaian setinggian sifar Negeri Pulau Pinang saya suka mencadangkan Kerajaan melihat mana-mana tanah tol dibuat lot-lot tapak rumah rancangan macam ini sesuai untuk orang kawasan selatan, Kepala Batas pun dah maju dah ni kawasan selatan memang sesuai macam ini lah.

Lot-Lot tapak rumah diberi pajakan sementara kepada golongan rakyat miskin ini di seluruh negeri kita cadangkan untuk selatan, tengah dan utara nak tumpang juga idea ini boleh juga diguna pakai, ini adalah lebih baik memberi pajakan tanah kadang-kadang bersaiz besar kepada seorang individu saja. Kadang-kadang dia orang minta tengok-tengok ada 2, 3 ekar malah 6 ekar pun adalah tapi tu puncak gunung la atas bukit, hutan tu mungkin tak sesuai untuk penempatan, tapi ini macam 100 ekar ataupun kita boleh pecah-pecah lot untuk seluas sebuah rumah bagi menyelesaikan setinggian ini. Jadi kadang yang kita terima hari ini permohonan kadang-kadang sampai 2,3 ekar satu orang dapat atas alasan pasal dia dah usaha lama dan sebagainya dulu lagi tapi ada orang lain tak ada rumah kita boleh fikir ke arah itu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, mengenai soalan saya tentang ternakan moden saya bukanlah berhasrat nak mengajak Kerajaan Negeri fikir sampai *air cond* dan sebagainya cuma sekadar untuk bertanya ada tak perancangan yang kita letakkan sehingga tahun sekian-sekian umpamanya 2011 atau 2012 masalah ternakan ayam, itik, lembu, kerbau dan sebagainya tak timbul lagi dari segi kebersihan teratur dan tidak mengganggu penduduk yang mana hari ini kita terima aduan kerbau berkubang di tempat mainan kanak-kanak. Pergi *round* malam-malam dia pi berkubang di situ, lembu masuk taman, berak rata-rata jadi kita kena ada satu *target* bila perkara ini akan selesai tak ada lagi ternakan ayam di sekeliling kawasan sekolah, lalatnya berterbangan sampai sebelah

tangan nak suap sebelah tangan duk kipas. Tak ada lagi kes aduan najis atau pun tahi itik dan sisa ikan keli dibuang ke sungai, jadi mungkin ini perlukan dari segi penguatkuasaan undang-undang, kajian dan sebagainya. Jadi kena dilakukan sehingga sampai satu *target* tahun kita selesai masalah ini kalau tidak bertambah tahun-tahun berlarutan sampai hari ini jadi orang beli rumah bau kandang babi, orang beli rumah kawasan rumah tahi lembu berselerak sampai budak-budak nak main di taman permainan pun tak boleh. Itu soalan saya supaya kita letakkan satu tarikh bila dengan keupayaan kita ini dengan kesungguhan 2, 3 tahun perkara ini insya-Allah selesai seterusnya.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, berkaitan dengan cakap tentang kebebasan akhbar jadi kita menyokong kempen ini kerana kalau kita kaitkan dengan kepentingan orang Melayu. Oleh kerana pemberita-pemberita begitu terhad laporan dia lebih-lebih lagi terhadap rancangan-rancangan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, ramai orang Melayu ketinggalan maklumat sebagai contoh dia orang tak baca, hari ini kita buat *press conference* atau kenyataan akhbar orang Cina esok dah beritahu di pejabat kita, orang Melayu kita tak tahu lagi pasal tak ada laporan dalam akhbar kita sama ada KDN Kuala Lumpur ke atau Pengurus dia yang tapis ini merugikan. Kita merugikan orang Melayu ketika kita buat pendaftaran warga emas dulu beza orang kata jumlah antara orang Melayu, Cina dan India. Orang Melayu tak dengar khabar lagi sehingga kita buat edaran pula di masjid baru tahu kata ada jadi inilah kalau kita terlalu sangat menyekat menyebabkan ketinggalan orang kita, ketinggalan maklumat, ketinggalan berita sepatutnya benda-benda yang baik itu hendaklah dimuatkan supaya menguntungkan semua masyarakat kita tak kira apa kaum apa pegangan politik dan sebagainya.

Akhir sekali Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya mengucapkan sekali lagi ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas segala kejayaan yang dicapai, kita berdoa semoga masa akan datang lebih maju dan cemerlang lagi, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal silakan.

Ahli kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh, dan salam 1 Malaysia. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil Ketua-ketua Jabatan, pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya mengucapkan terima kasih walaupun di penghujung dapat juga untuk melibatkan diri untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan dan ucapan TYT Tun dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kali Yang Kedua Belas pada petang ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, apa yang saya nak sebutkan kali ini ialah yang pertamanya setelah 2 tahun Kerajaan Pakatan Rakyat diberi mandat tugas dan tanggungjawab untuk memerintah Negeri Pulau Pinang jelas kepada

seluruh rakyat bahawa Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Y.A.B. Ketua Menteri ternyata tidak cekap apatah lagi dengan pembantu-pembantu beliau yang terdiri daripada DAP sendiri PKR seperti Timbalan Ketua Menteri 1, Ahli Y.B. Penanti bagi sayalah hanyalah pak turut semata-mata.

Ahli kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan. Peraturan 46 (xiii) d dan c, saya minta Ahli Y.B. Pinang Tunggal menarik balik perkataan pak turut. Apa maksudnya pak turut, ia menyakitkan hati dan menyentuh peribadi seseorang jangan gunakan perkataan itu. Beliau adalah Timbalan Ketua Menteri beri penghormatan apa maksud pak turut? Saya minta Y.B. Tuan Timbalan Speaker mengarahkan Y.B. Pinang Tunggal menarik balik perkataan tersebut...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, sila tarik balik perkataan itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Pak turut itu tak boleh digunakan maksud pak turut itu saja mengikut begitu menyentuh peribadi, beliau adalah Timbalan Ketua Menteri bagi penghormatan kalau dibuat arahan fatwa tarik balik...(gangguan) baca dulu perkataan fatwa, baca dulu peruntukan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Y.B. Seri Delima, sila duduk. Ahli Y.B. Pinang Tunggal bagi saya perkataan itu pak turut juga ada sedikit menghina orang itu. Bagi saya...(gangguan), sila tarik balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Bagi saya beri penjelasan dulu, ini tak mahu jadi macam dua tiga kerat...(gangguan), kena keluar Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker telah membuat satu arahan, patuhi arahan jangan mengingkari arahan Y.B. Tuan Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya tengok perangai Y.B. Seri Delima daripada kelmarin, kelmarin dulu saya tengok dalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan cakap banyak tarik balik, saya nak cakap Y.B. Tuan Timbalan Speaker...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Halau dia keluar Dewan, Y.B. Tuan Timbalan Speaker, halau dia keluar Dewan, halau dia keluar Dewan lebih baik....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tarik balik, jangan tunjukkan emosi dalam Dewan ini...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima, Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, bukan saya saja yang meluat dengan perangai dia, malah saya rasa bukan yang sini saja, belah sana pun di luar sana pun meluat dengan perangai dia.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tak nak kata yang lebih-lebih Y.B. Seri Delima ini...(gangguan), saya cakap Y.B. Tuan Timbalan Speaker, hambat dia keluar Dewan, hari ini, esok lusa pun boleh.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya nak selesaikan perkara itu dulu. Saya sudah buat keputusan Y.B. Pinang Tunggal tarik balik perkataan itu saja pak turut kan?

Ahli kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya kata pak turut, tuan tubuh sendiri tak kata apa, komen sikit pun. Orang yang berkenaan tak ada masalah apa pun senyum elok saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker :

Y.B. Seri Delima, saya suruh duduk kan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Orang yang menurut perintah, jadi makna kalau nak faham makna si pak turut mai duduk dengan sayalah tukar nama Roslanlah, Y.B. Batu Maung tukar bin Roslan....(gangguan), ada perkataan pak turut tak buat salah apa pun.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Memang tak salah pun tapi bagi saya perkataan itu satu perkataan yang menghinakan. *You* boleh kata apa polisi yang telah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya nak merujuk kepada...(gangguan), kalau di kalangan sahabat saya duk cakap ayat zalim dan sebagainya kena...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal boleh kata apa polisi yang telah ditetapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri itu Timbalan Ketua Menteri hanya setuju tak apa cukup tapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tak apa saya kata macam pak turut...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, lagi menghina.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker :

Y.B. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tak apa lah tapi lebih kurang macam itu lah, saya nak kata Dewan faham yang di luar sana pun faham, tarik balik pun tapi tak ada masalah....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya minta beliau tarik balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Hang duduk.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima...(gangguan), Ahli Y.B. Pinang Tunggal telah menarik balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tengok!

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan tunjukkan perangai bengis di dalam Dewan ini, tolong hormat.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Nak teruskan ingatkan okey, Y.B. Tuan Timbalan Speaker saya teruskan. Satu saya nak kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Peraturan-peraturan. Saya nak ambil peraturan 43 (xiii) (a), 46 (xiii) (b), *sorry* (c) Y.B. Tuan Timbalan Speaker, masa Y.B. Pinang Tunggal dia berlagak liar dalam Dewan ini tidak menghormati langsung kepada prosiding Dewan dan menuding jari kepada, riak dan sebagainya. Saya rasa ini kena minta maaf kepada Dewan ini kerana menggunakan perkataan bingung berkenaan perkataan bingung. Saya minta....(gangguan). Saya sudah buat keputusan... (gangguan), saya cakap dengan sopan kalau boleh *you* hormati saya dengan cakap sopan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Kalau *you* hormat saya, 10 kali saya hormat *you*.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya tidak bertindak liar ..(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pantai Jerejak sila duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tengok, saya tahu hormat kalau orang itu hormat saya, 10 kali saya hormat orang itu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya memang hormat *you*, tapi saya minta *you* tarik balik. Minta maaf.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker dah sebut suruh saya teruskan, apa minta maaf .

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Kerana tidak menghormati Dewan ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) :

Saya nak teruskan, yang tadi jangan disebutkan, saya sedih sangat dan ada perkataan rujuk, ayat tadi saya tak sebut dah saya cuma kata ayat tadi dan tunggul bernyawa, kerana apa saya berkata demikian, dua perkara yang telah saya sebut. Apa yang berlaku di Pulau Pinang ini, khususnya kepada umat Melayu, kepada orang-orang Melayu. Mereka yang saya sebutkan tadi bukan tahu apa-apa pun, tidak ambil tahu pun. Jadi apa yang berlaku di Pulau Pinang khususnya kepada orang Melayu. Penanti, Batu Maung. Permatang Pasir tidak adalah, dia sahabat kita. Adik beradik pula, tidak tahu ambil langsung.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):

Terima kasihlah kerana mengaku adik beradik. Bagi saya bukan setakat adik beradiklah, saya rasa lebih dari itu, kalau ikut kitalah, sama masuk parti saya.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Baru angkat sikit sahaja dan-dan kalih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Dato' Tuan Speaker. Saya sebut demikian kerana apa? lalah betul kalau ikut-ikutkan nak ajar dia mai sini. Dia pun sikit-sikit sahaja nak mai dah. Di sebabkan tidak cekap. Kepimpinan Melayu tak tahu apa tak ambil tahu langsung kita tengok keadaan negeri kita apa jadi? Dari segi keadaan ekonomi? Cuba tanya jawab sendirilah, pelaburan tak masuk langsung. Tak memberangsangkan. Kalau nak bandingkan dengan Perak katakan Perak jauh lebih tinggi.

Saya nak sebutkan saya ragu takut pada masa-masa depan. Dengan adanya Kerajaan Pakatan Rakyat takut Pulau Pinang dari segi ekonominya jauh lebih teruk daripada Perlis kita bimbang sungguh, kerana kita tahu banyak pelabur-pelabur yang besar yang berteknologi tinggi semua pakat labur contohnya di Kulim, di Perak. Saya tanya soalan banyak jawapan yang diberi. Puluhan *company* yang tutup dan sebagainya. Yang tutup sebagainya. Banyak dah. Sahabat-sahabat saya dah sebut. Banyak. Jadi Y.B. Tuan Speaker, apa yang akan berlaku dengan kedudukan ekonomi negeri ini? Pada masa depan ini menyebabkan rakyat jadi risau.

Rakyat jadi risau, saya dekat kampung-kampung ramai di kalangan rakyat berjumpa saya sebutkan. Bukan untuk orang Melayu sahaja tapi orang India malah kaum Cina juga. Mereka jadi bimbang dan ragu nak lalui saat-saat getir macam ini dalam perniagaan mereka. Sekarang depa nampak lembap.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong beri laluan. Sedarkah Y.B. Pinang Tunggal menurut pengetahuan saya, yang Kerajaan Negeri telah pun mencatat lebih boleh kata sebanyak RM77 juta berbanding dengan defisit. Adakah benda ini membimbangkan rakyat Pulau Pinang atau membimbangkan pihak Barisan Nasional sahaja? Saya ingat Barisan Nasional tak patut bimbang dan menarik rakyat untuk turut bimbang bersama.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya ingat Jawi ini bercakap dengan Sungai Aceh saja saya tak faham saya pun tak berapa faham. Jadi biarlah orang lain jawab. Jadi kalau kita tahu yang masuk mai sebenarnya daripada MIDA. 2009 berbilion-bilion. *State* buat apa?

Y.B. Tuan Speaker, apa yang saya sebut di kalangan peniaga-peniaga tadi melahirkan rasa bimbang terutama dengan peniaga-peniaga kecil dan mereka rasa sukar untuk meneruskan kehidupan ini. Untuk meneruskan perniagaan ini. Bertambah buruk lagi dengan sikap Kerajaan Pakatan Rakyat yang ada hari ini. Nampak terlalu saya nak sebut nanti suruh duduk pula. Saya nak sebut terlalu, semua faham dah, zalim.

Pasal dah tanya saya beritahulah. Saya tak mahu sebut tadi. Tapi bila penyokong kerajaan tanya saya jawablah. Terlalu zalim saya kata terlalu zalim dan kejam. Kejam pasal apa sahabat-sahabat saya juga dah sebut. Roboh premis-premis perniagaan pengusaha kecil tanpa belas kasihan langsung. Bayangkanlah kita ada kerja kita ada meniaga kita. Kita ada 5, 6 orang anak juga. Tapi cuba bayangkan peniaga-peniaga kecil kita. Yang kena roboh gerai-gerai mereka. Datang sujud merayu dengan mereka. Yang Berhormat mengapa Barisan Nasional dahulu tak macam ini pun. Berbeza dengan zaman Pakatan Rakyat ni pula anak saya ada 11, saya takat 5 sahaja. Dia kata dia ada anak 11.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Isu ini telah pun dibangkitkan dalam Dewan ini. Kalau tak silap 5, 6 kali.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tahu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Kita beri peluang kepada Ahli EXCO untuk memberi jawapan dalam penggulungan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya faham Y.B. Tuan Speaker, tetapi saya juga berhak kerana saya juga mewakili satu kawasan Pinang Tunggal yang mana ada juga yang kena. Jadi kalau saya tak bangkitkan perkara yang sama sepertimana kawan-kawan saya yang lain bangkitkan di kawasan mereka apa maknanya diberi mandat tugas dan tanggungjawab. Bukan menang kecil menang besar. Besar dari kawan-kawan saya yang lain. Bukan saya nak juah cakap tak. Memang betul. Y.B. Tuan Speaker, pada zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu kita biasa lalu zaman gawat, gawat ekonomi so kerajaan bagi peluang seluas-luas pada rakyat untuk mulakan perniagaan di mana-mana sahaja lokasi. Yang sesuai untuk meringankan hidup mereka, dulu zaman Barisan Nasional tapi kita tak robah tak ketahuan hala.

Kita tak berlaku zalim, tunjuk perangai yang tak elok. Kesian dengan orang. Zaman tu juga ramai rakyat yang diberhentikan kerja. Dari sektor perkilangan mereka telah mulakan perniagaan kita faham orang yang kena buang kerja meniaga secara kecil-kecil di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk mencari rezeki untuk meneruskan kehidupan mereka dan keluarga. Tapi malang pada hari ini seperti kata saya tadi Kerajaan Pakatan Rakyat melihat rakyat yang marhaen ini. Y.B. Tuan Speaker faham perkataan marhaen? Mana tahu takut ada orang yang tak faham dan nak suruh saya duduk pula. Melihat rakyat yang marhaen ini yang tumpang cari rezeki di setiap sudut negeri.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker, saya nak terang sikit. "Marhaen" tu *opposite* dia (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasihlah kerana boleh jadi Jurubahasa pun jadilah. Boleh jadi Jurubahasa untuk saya pun jadilah kerana saya orang Melayu juga.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, peraturan sekali lagi. Jangan menghina balik kepada peraturan yang sama menggunakan perkataan yang menyakitkan hati saya. Dia mengelar beliau Timbalan Ketua Menteri sebagai Jurubahasa. Kalau dia tak faham itu masalah dialah, hormatlah sikit. Saya berbahas pun dengan Ketua Pembangkang pun saya cakap Ketua Pembangkang Y.B., Cuma Dato' Keramat sahajalah yang kata lain.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini saya rasa jangan menyindir.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Seri Delima. Sila duduk.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Orang panggil lain tadi apa dia. Tadi *you* sebut apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Time tu *you* tak ada di Dewan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau saya tak ada di dalam Dewan kalau dipanggil *time* itu bukan *gentleman*. Sekarang panggillah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya panggil Y.B. Penaga minta panggil. Dia minta panggil, saya nak panggil. Saya panggil Yang Berhormat, Yang Berhormat Punggong. Kerana pada sesi yang lalu *especially this area*. Punggong Yang Berhormat, aksi Yang Berhormat menunjuk punggong pada kita. So saya berhak menurut rakan kita Y.B. Seberang Jaya sesuatu yang benar itu berlaku kita berhak untuk menyatakan itu. Saya berhak untuk menyatakan bahawa Yang Berhormat adalah Yang Berhormat Punggong. *This is freedom of expression*.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey, saya pula nak panggil, Yang Berhormat pula kaki main punggung.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu serius. Tarik balik. Saya ada bukti kamu tunjuk punggung jadi *you* boleh digelar Yang Berhormat Punggung.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan main-main di sini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ada kah dalam Dewan perbincangan ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tarik balik sekarang...(gangguan). Saya ada bukti, kamu tunjuk punggung, jadi kamu digelar Y.B. Punggung.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Sesiapa yang tak duduk saya akan minta dia keluar dari Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta dia tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Duduk dulu. Duduk dulu. Pertama sekali saya ingin selesaikan peraturan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Seri Delima tentang perkataan yang menyatakan bahawa yang menghinakan tapi bagi saya Ahli Pinang Tunggal hanya kata jika TKM I nak jadi Jurubahasa dia boleh jadi Jurubahasa.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Jurubahasa pun boleh lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu ada maksudnya.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tapi untuk dia cuba nak terangkan makna yang disebutkan itu. Itu sahaja. Bagi saya itu tiada apalah. Tentang hal yang dibangkitkan oleh Ahli Datok Keramat kerana isu yang dibangkitkan oleh Ahli Datok Keramat, kerana Y.B. Datok Keramat telah sebut Y.B. Punggong dulu, kerana telah *provoke*, Ahli Penaga untuk menjawab balik, *so one all*,....saya harap Ahli Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dia yang minta saya panggil dia.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, itu adalah tuduhan serius, mana dia boleh tuduh kata main punggong, mana boleh!

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Dato' Keramat bagi saya, yang mulakan ini dahulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mana boleh dia kata main punggong. Tak boleh kata macam itu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Dato' Keramat yang mulakan ini dahulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Bukan. Saya berasa dia mula dulu. Dia yang tunjuk punggong kepada saya.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta dia tarik balik. Dia menunjukkan punggong dia Y.B. Tuan Speaker, dan semua orang menonton.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dia yang minta saya panggil.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tak boleh, dia kena tarik balik, tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Semua Yang Berhormat sila duduk. Siapa yang tidak mahu duduk minta dia keluar. Saya serius dan minta dia keluar.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Perkataan itu tidak boleh digunakan Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tidak berasas.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak berasas Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya sudah buat keputusan tetapi bagi saya Y.B. Datok Keramat yang sebut perkataan itu dulu.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu benar berlaku di dalam Dewan, orang pernah menonton di Dewan... (gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Hal itu telah selesai.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta dia tarik balik. Minta dia tarik balik, dia gunakan perkataan itu, saya minta dia tarik balik perkataan itu.... (gangguan). Jangan lari, jangan lari.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Seri Delima, saya minta Y.B. Seri Delima sila duduk. Datok Keramat, sila duduk. Semua diminta duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini tidak adil. Sebelum keputusan dibuat saya mesti berhak didengar dahulu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya sudah faham, saya sudah bagi tahu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Mana boleh pergi cakap main belakang macam itu. Jangan main-main cakap macam itu kepada orang, itu tidak hormat tahu. Saya cakap *you* Y.B. Punggung sebab *you* tunjuk punggung kepada saya. Itu buktinya dan semua di sini telah lihat. Ini terlampau. *Simply just go and wag*. Mesti tarik balik ... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Tuan Speaker, saya pohon sila guna kuasa Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini terlampau. Dia mesti tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya hendak beri Y.B. Pinang Tunggal teruskan perbahasan. Saya sudah buat keputusan, kalau bagi saya memang Y.B. Penaga telah di *provoke*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I never provoke, I did not provoke you, but you ask for it. You minta dipanggil *so I* panggil *you* lah. Y.B. Tuan Speaker, ini serius.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Penaga sila duduk. Saya sudah buat keputusan. Y.B. Datok Keramat(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Its too much. If you can't make a decision on that I am walking out of here.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Yes.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Punggung *you wil regret this. Without any asas go and talk like that.*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Peraturan, peraturan.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

That is serious, I am also objecting to it, Y.B. Tuan Speaker, dia tidak boleh guna perkataan itu, saya minta dia tarik balik. How can he say that. Y.B. Tuan Speaker, that cannot be allowed.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Seri Delima, kalau *you* nak keluar dari Dewan ini, *its up to you. You all are free to do that. I have already make a decision.*

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

He cannot be allowed to use such word in the Dewan. Y.B. Tuan Speaker, let me explain. He cannot use such words in the Dewan, mana boleh gunakan perkataan itu, main punggung, itu adalah satu tuduhan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Seri Delima, sungguhpun dia cakap jika berani *you* cakap tetapi dia tidak boleh. Sudah tahu bukan.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Macam gengster dia panggil saya keluar gaduh, ada ke tidak? Ketua Pembangkang adalah ketua gengster, ketua gengster, berlagak macam ketua gengster.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima apabila Speaker bercakap, sila duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Semakin tidak senonoh. Y.B. Tuan Speaker, guna kuasa Speaker.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta dia minta maaf kepada saya sekarang kalau tidak boleh keluar dan gaduh. Ketua gengster, tidak layak menjadi Ketua Pembangkang, samseng UMNO, tunjuk samseng dengan saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan tohmahan yang dibuat tadi, saya main punggung, saya minta dia sekali lagi tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya sudah buat keputusan, dia tidak perlu minta maaf.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak terima keputusan ini.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Okey, terima kasih. Y.B. Pinang Tunggal, sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Speaker, akhirnya saya yang baik. Satu pantun untuk Y.B. Tuan Speaker...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta jalan. Sebelum Y.B. Pinang Tunggal teruskan ucapan dia, saya minta juga supaya dia jangan menggunakan perkataan-perkataan sinis supaya Dewan ini aman sedikit.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih Penanti. Tetapi yang sebelum-sebelum ini hebat. Y.B. Tuan Speaker nampak baik dengan saya hari ini, satu pantun untuk Y.B. Tuan Speaker, tanam pinang rapat-rapat agar puyuh tak dapat lari, Speaker dulu pun hebat, hari ini hebat lagi.

Y.B. Tuan Speaker, saya nak sambung yang tadi. Tadi saya kata, ayat marhaen tadi, tumpang mencari rezeki di setiap sudut negeri yang bertuah ini tetapi mereka ini disebut sebagai petualang, sebagai haram, sebagai jijik dan pengotor oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Jelas nampak, semua orang tahu, semua orang nampak dan saksi sendiri apa yang sudah berlaku sebelum ini. Dalam tindakan meroboh premis-premis perniagaan yang telah diambil dengan cara yang, saya tidak mahu sebut, kalau sebut leceh lagi, tanpa rasa simpati dan belas kasihan. Mereka telah menjadi pengemis di tanah mereka sendiri. Begitu juga dengan peniaga-peniaga di kampung-kampung yang berniaga di depan rumah, tarif air dinaikkan, daripada pengguna biasa menjadi perniagaan. Bayangkan berapa duit mereka boleh dapat, jual ais, jagung, berapa duit boleh dapat. Sejak PKR memerintah Negeri Pulau Pinang daripada pengguna biasa kepada perniagaan, bayangkan.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat bahawa mereka berada di tampuk kuasa, duduk di kerusi empok pada masa ini adalah hasil undi pengundi-pengundi yang dilihat jijik oleh mereka, yang dilihat kotor oleh mereka ini.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta maaf, saya terpaksa membangkitkan peraturan lagi. Y.B. Tuan Speaker telah memberi amaran supaya tidak mengulangi lagi kenyataan-kenyataan tersebut. Ini adalah kenyataan-kenyataan yang menghasut mengatakan kita tidak menghormati pengundi-pengundi. PKR tidak melayan pengundi-pengundi sebagai orang yang jijik. Kalau kita mendiamkan diri dan membenarkan beliau teruskan dengan ucapan ini akan menunjukkan kita tidak menghormati pengundi Negeri Pulau Pinang. Saya minta dia tarik balik, kalau hendak buat satu penghujahan, perlu buat penghujahan yang bernas, jangan guna perkataan-perkataan sedemikian. Dari dulu lagi saya telah lihat, jurubahasa lah, kita tidak menghormati pengundi kitalah, jijik dan sebagainya.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Bagi saya apa Y.B. Pinang Tunggal kata pengundi atau rakyat Pulau Pinang akan membuat keputusan dalam 2 tahun ini dan tentang perkataan jurubahasa, bagi saya jurubahasa itu *expert in language* tau, *its not an insult to me*, tak apa, itu pandangan saya. Bagi saya itu satu kepujian. Saya sudah buat keputusan.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu menghina Y.B. Tuan Speaker. Tak boleh benarkan(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, ini bukan nasihatlah, cuma melihat perkataan dan kenyataan dalam konteks bukan di luar konteks.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Pinang Tunggal sila teruskan. Bagi saya rakyat Pulau Pinang akan buat keputusan dalam tempoh dua tahun ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Ya, itu yang saya sebut pun. Saya sampaikan apa yang rakyat sampaikan kepada saya yang saya dengar dengan telinga saya sendiri. Saya sungguh simpati dengan rakyat kerana mereka telah tertipu dengan dakyah dan kepura-puraan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat yang konon ingin membela mereka, ingin membela rakyat dan menegakkan keadilan. Penipuan ini menyebabkan rakyat telah mengundi mereka dengan harapan yang menggunung tetapi akhirnya mereka ini dipandang jijik, dizalimi dan sebagainya. Contohnya penduduk Kampung Buah Pala, sehingga hari ini bertempiran dan menadah tangan memohon simpati.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mereka yang jual tanah itu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima, ada minta laluan tidak?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Dia tidak minta pun, saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan buat tuduhan liar macam itu dan *expect us to keep quiet*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tidak bagi, tidak bagi. Sudahlah, saya hendak teruskan. Ini kawasan Seri Delimalah. Y.B. Tuan Speaker, adakah kerajaan, saya hendak tanya Dewan yang mulia ini, adakah Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang yang dikatakan bertanggungjawab ini yang menabur janji pada tahun 2008 dengan seribu janji, menanam harapan yang menggantung kepada rakyat jelata, selepas 2 tahun perbezaan yang dapat dilihat di antara Kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat ibarat langit dengan bumi, saya tidak mahu sebut ibarat langit dengan bumi saya hendak sebut ibarat langit dengan kawah gunung berapi, punya bezanya. Rakyat Pulau Pinang yang bertuah ini hidup dalam keadaan yang sempit, dihimpit oleh masalah ekonomi, peluang pekerjaan

yang semakin menguncup dengan kedatangan pelancong-pelancong yang berkurangan, tidak menyerlah sama sekali. Ditambah dengan buruknya lagi sikap Kerajaan Pakatan Rakyat yang membuat rakyat sentiasa curiga antara satu sama lain. Dapat kita lihat pada hari ini, kehidupan rakyat yang aman damai sebelum ini, yang mesra dan akrab antara satu sama lain.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Minta laluan, Ahli Kawasan Pinang Tunggal, kalau berbahas, bahas dengan fakta-faktalah, jangan bahas suka hati, *you know* untuk *backing* dan buat sandiwara sahaja, ada fakta, cakap apa fakta, kalau *you* cakap beza antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional, apa perbezaan?, bezanya Barisan ini semua buruk *and corrupted leaders*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Omar Shah):

Tolong tarik balik, Barisan *are not corrupted*.

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tak boleh tarik balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Omar Shah):

Barisan *not corrupted*, bila *court* kata *corruption approval*....(gangguan).

Ahli Kawasan Sri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak perlu tarik balik, siapa bagi RM3 juta untuk sekolah Cina selepas menang pilihan raya ..(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Seberang Jaya, Ahli Seri Delima. Tolong minta laluan pada Pinang Tunggul, sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggul (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya teruskan, saya pun tidak mahu melayan Ahli Kawasan Bagan Dalam, kalau melayan lagi kacau. Jadi jelas kita nampak demi memperolehi kuasa di kalangan kepimpinan Pakatan Rakyat sanggup tanam sentimen perkauman dan sebagainya yang mendalam di hati rakyat. Saya hendak bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, apa akan terjadi, sekali lagi saya hendak bertanya, apa akan terjadi pada Negeri Pulau Pinang dan negara Malaysia yang tercinta jika Pakatan Rakyat kekal memerintah. Jawapannya adalah negara kita akan hancur dan akan musnah. Jadi menyedari dengan hakikat yang tersebut Kerajaan Barisan Nasional telah pun bertungkus lumus memikirkan dan memperkenalkan pendekatannya dan dasar yang boleh menyelamatkan negara di kancuh kehancuran hasil daripada tindak tanduk dan ini Anwar Ibrahim kena jawab, ini Israel sudah jawab kedudukan macam mana. Konsep satu Malaysia yang murni cuba di cemari pelbagai tohmahan sepatutnya apa yang baik kena sokong dan dijunjung ataupun diperkemas lagi supaya matlamat murni untuk disatukan rakyat dapat dicapai. Tetapi sungguh dukacita bagi saya kerana ianya tidak ada makna bagi Pakatan Rakyat kerana perpecahan akan memberi tentangan kepada Pakatan Rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggul (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tidak bagi laluan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Sila duduk Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggul (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Speaker, saya tahu di kalangan sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun sebut, tetapi saya hendak sebutkan juga dan mengalami sendiri dengan apa yang rakyat kita alami. Contohnya di kawasan saya, rakyat yang lemah yang tidak ada upaya seperti orang tua-tua telah pun

dijadikan modal politik Kerajaan Pakatan Rakyat ini, semua sedia maklum, dengan berikan RM8.33 sebulan, satu hari 27 sen, bayar bil masuk tandas pun tidak cukup. Jadi tengoklah Kerajaan Pakatan Rakyat hina kaum yang lemah, rakyat yang lemah, masa Kerajaan Barisan Nasional dahulu kita banyak juga menyalurkan bantuan dan sebagainya. Sekarang bantuan ini diteruskan, daripada Merdeka dahulu sehingga ke hari ini, kita tidak pernah pun mempolitikkan benda seperti ini, kita buat sahaja, kita buat kerja, kita tunaikan tanggungjawab kita. Kita jaga kebaikan rakyat yang kurang berkemampuan ini, kita tahu mereka ini banyak jasa kepada rakyat paling tidak pun kepada keluarga mereka sendiri. Kita tidak mahu mempermainkan mereka, tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat yang ada hari ini canang. Canang satu dunia hanya kerana RM8.33, dan satu hari 27 sen, bayangkan.

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat juga seperti mana-mana yang saya katakan tadi pagi, petang, siang, malam, subuh, senja hentam Barisan Nasional, tidak tuluslah, korapsi, macam tadilah, tanpa ada secebis bukti pun, tidak ada bukti juga. Ada bukti kah? Tidak ada pun, tetapi hentam kita, pagi, petang, siang, malam, subuh, senja, hentam, di kawasan saya pun sama juga, tetapi kita tidak masuk campur pun, kita apabila diberi mandat tugas dan tanggungjawab kita buat kerja. Kita buat kerja untuk rakyat, kita bela rakyat, kita tidak ceramah pun hentam. Kita buat sekali sepanduk kita bubuh, poster kita bubuh, tidak sempat dua hari, gugur habis, digugurkan habis.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang tender projek-projek yang dibuka untuk menutup mata rakyat, setelah tender ditutup akan berlaku perundingan di belakang dengan syarikat yang Kerajaan Pakatan Rakyat suka, semua orang tahu yang ini. Tidak perlu saya nyatakan satu persatu, tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa tindakan yang tidak tulus ini, rakyat sembang di mana-mana sahaja. Perbualan rakyat jelata di mana-mana sahaja.

Y.B. Ahli Kawasan Bayan Baru telah dituduh dengan macam-macam dengan begitu dahsyat sekali dalam kes tender, kawan-kawan saya telah sebut, tender kelab golf Bukit Jambul. Rupa-rupanya tuduhan itu, tuduhan Y.A.B. Ketua Menteri dengan Kerajaan Pakatan Rakyat hanya untuk mengalihkan perhatian rakyat kepada apa yang sebenarnya berlaku, semua kita tahu yang sebenarnya Y.A.B. dan Kerajaan Pakatan Rakyat ingin memberikan kontrak ini kepada, ya lah kita tahu juga, saya pun tidak payah habiskan ayat saya. Kita tahu apa yang terjadi dengan syarikat ini? Latar belakang syarikat ini bagaimana? Pengalaman mereka sangat meragukan.

Jadi salah kah, dan bukan saya hendak membela Ahli Kawasan Bayan Baru, tetapi bagi sayalah, saya ingatkan balik sejarah Pakatan Rakyat, sejarah Keadilan di Pulau Pinang ini pada masa dahulu, siapa pun tidak mahu hampir dengan dia, melainkan Ahli Parlimen Bayan Baru, terkontang-kanting seorang, belanja duit dan sebagainya. Bentuk dan dia dapat bersama-sama bagi Pulau Pinang ini, Ahli Kawasan Penanti pun saya faham, kedudukan dan keadaan macam mana pada masa itu, saya pun tahu begitu juga Ahli Kawasan Batu Maung, saya faham kedudukannya macam mana pada masa itu, tetapi saya tunggu masa mana hendak ikut jejak Ahli Parlimen Bayan Baru, tunggu.

Jadi kita tengoklah, hakikat yang sebenarnya Ahli Parlimen Bayan Baru ini kita tahu kedudukan dia macam mana yang membawa Negeri Pulau Pinang menjadi hak milik Kerajaan Pakatan Rakyat, kita tahu semua orang tahu, salah kah lagi dia, dia pun wang ringgit banyak yang kita tahu, keturunan orang yang berada-ada belaka, kita tahu, tetapi salah kah bagi dia sama-sama bagi dapat negeri ini, apa kah salah bagi dia hendak tolong kawan-kawan dia juga, tidak salah pun, tetapi tidak di sebalik itu ada cerita lain dan macam ini lagi baik, jadi tidak tahulah, ini Ahli Kawasan Batu Maung dan Penanti apa yang difikirkan sekarang ini tidak tahulah.

Jadi Y.B. Tuan Speaker, seperti mana yang kita sedia maklum juga, projek-projek yang dilaksanakan di Pulau Pinang pada masa ini terlalu lembap, projek-projek yang kita lihat pada masa ini yang telah pun...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Peraturan, saya hendak minta 46, 13 (c), saya minta Ahli Kawasan Pinang Tunggal, minta maaf daripada Ahli Kawasan Penanti dan juga Batu Maung kerana menyakitkan hati mereka, kerana tidak berasas, tidak menunjukkan sebarang bukti, cakap kosong sahaja boleh, saya hendak minta Y.B. Pinang Tunggal minta maaf dan tarik balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya hendak minta Ahli Kawasan Pantai Jerjak, tunjuk bukti, Ahli Kawasan Batu Maung dengan Penanti rasa sakit hati, mereka sedang senyum elok sahaja saya tengok Ahli Kawasan Batu Maung dan Penanti sama sahaja senyum elok tidak ada apa-apa pun. Ahli Kawasan Pantai Jerjak yang nampak bangkit....(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker, Peraturan yang sama.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kalau Y.B. Kawasan Pinang Tunggal hendak sambungkan perbahasannya tidak perlu bercakap seperti itu, tidak perlu tuduh menuduh orang, tidak payah cakap Ahli Kawasan Bayan Baru, kita juga ada ruang untuk bercakap sekejap lagi. Jadi cakap dengan *point* berkenaan dengan mengatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bagus, cakap Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bagus, bagi tahu apa dia yang tidak bagus, kami dahulu buat bagus, apa dia, dahulu apa buat yang bagus, ini Pakatan Rakyat yang buat apa yang tidak bagus, cerita seperti itu, kita pun hendak mendengar.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya juga ada satu nasihat, jika Ahli Parlimen Bayan Baru, tidak puas hati dengan tuduhan itu, dia kata tuduhan, kita boleh bawa kes ini ke Mahkamah Tinggi, bawa ke mahkamah lah kita boleh mendakwa Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta dia tarik balik.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Bolehkah Ahli Kawasan Pantai Jerjak, beritahu apakah perkataan yang disebutkan itu. Apa ayat yang dia sebutkan itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Biar saya jelaskan, fahaman saya bermaksud mereka ini. Yang Berhormat-Yang Berhormat ini berniat sendiri untuk mendapatkan kontrak tersebut, itu kah maksudnya Yang Berhormat tadi, ataupun mereka ini membuat perkara yang tidak betul. Tetapi jangan cakap begitu, kalau benar, berani berikan fakta budi bahasa budaya kita, pandai bahasa, pandailah, kalau pandai buat perbahasan yang elok, berikan nas-nas dan fakta jangan kata dan buat tuduhan yang melulu begitu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Kawasan Pinang Tunggal, sila teruskan perbahasan, saya berikan dua minit lagi, kerana sudah setengah jam.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Banyak cantik, Ahli Kawasan Seri Delima, budi bahasa budaya kita, tengok, budi bahasa budaya kita, banyak cantik dia.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tinggal satu minit sahaja.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Boleh saya *respond* Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tidak payah, cukup.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tak berani, tak apa.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya katakan tadi apa yang Kerajaan Barisan Nasional yang buat dahulu, itu yang ada pada hari ini, Kerajaan yang ada hari ini Pakatan Rakyat tidak buat apa pun, hendak tahu pergi tanya sendirilah, tidak perlulah saya hurai, kalau saya huraikan boleh sehingga ke pagi esok, kalau mahu dengar saya hendak hurai. Jadi makna kata kalau duduk di situ tidak dapat apa memang itulah cerita dia.

Saya sambung lagi Y.B. Tuan Speaker, kenapa perkara ini berlaku sedangkan Kerajaan Pakatan Rakyat pada hari ini melaungkan bahawa mereka merupakan Kerajaan terbaik, mengamalkan CAT, dan sangat tulus, *pro business*, jawapannya sangat mudah. Semua laungan itu hanya tipu, muslihat belaka dan tidak lebih daripada politik untuk menipu rakyat untuk mendapatkan

undi, kenapakah saya berhujah demikian, sebabnya banyak pelabur-pelabur takut untuk melabur, itu salah satunya, dan ini dasar-dasar kerajaan yang ada hari ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang ada pada hari ini yang ditunjangi DAP tidak *consistent* langsung, setiap hari polisi berubah, hari ini, macam ini, esok macam itu, hari ini mungkin syarat ini, esok syarat itu, hari *free* kelulusan, syarat berikan kelulusan RM500.00, mungkin esok naik RM1,000.00.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya hendak teruskan, dan yang lain Y.B. Tuan Speaker, saya ingat saya pun hendak tinggalkan dua, tiga perkara, kerana banyak lagi, yang lebih malang lagi, ini Y.B. Tuan Speaker perlu saya sebutkan tidak tahulah, yang lebih malang, yang saya dapat tahu, sebelum sesuatu projek diluluskan, lawatan tapak perlu diaturkan antara pelabur dan wakil rakyat kawasan. Apakah tujuan syarat seperti ini? Saya hendak minta penjelasan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang ada sekarang ini, yang saya dengan macam itu? Saya tidak boleh jawab apa, saya hendak tanya sahaja, betulkah seperti itu, kita telah memerintah lebih lima puluh (50) tahun, kita tidak buat seperti itu pun, tidak buat pun kerja yang gila seperti ini. Wakil rakyat berbincang dengan orang yang hendak membuat projek dan sebagainya.

Jadi inilah Kerajaan yang kononnya kata bersih, tidak mengamalkan perkara rasuah kroni, ulasan wakil rakyat menjadi salah satu syarat kelulusan projek, tidak cukupkah saya hendak bertanyakan Y.B. Tuan Speaker dengan ulasan jabatan-jabatan teknikal dan sebagainya, yang ini kena ada pula ulasan wakil rakyat yang tidak ada pengalaman. Satu tidak ada pengalaman, menjadikan faktor untuk luluskan sesuatu projek ini. Ini wajah yang sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat yang memerintah Negeri Pulau Pinang ini. Sebab itu projek-projek yang dahulunya sangat dibenci oleh Pakatan Rakyat tetapi kini menjadi kawan baik, ini kontrak-kontrak la. Kontraktor. Jadi yang anehnya kita tahu projek di Pulau Pinang ini, projek di kawasan masing-masing tetapi ada di antara pelabur dan pemaju ini dan wakil rakyat sampai ke Hong Kong, Indonesia, Taiwan dan Singapura.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya juga ada satu nasihat, jika ada kes macam ini, sila laporkan kepada SPRM lah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Tuan Speaker saya juga ingin bertanya kepada Batu Maung. Kita tahu tentang bidang tugas dia tetapi awal dulu Batu Maung ada wujud Jawatankuasa Pemantau Pengguna, *Consumer Watch*(dengan izin). Jadi saya nak tanya apa jadi dengan Jawatankuasa ini? Berapa kali dah *meeting* siapa yang duduk jalan jawatankuasa itu? Berapa peruntukan? saya nak tanya,

persoalan ini, *and then* buat apa? Kerana apa, kerana saya juga diberi mandat untuk pegang tanggungjawab untuk memantau jawatankuasa itu. Saya dapati satu pun tak buat apa, yang ada di bawah Kerajaan Persekutuan, ada diwujudkan gerakan pengguna negeri ini di bawah persekutuan antara jabatan dengan NGO. Bergerak tiap-tiap minggu bergerak, adakah program pendidikan pengguna. Adakah kempen kesihatan kurang pengambilan gula, didedahkan juga dengan berbagai-bagai Akta, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga 1986, Akta Kawalan Bekalan 1961, Aktra Jualan Langsung 1993, ini semua hak yang Kerajaan Persekutuan, jadi di bawah Batu Maung tak nampak apa pun sampai ke peringkat *no plastic day*.

Y.B. Tuan Speaker, hari tanpa plastik, tak nampak muka pun Batu Maung yang ada Sungai Puyu. Sungai Puyu pergi majlis itu, pelancaran itu, hari tanpa plastik untuk hari Isnin, Selasa, Rabu kepada *hypermarket, supermarket* dan sebagainya. Begitu juga dengan kempen, kempen jangan guna bekas makanan yang putih tu, ini juga Sungai Puyu ambil alih. Jadi Batu Maung buat apa pun, tak tahu la.

Y.B. Tuan Speaker...(gangguan), saya juga ingin sebut dalam Dewan yang mulia ini, iaitu bersangkutan paut dengan kebersihan kualiti air dan sebagainya di Sungai Kulim. Baru-baru ini saya dapatkan dengan *google map*, saya dapatkan *satellite image* tu, *satellite image*. Y.B. Tuan Speaker, jadi, saya dapati air yang mengalir melalui Sungai Kulim ini daripada kawasan Kulim, kawasan Lunas, kawasan kilang dan sebagainya semua ini, disalurkan melalui kawasan kita dan diproses di Bukit Tok Alang, saya dimaklumkan tahap kebersihan air sungai ini, cukup teruk oleh kerana kawasan kilang di Kulim, di perumahan di Kulim, perumahan di Lunas dan sebagainya semua ikut lalu di kawasan ini di proses di Bukit Tok Alang.

Jadi saya nak Kerajaan Pakatan Rakyat pantau tengoklah, kalau dah tak ada kerja, saya beritahu suruh buat kerja, pi buat kerja. Pastikan sebab air yang diproses ini dihantar ke SPT dan sebagainya. Jadi orang Seberang Perai Tengah duk guna air ini, kalau air tak bersih dan kasihan kepada pengguna-pengguna kita. Macam saya di Kepala Batas, Sungai Dua tak apa, kami guna air Sungai Muda, proses elok, air Sungai Muda tak ada masalah apa mai daripada bukit sejuk saja. Begitu juga saya dapatkan melalui *google map* kedudukan Empangan Mengkuang.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Isu yang terakhir ya, isu yang terakhir.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Empangan Mengkuang dapati daripada *image satellite* yang saya dapat ini, kerja-kerja kuari ada 2, 3 kuari, ambil tanah merah dan sebagainya dekat sangat dengan kawasan bayangkan berapa juta gelen air dalam itu. Jadi saya bimbang, saya ragu, rakyat kita di Seberang Perai Tengah suatu hari bukan hari ini, bukan esok mungkin, suatu hari kalau dibiarkan, ini di kawasan Penanti ni.

Kawasan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri, saya nak tanya juga ini dari segi kelulusan permit dan sebagainya apa semua, saya difahamkan ada 3 syarikat yang diusahakan jadi, saya harap tindakan segera boleh dibuat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan sikit. Y.B. Tuan Speaker, saya dapati saya nak dapatkan penjelasan lanjut adakah kawasan yang menjadi pengorekan tanah merah dan dikatakan kuari tadi itu, adakah kawasan yang berhampiran dengan Mengkuang Dam, adakah kawasan ini terlibat dengan pengambilan yang dibuat oleh kerajaan, kalau terlibat adakah ini merupakan pencerobohan tanah Kerajaan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Jadi kita serah kepada pihak berkuasa yang berkenaan yang tak ada kerja yang saya beritahu tadi, untuk buat kerja dan akhir sekali.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Speaker itu lagi sekali tu...(gangguan), saya ingat masa pun dah cukup ...(bising), tak buat kerja, dia seorang saja yang buat kerja, jadi dah cukup la tak larat dengar dah...(ketawa).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Sila buat penggulungan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tak larat dengar jangan jadi Timbalan Ketua Menteri bagi kat orang lain, ...(gangguan). Batu Maung mahu(gangguan), kalau Ahli Penanti tak mahu nak jadi Timbalan Ketua Menteri oleh kerana tak mahu dengar apa yang kami sampaikan hak rakyat, yang kami mewakili hak rakyat, bagi Batu Maung jadi.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Pinang Tunggal nak teruskan...(gangguan), penggulungan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Okey, di kawasan saya juga Pinang Tunggal, rancangan tempatan banjir ini, tak tahu siapalah di kalangan kepimpinan pihak berkuasa Kerajaan Negeri yang jaga JKKN ini, dia punya kacau la buat kerja gila la, Masya-Allah, kerja buat dari segi pampasan rumah, pampasan tanah, pampasan sewaan, pampasan penempatan, pampasan untuk rumah transit, kita buat 4 tahun dulu lagi. Kita dah buat 4 tahun dulu lagi 120 buah keluarga, selesai tak ada masalah. JKKN masuk pi cucuk, inilah, inilah kerja yang terbaik mungkin oleh Kerajaan Pakatan Rakyat daripada atas sampai ke bawah dan buat kerja bingung macam ni, jadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker saya rasa dah cukup la, saya rasa perkataan bingung dah cukup, berapa kali dia diberi amaran dia mengulangi perkataan itu sekali lagi. Kalau nak buat hujahan, buat hujahan, dia mengambil kesempatan sejak tadi permulaan lagi...(gangguan). Y.B. Tuan Speaker, peraturan, dia melanggar peraturan...(gangguan), dengar dulu, saya tak tahan dengan sikap dialah.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Sila buat penggulungan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Point of order Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dewan ditangguhkan...(ketawa) dan akan disambung semula pada hari esok 6 Mei tahun 2010 jam 9.30 pagi. Semua dimaklumkan bahawa jamuan makan malam ada disediakan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang.